



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**SEJARAH PEMBANGUNAN PERTANIAN NEGERI MELAKA DI BAWAH
AGENSI PERTANIAN PERSEKUTUAN, 1970-1990**

NURDIYAWATI BINTI ABIDIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA SASTERA (SEJARAH MALAYSIA)
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Objektif kajian ini bertujuan untuk mengalurkan perkembangan ekonomi pertanian masyarakat Melayu di Melaka selepas pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) sehingga ia ditamatkan pada tahun 1990. Kajian ini juga bertujuan untuk membincangkan peranan agensi pertanian persekutuan FELDA, RISDA dan FELCRA dalam melaksanakan matlamat DEB iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat serta kesannya terhadap perkembangan pertanian yang merubah sosioekonomi masyarakat di Melaka. Kajian ini juga bertujuan untuk menganalisis perubahan perkembangan sosioekonomi kesan daripada pembangunan pertanian melalui peranan agensi pertanian di Melaka. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis dokumen dan temu bual. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pertumbuhan ekonomi luar bandar, khususnya dari aspek pembangunan kesejahteraan masyarakat pada keseluruhannya adalah sangat positif. Dapatan kajian juga mendapati taraf kehidupan masyarakat Melayu luar bandar di Melaka meningkat dimanifestasikan melalui peningkatan di dalam pendapatan bulanan. Selain itu, didapati keluasan ekar tanah pertanian juga semakin meningkat manakala kadar peratusan kemiskinan pula menunjukkan penurunan. Pelaksanaan DEB telah memberi peluang kepada agensi pertanian persekutuan seperti FELDA, RISDA dan FELCRA untuk melaksanakan matlamat DEB melalui serampang dua mata iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa peranan yang dimainkan oleh agensi pertanian persekutuan seperti FELDA, RISDA dan FELCRA telah meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat Melayu di Melaka. Implikasi kajian ini memberi sumbangan yang penting kepada masyarakat di negara ini dalam konteks untuk memahami peranan agensi pertanian persekutuan dalam memajukan masyarakat Melayu luar bandar khususnya di negeri Melaka.





THE HISTORY OF AGRICULTURAL DEVELOPMENT IN MELAKA UNDER THE FEDERAL AGRICULTURAL AGENCIES, 1970-1990.

ABSTRACT

The objective of the study is to discuss the development of Malay society's agricultural economics after the implementation of the New Economic Policy (NEP) until the policy ended in 1990. The study also aims at discussing the roles of the federal agricultural agencies such as FELDA, RISDA and FELCRA in implementing the aims of NEP especially in eradicating poverty and in restructuring the society and the impacts on the agricultural developments in changing socio-economic society in Melaka. The study also aims at analysing the change in the socio-economic development arising from the development of agriculture brought by the federal agricultural agencies in Melaka. The study uses qualitative methods in analysing documents and interviews. The result of the study shows that rural economic development and the well-being of the society are very positive. The result of the study also shows that the social standard of the rural Malays in Melaka improved through the manifestation of the increase in monthly income. In addition, the agricultural land acreage increases and the poverty percentage levels decrease. The NEP allows the federal agricultural agencies such as FELDA, RISDA and FELCRA to implement the aims of NEP through the double-efforts of eradicating poverty and restructuring the society. In conclusion, the study shows that the roles played by the federal agricultural agencies such as FELDA, RISDA and FELCRA had upgraded the socio-economic position of the Malay society in Melaka. The implication of the study is that it contributes to the society in the country especially in the context of understanding the roles of federal agricultural agencies in developing the rural Malay society especially in Melaka.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI ARTIKEL	xi
SENARAI GAMBAR	xii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI PETA	xvi
SENARAI RAJAH/CARTA	xvii
SENARAI SINGKATAN	xviii
LAMPIRAN	xx

BAB 1	Pengenalan	
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Permasalahan Kajian	7
1.4	Skop Kajian	8
1.4.1	Skop Masa	8

1.4.2	Skop Ruang	9
1.4.3	Skop Aspek	9
1.5	Objektif Kajian	10
1.6	Tujuan Kajian	10
1.7	Ulasan Kajian Terdahulu	11
1.8	Metodologi Kajian	25
1.8.1	Rujukan Perpustakaan	25
1.8.2	Kajian Lapangan	25
1.9	Struktur Bab	26
1.9.1	Bab 1	26
1.9.2	Bab 2	26
1.9.3	Bab 3	27
1.9.4	Bab 4	27
1.9.5	Bab 5	28

BAB 2 LATAR BELAKANG

2.1	Pendahuluan	29
2.2	Sejarah Kemunculan Kemiskinan Orang Melayu Luar Bandar	32
2.2.1	Peraturan Pemilikan Tanah	32
2.2.2	Perkembangan Ekonomi Dualisme	49
2.3	Usaha Mengatasi Kemiskinan Orang Melayu Luar Bandar sebelum DEB	63

2.4	Pembentukan DEB Sebagai Sasaran Peranan Agensi Pembangunan	71
-----	--	----

BAB 3 PERANAN AGENSI PERTANIAN PERSEKUTUAN DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI LUAR BANDAR DI MELAKA

3.1	Pendahuluan	77
3.2	FELDA	78
3.2.1	Latar Belakang FELDA di Melaka	78
3.2.2	Penglibatan FELDA di Melaka	79
3.3	RISDA	94
3.4	FELCRA	106

3.5	Kesimpulan	113
-----	------------	-----

BAB 4 KESAN PELAKSANAAN AGENSI PERTANIAN TERHADAP SOSIOEKONOMI LUAR BANDAR DI MELAKA

4.1	Pendahuluan	115
4.2	Kesan Pelaksanaan DEB di FELDA Hutan Percha	146
4.3	Perkembangan Ekonomi FELDA Tun Ghafar Hutan Percha Melaka	149
4.4	Kegiatan Ekonomi Sampingan FELDA Tun Ghafar Hutan Percha Melaka	156
4.5	Perkembangan Sosial FELDA Tun Ghafar Hutan Percha	160
4.5.1	Alat Perhubungan	160
4.5.2	Pendidikan	161

4.5.3	Kesihatan	164
4.5.4	Perumahan	164
4.5.5	Kemudahan Asas	167
4.5.6	Kerohanian	172
4.6	Masalah Yang Dihadapi oleh FELDA Tun Ghafar Hutan Percha	174
4.7	Kesimpulan	177
BAB 5	KESIMPULAN	179
5.1	Penutup	179
RUJUKAN		184
LAMPIRAN		189

SENARAI ARTIKEL

No. Petikan

Muka Surat

2.1 Pengisytiharan Darurat

66

SENARAI GAMBAR

No. Gambar	Muka Surat
2.1 Pertanian Tradisional di Melaka	31
3.1 Logo FELDA	79
3.2 Papan Tanda FELDA Tun Ghafar Bukit Senggeh	81
3.3 Pintu Gerbang FELDA Tun Ghafar Hutan Percha	83
4.1 Papan Tanda Selamat Datang	148
4.2 Tanaman Semula Pokok Getah	155
4.3 Tanaman Kontan (Pokok Betik)	158
4.4 Tanaman Kontan (Pokok Pisang)	159
4.5 Ternakan Kambing di FELDA Hutan Percha	159
4.6 Sekolah Rendah Agama Jaim	163
4.7 Taman Bimbingan Kanak-kanak	164
4.8 Rumah Asal FELDA	166
4.9 Rumah Penduduk FELDA Yang Telah Diubahsuai	166
4.10 Kemudahan Asas (Padang Permainan)	169
4.11 Kemudahan Asas (Perpustakaan)	170
4.12 Kemudahan Asas (Dewan Orang Ramai)	170
4.13 Balai Polis Hutan Percha	171
4.14 Kemudahan Asas (Masjid)	172
4.15 Sistem Blok dalam Penempatan FELDA	174

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1	Keluasan Negeri dan Daerah Melaka 46
3.1	Bayaran Kembali dan Terima Hakmilik Mengikut Tahun 82
3.2	Menunjukkan Bayaran Kembali dan Terima Hakmilik Pekebun Kecil 84
3.3	Menunjukkan Tanaman Asal dan Tanam Semula di FELDA Machap pada tahun 1958/1959-985/1986 di kawasan peringkat pertama 86
3.4	Menunjukkan Tanaman Asal dan Tanam Semula di FELDA Menggong pada tahun 1958/1959 dan 1986/1987 87
3.5	Menunjukkan Purata Pendapatan Bulanan Peneroka di FELDA Menggong Bagi Tahun 1993 dan 1994 89
3.6	Penempatan Peneroka FELDA-FELDA Di Melaka 91
3.7	Keluasan berdasarkan Jenis Tanaman FELDA Di Melaka 92
3.8	Bilangan Pekebun Kecil dan Keluasan Tanah Mengikut Daerah di Melaka pada tahun 1987 94
3.9	Pusat Pembangunan Pekebun Kecil Di Bawah RML Pada Tahun 1986 Sehingga 1990 101
3.10	Menunjukkan Kedudukan Projek Bebiri Setakat Tahun 1990 104
4.1	Penempatan Peneroka FELDA-FELDA Di Melaka 116
4.2	Pemulihan Tanam Semula Di Bawah Semula RML Pada Tahun 1986 Sehingga 1990 122

4.3	Subsidi Baja Di Bawah RML Pada Tahun 1986 sehingga 1990	124
4.4	Subsidi Kimia Rumpai Di Bawah RML Pada Tahun 1986 sehingga 1990	125
4.5	Subsidi Penggalak Susu Di Bawah RML Pada Tahun 1986 sehingga 1990	126
4.6	Subsidi Kontan Di Bawah RML Pada Tahun 1986 sehingga 1990	127
4.7	Subsidi Kacang Penutup Bumi Di Bawah RML Pada Tahun 1986 sehingga 1990	128
4.8	Prasarana Di Bawah RML (1986–1990)	129
4.9	Bilangan Peneroka Mengikut Kaum dan Peringkat Di FELDA Tun Ghafar Hutan Percha	149
4.10	Tahun Pemberian Surat Hak Milik dan Selesai Bayar Balik Hutang Peneroka FELDA Tun Ghafar Hutan Percha	150
4.11	Taraf Pendapatan Peneroka FELDA Tun Ghafar Hutan Percha	151
4.12	Luas Kawasan Keliling FELDA Tun Ghafar Hutan Percha Bagi Tahun Pembangunan Awal Mengikut Peringkat	152
4.13	Keluasan Tanam Semula Getah Bagi FELDA Tun Ghafar Hutan Percha	153
4.14	Hasil Pengeluaran Tanam Semula Mengikut Tahun dan Peringkat di FELDA Tun Ghafar Hutan Percha	154
4.15	Senarai Projek Usahawan di FELDA Tun Ghafar Hutan Percha	157
4.16	Jalan Pertanian Mengikut Peringkat di FELDA Tun Ghafar Hutan Percha	161
4.17	Bilangan Sekolah dan Pelajar di FELDA Tun Ghafar Hutan Percha	162

4.18	Jenis Rumah di FELDA Tun Ghafar Hutan Percha	165
4.19	Kemudahan Asas di FELDA Tun Ghafar Hutan Percha	167
4.20	Kemudahan Rekreasi di FELDA Tun Ghafar Hutan Percha	168
4.21	Kemudahan Awam di FELDA Tun Ghafar Hutan Percha	168
4.22	Tempat Ibadat di FELDA Tun Ghafar Hutan Percha	172
4.23	Keluasan Tanah Perkuburan di FELDA Tun Ghafar Hutan Percha	173

SENARAI PETA

No. Peta	Muka Surat
2.1 Peta Lama Negeri Melaka	31
3.1 Peta Daerah di Melaka	80
3.2 Peta Daerah Alor Gajah	85
4.1 Peta Menunjukkan Taburan Penggunaan Tanah Di Melaka Pada Awal 1980an.	144

SENARAI RAJAH/CARTA

No. Rajah/Carta	Muka Surat
2.1 Sistem Feudal di Melaka	34
3.1 Program Latihan Pekebun Kecil Di Bawah RML (1986-1990)	102
3.2 Perkumpulan Wanita Pekebun Kecil Setakat Tahun 1990	105
4.1 Keluasan Getah Tua Yang Telah Ditanam Semula Pada Tahun 1952 Sehingga 1990	119
4.2 Matlamat dan Pencapaian Tanam Semula di Bawah RML (1986-1990)	121
4.3 Mini Estet Setakat Tahun 1990	130
4.4 Tanam Semula Berkelompok Setakat Tahun 1990	131
4.5 Tanam Semula Serentak Setakat Tahun 1990	132
4.6 Projek Rotan Manau Setakat Tahun 1990	133

SENARAI SINGKATAN

FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
FELCRA	Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Persekutuan
RISDA	Pihak berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah
DEB	Dasar Ekonomi Baru
KKLW	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
RM1	Malaya Pertama
RM2	Rancangan Malaya Kedua
RMP	Rancangan Malaysia Pertama
RMK2	Rancangan Malaysia Kedua
RMK5	Rancangan Malaysia Kelima
MARA	Majlis Amanah Rakyat
BP	Bank Pembangunan, Bank Pertanian
ASN	Amanah Saham Nasional
MADA	Lembaga Kemajuan Pertanian Muda
KADA	Lembaga Kemajuan Kemubu
KEJORA	Lembaga Kemajuan Johor Tenggara
KESEDAR	Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan
KETENGAH	Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah
KEDA	Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah
RMK6	Rancangan Malaysia Keenam
RIDA	Rural and Industrial Development Authority
KPNL	Kementerian Pembangunan Negara & Luar Bandar
Fama	Federal Agricultural Marketing Agency
UMNO	United Malays National Organisation
MIC	Malaysian Indian Congress
MCA	Malaysian Chinese Association
MAGERAN	Majlis Gerakan Negara

MAPEN	Majlis Perundingan Negara
DUN	Dewan Undangan Negeri Alor Gajah
TSB	Tanam Semula Berkelompok
TSS	Tanam Semula Serentak
M.E	Mini Estet
Seperdu	Sistem Perkebunan Sepadu
PPPK	Pusat Pembangunan Pekebun Kecil
PMPK	Pemaju Masyarakat Pekebun Kecil
PWPK	Perkumpulan Wanita Pekebun Kecil
SEPENTAS	Skim Penggalak Tanam Semula
SJP	Skim Jaminan Pendapatan
SPKPK	Pampasan Kemalangan Pekebun Kecil
PMGB	Pusat Memproses Getah Berkelompok
PMB	Pusat Memproses Berpukal
KOPKENEM	Koperasi Pekebun Kecil
IADP	Rancangan Pembangunan <i>In-Situ</i>
JKKP	Jawatankuasa Kemajuan Projek
PPSK	Program Penyusunan Semula Kampung
MARDEC	<i>Malaysian Rubbers Development Corporation</i>
RDC	<i>Rubber Development Centres</i>
RMK3	Rancangan Malaysia Ketiga
RMK4	Rancangan Malaysia Keempat
RSB	Rancangan Skim Blok
RTP	Rancangan Tanah Pinggir
JAIM	Sekolah Rendah Agama Rakyat
SRS	Skim Rondaan Sukarelawan
GPW	Gerakan Persatuan Wanita
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru

SENARAI LAMPIRAN

Muka Surat

1	Perjanjian Kawasan Tanam Semula Tanah Getah Kepada Getah	180
2	Surat Perjanjian Antara Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan Dan Peneroka Rancangan FELDA	184
3	Surat bth. 11 Jun 1993 bernombor rujukan Prk.NSM.04/2/6/Jld. 7 Surat Pengesahan sebagai penama salah seorang peserta rancangan tanah	188
4	Surat bertarikh 19/2/95 bernombor rujukan Bil : () 3019 Peringatan (1) Tidak Membawa Susu Getah Cair Ke Pusat Mengumpul Getah	189
5	Surat bertarikh 24/1/79 bernombor rujukan Bil (25) 37-13/121-5 (B) Tiada Menuris Tanpa Sebab-sebab yang tertentu	190
6	Surat Bertarikh 10/3/1969 bernombor rujukan RKTHP; Bil (10) Dlm : 42/69 Kawasan Getah Kotor	191
7	Surat Bertarikh 15/3/1963 bernombor rujukan Bil (47) Dlm LKPT 8/A14/1 Kemasukan Penduduk Ke Rancangan Hutan Percha Melaka Peringkat II	192
8	Kad Bertarikh 13/9/1965 Bernombor A22697 Peringatan Keluaran Barang-barang	193
9	Settler's Personal Particulars (Confidential)	194
10	Borang Permohonan Skim Insentif Usahawan FELDA	195
11	Surat Perjanjian Skim Intensif Usahawan FELDA	198
12	Garis Panduan Skim Bantuan Tanaman dan Aktiviti Pelbagaian Luar Bandar Bagi Membantu Pekebun Kecil Getah dan Kelapa Sawit	199

13	Borang Permohonan Skim Bantuan Tanaman dan Aktiviti Pelbagaian Luar Bandar Bagi Membantu Pekebun Kecil Getah dan Kelapa Sawit	206
14	Pelan Lot Kebun Peneroka FELDA Tun Ghafar Baba Hutan Percha Peringkat 201	211
15	Pelan Lot Kebun Peneroka FELDA Tun Ghafar Baba Hutan Percha Peringkat 202	212
16	Pelan Lot Kebun Peneroka FELDA Tun Ghafar Baba Hutan Percha Peringkat 202	213
17	Pelan Susun Atur Lampu Jalan FELDA Tun Ghafar Hutan Percha	214



BAB 1

PENGENALAN



1.1. Pendahuluan

Pembangunan luar bandar di Malaysia bukan sekadar sebuah konsep semata-mata malah ia adalah satu rentetan usaha mencuba pelbagai pilihan untuk menyusun kaedah-kaedah bagi meningkatkan pengeluaran, kebajikan dan kehidupan sosial di kawasan luar bandar. Pembangunan luar bandar memang mendapat keutamaan dari segi belanjawan negara tidak lama selepas merdeka.¹ Melalui Rancangan Lima Tahun yang berterusan, berbagai-bagai agensi dan jabatan telah ditubuhkan bagi tujuan meningkatkan pembangunan sektor luar bandar. Dalam dekad pertama selepas 1957, tumpuan utama pembangunan adalah bagi meningkatkan tahap produktiviti pertanian.

¹ Jabatan Penerangan Malaysia. (1971). *Aspek-Aspek Penting Rancangan Malaysia Kedua*. Petaling Jaya: hlm. 9.



Seperti mana-mana negara membangun, sejarah pembangunan luar bandar Malaysia sangat rencam dan mempunyai pelbagai corak serta dilaksanakan oleh ketiga-tiga lapisan penguasa awam, iaitu dari peringkat Persekutuan, negeri dan daerah. Kajian ini menumpukan kepada usaha pembangunan wilayah luar bandar dan sektor pertaniannya di negeri Melaka yang dilaksanakan oleh agensi-agensi peringkat Persekutuan. Peranan agensi-agensi Persekutuan yang diteliti adalah FELDA (Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan), FELCRA (Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Persekutuan) dan RISDA (Pihak berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah). FELDA dan FELCRA telah ditubuhkan sebelum Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilancarkan pada tahun 1971. FELDA adalah agensi yang ditubuhkan pada 1956, manakala FELCRA ditubuhkan sepuluh tahun kemudian. RISDA pula ditubuhkan pada 1hb Januari 1973 sebagai sebuah Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). Kesemua agensi ini dipertanggungjawabkan untuk menjayakan matlamat DEB yang akan berjalan selama 20 tahun seiringan dengan Rancangan Malaysia Kedua hingga Rancangan Malaysia Kelima. Tanggungjawab itu adalah bagi membasmi kemiskinan terutamanya di kawasan luar bandar dan menyusun semula masyarakat supaya jurang kekayaan dan kemajuan antara kawasan bandar dan luar bandar diperkecilkan.²

Peranan agensi-agensi ini di negeri Melaka perlu berdepan dengan ciri-ciri tersendiri Negeri Melaka yang dibentuk oleh faktor keluasan wilayahnya, taraf kemiskinan luar bandar, jurang sosioekonomi antara bandar dan luar bandar, tahap infrastruktur,

² Jabatan Penerangan Malaysia. (1973). *Kejayaan dan Prospek Kajian Semula Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975)*: Petaling Jaya. hlm.4.

komposisi penduduk, pemilikan tanah, jenis tanaman dan faktor sejarah. Beberapa faktor lain juga ditangani dengan baik termasuk pembahagian dan penyesuaian terhadap perancangan dan pelaksanaan pembangunan dari agensi Persekutuan yang lain dan dari penguasa negeri serta daerah. Situasi yang digambarkan itu menjadi penentu kepada keberkesanan perancangan dan pelaksanaan peranan setiap agensi Persekutuan itu melaksanakan tanggungjawab yang digariskan oleh matlamat DEB.

1.2 Latar Belakang Kajian

DEB bukanlah rancangan pembangunan ekonomi yang pertama dibuat oleh kerajaan pada ketika itu kerana sebelum pengenalan DEB sudahpun dilaksanakan Rancangan Malaya Pertama (RM1), Rancangan Malaya Kedua (RM2) dan Rancangan Malaysia Pertama (RMP). Kesemua rancangan pembangunan yang awal itu ternyata menjadi titik tolak kerajaan untuk mengimbangi kedudukan masyarakat khususnya antara masyarakat luar bandar dengan masyarakat bandar sama ada dari segi ekonomi mahupun sosial. Ketidakseimbangan yang besar jurangnya mengariskan perbezaan pencapaian sosioekonomi antara kaum dan antara moden dengan tradisional serta antara kaya dengan miskin. Luar bandar adalah wilayah yang didiami ramai orang Melayu yang masih berada dalam aktiviti pertanian tradisional dan rata-ratanya miskin. Manakala orang bukan Melayu yang hidup dibandar mengamalkan ekonomi moden dan komersil mempunyai kemewahan dan pelbagai kemudahan sosioekonomi yang tidak tertanding oleh penduduk luar bandar. Ketidakseimbangan mudah mempelawa pertelagahan sekiranya sikap saling



hormat menghormati antara mereka diketepikan. Hal ini terbukti apabila tercetusnya rusuhan kaum ataupun lebih dikenali sebagai peristiwa berdarah 13 Mei 1969.³ Lantaran itu, DEB telah diperkenalkan untuk mengurangkan jurang ekonomi antara kedua bandar dengan luar bandar atau dalam erti yang lain antara orang Melayu dengan orang bukan Melayu. Usaha menjadi titik tolak bermulanya usaha pembangunan sosioekonomi pertama selepas peristiwa tersebut.

DEB adalah medium serampang dua mata yang bertindak untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Ia adalah dasar pembangunan baru yang menekankan intervensi kerajaan yang lebih aktif dengan tekad bersedia bagi terlibat dalam kegiatan ekonomi secara langsung. Intervensi ini diperlukan bagi mewujudkan keadaan yang seimbang antara golongan yang berada dengan golongan yang tidak berada. Pendirian ini membawa peningkatan peranan yang perlu dimainkan oleh semua agensi pembangunan awam yang sedia ada dan yang baru dibentuk di setiap peringkat penguasa atau kerajaan pada tempoh DEB dilaksanakan dari 1971 sehingga 1990. Agensi peringkat Persekutuan terutamanya perlu melaksanakan perancangan dan kaedah pelaksanaan yang digariskan antaranya oleh Jabatan Perancangan Negara, Kementerian dan segala yang berkaitan dengan bidang tugas mereka yang diluluskan oleh parlimen. Pihak agensi Persekutuan perlu pula merancang dan melaksanakan bidang tanggungjawab masing-masing supaya menepati sasaran.

³ Tunku Abdul Rahman. (2007). *13 Mei Sebelum dan Selepas*. Petaling Jaya: Utusan Publication & Distributions. hlm. 3.





Agensi Persekutuan dalam merancang dan membentuk kaedah pelaksanaan masing-masing perlu fleksibel apabila menterjemahkan rancangan dan pelaksanaan itu supaya bersesuaian dengan ciri-ciri wilayah yang dibangunkannya. Penyesuaian atau fleksibiliti itu diperlukan kerana setiap wilayah mempunyai ciri tersendiri termasuklah wilayah yang dibangunkan oleh agensi Persekutuan itu di Negeri Melaka.

Agensi Persekutuan yang ditumpukan dalam kajian ini umumnya bertanggungjawab dalam memajukan bidang pertanian luar bandar. Di negeri Melaka, seperti juga negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia, pertanian luar bandar itu kebanyakannya diusahakan oleh orang Melayu. Kaedah pertanian yang diamalkan tidak memberi pulangan yang lumayan sehingga kebanyakan para petani itu berada dalam kemiskinan. Pertanian padi dan getah merupakan punca pendapatan sebilangan besar penduduk luar bandar. Taraf kemiskinan mereka lebih terasa kerana kedudukan kawasan luar bandar itu tidak jauh dari kawasan bandar yang telah maju sosioekonominya. Jurang itu lebih terasa di kalangan sebilangan petani Melayu yang miskin itu menjalani kehidupan dan mengerjakan pertanian padi sawah di sekitar pinggir bandar Melaka. Situasi ini memerlukan perancangan yang lebih teliti dan pelaksanaan yang lebih segera. Penyelesaian kepada masalah ini dikekang pula oleh faktor kekurangan tanah, bentuk pemilikan tanah tidak ekonomik dan masalah tanah adat, dimensi keturunan dan demografi penduduk luar bandar serta faktor sama ada wujudnya ketepuan peluang pekerjaan di bandar atau kerana ketidaksesuaian kebolehan melakukan jenis kerja yang terdapat di bandar bagi mengurangkan pengangguran di kawasan luar bandar.





Situasi inilah yang perlu ditangani sendiri oleh pihak berkuasa negeri Melaka dan penguasa daerah pada peringkat awal negara mencapai kemerdekaan. Oleh kerana keupayaan yang terhad yang dimiliki oleh pihak berkuasa itu dalam membangunkan ekonomi negeri sehingga berada tahap ekonomi yang rendah menyebabkan sokongan dari kerajaan pusat atau Persekutuan diperlukan. Menerusi perancangan dan keupayaan yang lebih baik di peringkat agensi pusat dan agensi pengurusanannya maka pelbagai usaha dilaksanakan untuk membantu kerajaan negeri Melaka menangani mengatasi masalah kelembapan ekonomi dan kemiskinan penduduknya. Penyebab kepada kedudukan itu adalah berpunca dari penduduk luar bandar yang majoritinya terdiri daripada orang Melayu yang menjalankan aktiviti pertanian yang kurang produktif dan berdepan dengan masalah pemilikan tanah yang tidak ekonomik atau tidak langsung memiliki tanah.



FELDA, FELCRA dan RISDA adalah agensi yang diberi tanggungjawab menangani masalah yang mencetuskan kemunduran penduduk luar bandar. Peranan mereka menyelesaikan masalah tersebut diperjelaskan lagi dengan pengenalan DEB yang dilancarkan pada 1971 yang menuntut supaya matlamatnya dipenuhi dalam tempoh 20 tahun. Justeru, masalah kemunduran luar bandar berkaitan dengan sifat aktiviti pertanian dan kerana pertanian berkait rapat dengan masalah tanah maka kejayaan usaha agensi itu bergantung kepada keupayaan memahami tentang soal pemilikan, keberadaan, kesesuaian dan penilaian terhadap tanah di wilayah tanggungjawab masing-masing.





1.3 Permasalahan Kajian

Sektor pertanian di Melaka lebih banyak diusahakan oleh masyarakat Melayu kerana Melaka mempunyai tanah subur yang sesuai untuk kegiatan pertanian. Semenjak kemerdekaan pada tahun 1957 di bawah Kerajaan Persekutuan telah diperkenalkan program pembangunan dalam sektor pertanian bagi meningkatkan penglibatan masyarakat orang Melayu khususnya. Kegiatan pertanian di negeri Melaka telah mendapat perhatian di bawah agensi-agensi Kerajaan seperti FELDA, RISDA dan FELCRA yang merupakan agensi terpenting dalam membangunkan taraf sosioekonomi masyarakat Melayu di Melaka yang sebelum ini banyak bergantung hidup dengan pertanian bercorak sara diri.



Peranan penting yang dimainkan oleh agensi-agensi pertanian seperti FELDA, RISDA dan FELCRA telah membantu meneroka tanah-tanah baru di Melaka untuk dijadikan kawasan pertanian. Penglibatan agensi FELCRA di Melaka telah melaksanakan rancangan pemuliharaan tanah-tanah terbiar sehingga membawa perubahan dan peningkatan taraf sosioekonomi masyarakat Melayu di Melaka. Manakala agensi seperti RISDA pula telah melaksanakan tanggungjawab sebagai pemangkin dan pemacu kepada kegiatan ekonomi pekebun kecil getah yang terdapat di Melaka. Kesemua agensi pertanian yang terlibat dalam pembangunan sektor pertanian di Melaka telah memberi sumbangan dan kesan yang besar terhadap kemajuan sosioekonomi masyarakat luar bandar di Melaka. Dalam hal ini, FELDA dilihat sebagai agensi pertanian yang paling berpengaruh yang telah menyumbang ke arah peningkatan sosioekonomi masyarakat Melayu di Melaka dengan





lebih bermakna. Kesan daripada kemajuan ekonomi ini juga telah menyumbang kepada pembangunan sosial yang telah memberi pembangunan setempat di Melaka.

1.4 Skop Kajian

1.4.1 Skop Masa (1970-1990)

Pengkaji telah memilih skop masa bermula pelaksanaan DEB iaitu 1970 hinggalah tamat pelaksanaannya iaitu pada 1990. Skop kajian masa ini meliputi tempoh masa 20 tahun. DEB dilaksanakan pada tahun 1971 sehingga 1990. Kajian ini merangkumi sekitar tempoh masa pelaksanaan DEB. Jangka tempoh pelaksanaan 20 tahun adalah suatu jangka masa yang agak panjang. Dalam tempoh tersebut, banyak penilaian dan kejayaan boleh diukur. Sebelum ini, kerajaan telah melaksanakan rancangan pembangunan ekonomi selama lima tahun. Namun, pencapaiannya tidak boleh dibanggakan kerana tempoh pelaksanaan yang singkat dan memerlukan masa yang panjang untuk membuat sesuatu perubahan. Justeru, tempoh 20 tahun yang ditetapkan oleh kerajaan dianggap wajar bagi melihat sejauhmanakah keberkesanan strategi-strategi yang dirangka sepanjang pelaksanaan DEB.





1.4.2 Skop Ruang

Negeri Melaka dipilih sebagai lokasi kajian kerana Melaka merupakan salah sebuah negeri yang turut melaksanakan DEB. Melaka mempunyai tiga daerah utama iaitu Daerah Jasin, Daerah Melaka Tengah dan Daerah Alor Gajah. Setiap daerah mempunyai keluasan tanah yang diperuntukkan bagi menjalankan kegiatan pertanian. Sebagai contoh, di daerah Jasin, 79.46% tanah digunakan untuk kegiatan pertanian. Sungguhpun Melaka bukanlah sebuah negeri pertanian seperti Kedah, namun kegiatan pertanian tetap masih lagi dijalankan oleh penduduk di Melaka. Beberapa agensi berkanun seperti FELDA, RISDA dan FELCRA telah ditubuhkan di Melaka bagi mencapai matlamat DEB. Tambahan pula, kajian terhadap pelaksanaan DEB masih kurang lagi di Melaka. Kebanyakan kajian tentang DEB lebih banyak tertumpu di negeri-negeri lain seperti Selangor, Kedah, Johor, Sabah dan Sarawak.

1.4.3 Skop Aspek

Dalam tesis ini, Pengkaji telah memilih tajuk perkembangan ekonomi pertanian di Melaka semasa pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB). DEB dianggap sebagai usaha awal oleh kerajaan ke arah membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat sebaik sahaja tamatnya peristiwa rusuhan kaum pada 13 Mei 1969.

Dalam kajian ini, pengkaji ingin melihat perkembangan ekonomi pertanian di Melaka melalui pelaksanaan DEB. Pengkaji memilih pengkhususan dalam aspek pertanian





kerana ia merupakan kegiatan ekonomi yang penting dalam komoditi negara. Dalam aspek pertanian dapat dilihat pelbagai usaha telah dibuat untuk meningkatkan hasil pertanian dan beberapa agensi telah diwujudkan seperti FELDA, RISDA dan FELCRA. Oleh itu, pengkaji ingin melihat perkembangan ekonomi pertanian di Melaka semasa pelaksanaan DEB melalui peranan-peranan yang dimainkan oleh agensi – agensi tersebut untuk mencapai matlamat DEB iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat di negeri Melaka.

1.5 Objektif Kajian



1. Mengkaji latar belakang pembangunan sektor pertanian di Melaka.
2. Mengkaji peranan agensi pertanian FELDA, RISDA dan FELCRA di Melaka.
3. Menganalisis kesan pembangunan pertanian oleh agensi-agensi pertanian di Melaka.

1.6 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah mengalurkan perkembangan kedudukan ekonomi pertanian orang Melayu luar bandar di Melaka yang cuba dimajukan oleh beberapa agensi pertanian Persekutuan FELDA, RISDA dan FELCRA sewaktu pelaksanaan DEB bagi mengatasi masalah kemiskinan dan kemunduran mereka.



1.7 Ulasan Kajian Terdahulu

Kajian tentang aspek pertanian telah banyak ditulis dan diulas dalam buku- buku ilmiah terdahulu. Antara sumber kajian ini adalah sumber penulisan daripada James C. Jackson dalam bukunya yang bertajuk *Planters and Speculators Chinese and European Agricultural Enterprise in Malaya 1786-1921*⁴, J. H Drabble dalam bukunya *Rubber in Malaya 1876- 1922 The Genesis of the Industry*⁵, G C Allen and Audrey G Donnithorne dalam bukunya *Western Enterprise in Indonesia and Malaya*⁶, Lim Teck Ghee dalam bukunya *Peasants and their Agricultural Economy in Colonial Malaya 1874- 1941*⁷.

G C Allen and Audrey G Donnithorne dalam bukunya *Western Enterprise in Indonesia and Malaya* menjelaskan tentang perkembangan pertanian di Indonesia dan Malaya. Menurut beliau, perjanjian London merupakan titik tolak kepada penjajahan British di Malaya. Penjajahan ini membentuk satu corak ekonomi moden di Malaya. Buku ini turut mengulas tentang perusahaan getah, koko, kelapa sawit dan bijih timah. Turut dimuatkan tentang peranan bank- bank yang diwujudkan bagi membangunkan pertanian di Malaya serta kemasukan buruh asing ke Malaya. Kekuatan buku ini dapat dilihat melalui hasil penulisan yang menjelaskan kepada masyarakat pada hari ini tentang perkembangan

⁴ James C. Jackson. (1968). *Planters and Speculators Chinese and European Agricultural Enterprise in Malaya 1786- 1921*. Singapore: University of Malaya.

⁵ J. H. Drabble. (1973). *Rubber in Malaya 1876-1922 The Genesis of the Industry*. Singapore: Oxford University Press.

⁶ G C Allen and Audrey G Donnithorne. (1957). *Western Enterprise in Indonesia and Malaya* London: Routledge Taylor & Francis Group.

⁷ Lim Teck Ghee. (1977). *Peasants and Their Agricultural Economy in Colonial Malaya 1874-1941*. London: Oxford University Press.



pertanian bermula pada zaman tradisional hinggalah perkembangannya menjadi pertanian komersil yang dimonopoli oleh penjajah Barat.

James C. Jackson dalam bukunya *Planters and Speculators Chinese and European Agrucultural Enterprise in Malaya 1786-1921* menjelaskan tentang perkembangan pertanian yang dipelopori oleh orang Cina dan kemudiannya orang Eropah. Orang Cina mula melibatkan diri dalam perusahaan lada hitam dan gambir serta ubi kayu di Malaya. Seterusnya mengusahakan tebu. Orang Eropah pula memperkenalkan perusahaan kopi dan seterusnya getah. Penulisan buku ini menjelaskan tentang monopoli kaum lain ke atas pertanian di Tanah Melayu. Jelas menggambarkan kedudukan orang Melayu pada ketika itu hanya menjalankan kegiatan ekonomi sara diri berbanding dengan kaum yang lain.



Buku Rubber in Malaya 1876- 1922 oleh J. H Drabble pula menjelaskan tentang perkembangan perusahaan getah di Malaya. Perusahaan ini mula berkembang di Malaya sebaik sahaja kemerosotan harga kopi dalam pasaran dunia. Kawasan pertama yang ditanam getah adalah Kuala Kangsar di Perak. Buku ini turut menyentuh tentang faktor-faktor kejayaan dan kemerosotan perusahaan ini. Sama seperti penulisan J. H. Drabble, buku *The Natural Rubber Industry* juga berkisar tentang perkembangan perusahaan getah di Malaysia. Buku ini menjelaskan tentang sejarah awal benih getah dibawa masuk ke Malaysia, masalah- masalah peringkat awal perusahaan ini, rancangan- rancangan dan penyelidikan yang dibuat, teknologi yang digunapakai dalam perusahaan getah serta kedudukannya perusahaan ini dalam pasaran dunia dari segi harga dan eksport. Perkaitan



buku ini dengan kajian adalah getah merupakan tanaman yang diusahakan oleh agensi kerajaan seperti RISDA.

Lim Teck Ghee dalam bukunya *Peasants and their Agricultural Economy in Colonial Malaya 1874-1941* pula menjelaskan tentang tanah Melayu sebelum 1895 dari aspek sejarah dan geografi serta corak kegiatan ekonomi pertanian tradisional. Kemudian, buku ini menjelaskan tentang perkembangan pertanian di bawah pentadbiran British. Dalam aspek pertanian padi, buku ini mengulas tentang masalah yang wujud serta persaingannya dengan perusahaan getah. Turut disentuh adalah berkaitan dengan perusahaan getah serta krisis- krisis dalam membangunkan perusahaan getah di Malaya. Perkaitannya dengan Melaka adalah terdapat penulisannya menyentuh tentang perkembangan penanaman padi di Melaka yang diusahakan oleh orang Melayu yang tinggal di kawasan pedalaman.

Kajian mengenai DEB yang meliputi Rancangan Malaysia Kedua (RMK2) hingga Rancangan Malaysia Kelima (RMK5) telah banyak dikaji oleh ahli sejarah dan ekonomi. Beberapa buah buku yang berkaitan telah dipilih untuk membuat ulasan kajian tentang tajuk ini. Dalam kajian yang terdahulu, didapati terdapat beberapa buah buku yang mengupas tentang strategi untuk membasmi kemiskinan. Hal ini jelas dapat dilihat dalam kajian yang dihasilkan oleh beberapa pengkaji seperti Chamhuri Siwar, Surtahman Kastin Hassan dan Norshamliza Chamhuri dalam buku *Ekonomi Malaysia*⁸ dan sebuah buku yang

⁸ Chamhuri Siwar, Surtahman Kastin Hassan & Norshamliza Chamhuri. (2005). *Ekonomi Malaysia Edisi Keenam*. Petaling Jaya: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.



ditulis oleh Jabatan Pertanian Malaysia yang bertajuk *Seratus Tahun Menerajui Kecemerlangan Pertanian 1905-2005*⁹ serta buku *Malaysia Kita* yang ditulis oleh Anggota Persatuan Penerbit Malaysia.¹⁰ Walaupun mereka menulis tentang strategi untuk membasmi kemiskinan, namun setiap penulis menghuraikan strategi yang berbeza-beza. Buku *Malaysia Kita* yang ditulis oleh Anggota Persatuan Penerbit Malaysia menjelaskan strategi membasmi kemiskinan di kawasan luar bandar ialah memajukan sektor pertanian, menggalakkan pembukaan tanah baru, pemberian subsidi benih dan baja, serta kemudahan kredit dan nasihat.¹¹ Bagi kawasan bandar pula, antara strateginya termasuklah menyediakan kemudahan asas yang sempurna seperti rumah kos rendah dan pembangunan guna tenaga yang produktif. Antara strategi untuk membasmi kemiskinan yang dibincangkan oleh Chamhuri Siwar, Surtahman Kastin Hassan dan Norshamliza Chamhuri, dalam buku *Ekonomi Malaysia* pula adalah meningkatkan pengeluaran hasil pertanian dengan teknik moden seperti penanaman padi dua kali setahun, menyediakan khidmat sosial secara percuma seperti subsidi, keperluan asas dan projek kos rumah rendah.¹²

Buku yang dihasilkan oleh Jabatan Pertanian Malaysia yang bertajuk *Seratus Tahun Menerajui Kecemerlangan Pertanian 1905-2005* pula memfokuskan strategi untuk membasmi kemiskinan melalui peranan yang dimainkan oleh Jabatan Pertanian Malaysia.

⁹ Jabatan Pertanian Malaysia. (2005). *Seratus Tahun Menerajui Kecemerlangan Pertanian 1905-2005*. Kuala Lumpur: Jabatan Pertanian Malaysia.

¹⁰ Anggota Persatuan Penerbit Malaysia. (2008). *Malaysia Kita*. Selangor: Golden Books Center Sdn. Bhd

¹¹ *Ibid.* hlm. 318.

¹² Chamhuri Siwar, Surtahman Kastin Hassan & Norshamliza Chamhuri. (2005). *Ekonomi Malaysia Edisi Keenam*. Petaling Jaya: Pearson Malaysia Sdn. Bhd, hlm. 341.



Antara strategi tersebut adalah program penyatuan tanah, integrasi sawah, pembangunan tanaman kekal pengeluaran makanan, pembangunan tanah terbiar, kaedah penanaman seperti perladangan kelompok dan tabur terus, mekanisasi seperti jentuai padi, peralatan laser, teknologi pneumatic dan penggunaan peralatan persis seperti pemetaan dan ICT.

Selain itu, buku–buku ini juga turut membincangkan tentang strategi untuk menyusun semula masyarakat seperti meningkatkan pengeluaran, meninggikan taraf hidup golongan miskin, menggalakkan semua kaum terlibat dalam sektor utama ekonomi dan meninggikan pemilikan modal khususnya untuk orang Melayu. Antara lain termasuklah menambah pemilikan modal dan harta syarikat untuk orang Melayu dan memodenkan kehidupan desa.

Buku *Kenegaraan Malaysia* hasilan Ruslan Zainuddin, Mohamad Mahadee Ismail dan Zaini Othman pula menyentuh tentang peranan yang dimainkan oleh agensi-agensi tertentu bagi mencapai matlamat DEB.¹³ Antara buku–buku lain yang turut membincangkan perkara tersebut adalah buku *Malaysia Kita* yang ditulis oleh Anggota Persatuan Penerbit Malaysia,¹⁴ Chamhuri Siwar, Surtahman Kastin Hassan dan Norshamliza Chamhuri dalam buku *Ekonomi Malaysia*,¹⁵ Leon Comber penterjemah oleh Omardin Ashaari dalam bukunya *Peristiwa 13 Mei Sejarah Perhubungan Melayu-Cina*,¹⁶

¹³ Ruslan Zainuddin, Mohamad Mahadee Ismail & Zaini Othman. (2005). *Kenegaraan Malaysia*. Selangor: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

¹⁴ Anggota Persatuan Penerbit Malaysia. (2008). *Malaysia Kita*. Selangor: Golden Books Center Sdn.Bhd.

¹⁵ Chamhuri Siwar, Surtahman Kastin Hassan & Norshamliza Chamhuri. (2005). *Ekonomi Malaysia Edisi Keenam*. Petaling Jaya: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.

¹⁶Leon Comber Penterjemah Omardin Ashaari. (2007). *Peristiwa 13 Mei Sejarah- PerhubunganMelayu-Cina*. Selangor: IBS Buku Sdn. Bhd.

dan Nik Hashim Nik Mustapha dalam bukunya *Perancangan Pembangunan Pertanian di Malaysia*.¹⁷ Antara agensi yang dibincangkan oleh buku-buku ini ialah Majlis Amanah Rakyat (MARA), Bank Pembangunan, Bank Pertanian (BP), Amanah Saham Nasional (ASN), Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Lembaga Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan Lembaga Kemajuan Kemubu (KADA). Antara lain termasuklah Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA), Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR), Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) dan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA).

Daripada aspek tempoh masa pula, kebanyakan buku-buku mengkaji perkembangan kegiatan ekonomi sebelum merdeka sehinggalah selepas merdeka. Kajian sebelum merdeka meliputi zaman pra penjajahan dan era penjajahan. Manakala zaman selepas merdeka pula meliputi era kemerdekaan dan era baru kini yang meliputi dasar-dasar pembangunan negara. Buku-buku yang mengkaji ruang skop masa tersebut ialah buku yang dihasilkan oleh Ishak Saat dalam dua buah bukunya iaitu *Pendidikan Negara Bangsa Malaysia dan Malaysia 1945–2000*,¹⁸ Chamhuri Siwar, Surtahman Kastin Hassan dan Norshamliza Chamhuri dalam buku *Ekonomi Malaysia*,¹⁹ Samuel Bassey Okposia dan

¹⁷ Nik Hashim Nik Mustapha. (1996). *Perancangan Pembangunan Pertanian di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

¹⁸ Ishak Saat. (2009). *Pendidikan Negara Bangsa Malaysia*. Kuala Lumpur: Karisma Publication Sdn.Bhd & *Malaysia 1945-2000*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd.

¹⁹ Chamhuri Siwar, Surtahman Kastin Hassan & Norshamliza Chamhuri. (2005). *Ekonomi Malaysia Edisi Keenam*. Petaling Jaya: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.



Abdul Halim Abdul Hamid dan Ong Hway Boon dalam buku *The Changing Phases of Malaysian Economy*²⁰.

Terdapat juga kajian yang memfokuskan tentang definisi konsep seperti konsep kemiskinan dan pembangunan. Nik Hashim Nik Mustapha dalam bukunya *Perancangan Pembangunan Pertanian di Malaysia* membincangkan tentang definisi konsep tentang kemiskinan dan pembangunan.²¹ Buku ini memfokuskan kemiskinan luar bandar, ciri-ciri kemiskinan dan rancangan pembangunan pertanian yang meliputi RMP hingga Rancangan Malaysia Keenam (RMK6). Turut mengulas konsep ini adalah penulis Ahmad Mahdzan Ayob dalam bukunya *Pembangunan Pertanian Ekonomi, Dasar dan Bukti Empirik* yang memaparkan falsafah dalam penggubalan dasar pembangunan ekonomi melalui konsep tentang analisis ekonomi, analisis dasar pertimbangan nilai, perubahan kuantitatif dan kualitatif, kemiskinan desa dan ciri-ciri kemiskinan.²² Antara penulis yang lain termasuklah Chamhuri Siwar, Surtahman Kastin Hassan & Norshamliza Chamhuri dalam bukunya *Ekonomi Malaysia Edisi Keenam*,²³ Shamsul Amri Baharuddin dalam bukunya *Masyarakat Malaysia Yang Membangun*²⁴ dan Syed Omar Syed Agil dalam bukunya *Islam dan Pembangunan*²⁵.

²⁰ Samuel Basse, Abdul Halim Abdul Hamid & Ong Hway Boon. (2005). *The Changing Phases of Malaysian Economy*. Selangor: Pelanduk Publication (M) Sdn. Bhd.

²¹ Nik Hashim Nik Mustapha. (1996). *Perancangan Pembangunan Pertanian di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

²² Ahmad Mahdzan Ayob. (1994). *Pembangunan Pertanian Ekonomi, Dasar dan Bukti Empirik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

²³ Chamhuri Siwar, Surtahman Kastin Hassan & Norshamliza Chamhuri. (2005). *Ekonomi Malaysia Edisi Keenam*. Petaling Jaya: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.

²⁴ Shamsul Amri Baharuddin. (1990). *Masyarakat Malaysia Yang Membangun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

²⁵ Syed Omar Syed Agil. (1994). *Islam dan Pembangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.



Shamsul Amri Baharuddin, dalam bukunya *Masyarakat Malaysia Yang Membangun* mengemukakan isu-isu yang berkaitan dengan ekonomi.²⁶ Shamsul Amri menolak kejayaan strategi pelaburan asing dalam sektor swasta dalam usaha untuk menyelesaikan masalah pengangguran dan kemiskinan. Menurut beliau, strategi pelaburan asing dalam sektor swasta telah gagal untuk membasmi kemiskinan ekoran daripada kemasukan tenaga buruh di pasaran yang tinggi dan wujudnya perusahaan yang bercorak intensif modal bukannya intensif buruh.²⁷ Turut diulas ialah perkara yang berkaitan dengan pertanian dari segi masalah dan kedudukan sektor ini pada masa akan datang. Menurut beliau, Malaysia pernah mengurangkan penggantungan terhadap sektor pertanian dengan memberi tumpuan yang lebih dalam sektor pembuatan dan perindustrian. Namun, ternyata tindakan kerajaan kurang berjaya kerana akhirnya sektor pertanian diberi tumpuan semula kerana sektor pertanian tetap menjadi penyumbang utama dalam ekonomi negara sungguhpun sektor pembuatan dan perindustrian hangat dihebahkan dalam media cetak.²⁸ Justeru, Shamsul Amri menyimpulkan bahawa matlamat DEB masih lagi gagal dicapai sepenuhnya.

Peristiwa 13 Mei 1969 dikatakan menjadi isu utama yang menyebabkan pelaksanaan DEB di Malaysia. Justeru, beberapa pengkaji yang menyokong pernyataan ini telah menulis dalam buku mereka. Menurut Leon Comber penterjemah oleh Omardin Ashaari dalam bukunya *Peristiwa 13 Mei Sejarah Perhubungan Melayu-Cina*,

²⁶ Shamsul Amri Baharuddin. (1990). *Masyarakat Malaysia Yang Membangun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

²⁷ *Ibid*, hlm 19.

²⁸ *Ibid*, hlm. 20.

menjelaskan bahawa kemunculan DEB adalah kesan daripada peristiwa 13 Mei 1969.²⁹ Antara penulis lain yang menyentuh tentang perkaitan peristiwa 13 Mei dengan DEB termasuklah Abdul Rahman Ismail dalam bukunya *Malaysia Sejarah Kenegaraan Dan Politik*.³⁰

DEB diwujudkan adalah untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Kemiskinan pula seringkali dikaitkan dengan orang Melayu. Terdapat beberapa buah buku yang mengkritik sikap orang Melayu sebagai punca kepada masalah ini. Buku *Dilema Melayu* oleh Mahathir Mohamad telah mengupas masalah tentang kemiskinan dan kedudukan orang Melayu dalam bidang ekonomi dan sosial.³¹ Menurut beliau, kemiskinan ini adalah berpunca daripada dua faktor iaitu dasar penjajahan British dan sikap orang Melayu sendiri. Orang Melayu dianggap terlalu kaya dengan sikap budi bahasa, sopan santun, rendah diri, mudah mengalah, memaafkan orang lain dan memuliakan tetamu. Sebagai contoh, orang Melayu memanggil orang British dengan panggilan tuan sebagai tanda penghormatan. Sebaliknya orang British menganggap perkataan tuan sebagai ketua kepada orang Melayu. Menurut beliau lagi, kesemua sikap ini telah menjadi punca kemunduran dan kemiskinan orang Melayu. Bagi mengupas masalah tentang penyusunan semula masyarakat pula, beliau beranggapan bahawa sebenarnya orang Melayu itu sendiri yang ingin tinggal di kawasan luar bandar. Dasar yang

²⁹Leon Comber Penterjemah Omardin Ashaari. (2007). *Peristiwa 13 Mei Sejarah Perhubungan Melayu-Cina*. Selangor: IBS Buku Sdn. Bhd.

³⁰ Abdul Rahman Ismail. (2007). *Malaysia Sejarah Kenegaraan dan Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

³¹ Mahathir Mohamad. (2008). *Dilema Melayu*. Selangor: Marshall Cavendish (M) Sdn. Bhd.

dilaksanakan oleh Kerajaan seperti Undang-undang Tanah Simpanan Melayu telah menyebabkan orang Melayu kekal tinggal di kawasan luar bandar.

Dalam aspek pekerjaan pula, beliau menekankan bahawa orang Melayu telah didiskriminasikan oleh kaum lain. Kaum Cina dan India enggan mengambil orang Melayu bekerja kerana orang Melayu lemah dalam perniagaan dan kurang kemahiran. Bagi orang Melayu pula, mereka lebih suka mengusahakan tanah dan tinggal di kampung. Secara keseluruhannya, Mahathir Mohamad menyelar sikap orang Melayu yang menyebabkan pelaksanaan DEB kurang tercapai. Walaubagaimanapun, beliau tetap memberi saranan untuk membantu orang Melayu ke arah kemajuan seperti membandarkan orang Melayu, memperhebat sistem pendidikan dan meningkatkan kemahiran orang Melayu. Kajian yang berkaitan dengan sikap orang Melayu ini juga turut diulas oleh Leon Comber dalam bukunya *Peristiwa 13 Mei Sejarah Perhubungan Melayu – Cina* terjemahan oleh Omardin Ashaari. Beliau menjelaskan sikap orang Melayu yang hanya berperanan sebagai perantara untuk mendapatkan tender dan lesen sahaja dan kemudian menyerahkan segala urusan ekonomi kepada kaum Cina. Abdul Rahman Ismail, dalam bukunya *Malaysia Sejarah Kenegaraan Dan Politik* juga turut memfokuskan tentang masalah kemiskinan dikalangan orang Melayu.³² Dalam aspek yang berkaitan dengan orang Melayu, beliau memperlihatkan kadar pengangguran di kalangan orang Melayu berbanding dengan kaum lain. Contohnya, pada tahun 1965, kadar pengangguran orang Melayu sebanyak 11.2%, orang Cina sebanyak 5.6% dan orang India sebanyak 9.6%.³³ Selain itu, pendapatan isi

³² Abdul Rahman Ismail. (2007). *Malaysia Sejarah Kenegaraan dan Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

³³ *Ibid*, hlm. 355.

rumah bagi orang Melayu juga turut memperlihatkan perbezaan yang ketara jika dibandingkan dengan kaum lain. Contohnya, pada tahun 1970, lebih kurang 73.8% golongan miskin di Semenanjung adalah orang Melayu yang rata-ratanya memperoleh pendapatan bulanan isi rumah sebanyak RM172.00 berbanding dengan orang Cina dan India yang masing-masing RM394.00 dan RM304.00.³⁴

Nik Hashim Nik Mustapha dalam bukunya *Perancangan Pembangunan Pertanian di Malaysia*, menjelaskan bahawa konsep kemiskinan mengandungi berbagai-bagai pengertian. Beliau merujuk pandangan daripada Townsend (1970) yang mentakrifkan kemiskinan sebagai ketidaksetaraan agihan lima sumber utama di kalangan masyarakat iaitu pendapatan, aset modal, faedah pekerjaan, perkhidmatan awam semasa dan perkhidmatan persendirian semasa.³⁵ Menurut Nik Hashim Nik Mustapha, golongan miskin senang terancam atau ditimpa ketidakstabilan ekonomi, pilihan terhad iaitu tidak mempunyai pilihan untuk hidup selesa, masalah kesampaian terhad iaitu tertekan dengan kedudukan politik, ekonomi dan sosial.

Menurut Ahmad Mahdzan Ayob pula dalam bukunya *Pembangunan Pertanian Ekonomi, Dasar dan Bukti Empirik* menyatakan bahawa memberikan definisi yang mutlak tentang kemiskinan adalah sesuatu yang mustahil. Definisi yang ada adalah bersifat nisbi (relatif) yang mana ia berbeza antara sebuah negara dengan negara yang lain. Tafsiran

³⁴Abdul Rahman Ismail. (2007). *Malaysia Sejarah Kenegaraan dan Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, hlm. 355.

³⁵ Nik Hashim Nik Mustapha. (1996). *Perancangan Pembangunan Pertanian di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, hlm. 114.



kemiskinan mungkin akan berubah mengikut peredaran zaman, tahap pembangunan sesuatu masyarakat atau struktur sosial.³⁶ Kemiskinan dilihat sebagai matlamat utama dalam pelaksanaan DEB. Justeru, pendefiniasian kemiskinan akan dapat menilai sejauhmana kadar kemiskinan semasa pelaksanaan DEB dapat diukur sama ada meningkat atau sebaliknya.

Chamhuri Siwar, Surtahman Kastin Hassan dan Norshamliza Chamhuri dalam bukunya *Ekonomi Malaysia Edisi Keenam* membahagikan kemiskinan kepada dua iaitu kemiskinan relatif dan mutlak.³⁷ Menurutnya, kemiskinan mutlak ialah kemiskinan yang berasaskan konsep secukup hidup iaitu kekurangan pendapatan yang diperlukan untuk memenuhi keperluan sara hidup yang minima.³⁸ Kemiskinan relatif pula merujuk kepada keadaan yang menerangkan kedudukan relatif sesuatu kumpulan berbanding kumpulan yang lain dari segi pendapatan. Perbandingan ini menyebabkan perbezaan yang ketara dalam tahap penghidupan antara satu strata yang tinggi dengan golongan strata yang rendah dalam sesebuah masyarakat.³⁹

Menurut Zahir Zainudin dalam laman webnya yang bertajuk *Kemiskinan dan Perspektif Sosial* turut mengupas tafsiran tentang kemiskinan melalui pandangan daripada 2 golongan. Golongan pertama iaitu ahli sains sosial berpendapat kemiskinan bukanlah

³⁶ Ahmad Mahdzan Ayob. (1994). *Pembangunan Pertanian Ekonomi, Dasar dan Bukti Empirik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, hlm. 87.

³⁷ Chamhuri Siwar, Surtahman Kastin Hassan & Norshamliza Chamhuri. (2005). *Ekonomi Malaysia Edisi Keenam*. Petaling Jaya: Pearson Malaysia Sdn. Bhd, hlm.390.

³⁸ Nik Hashim Nik Mustapha. (1996). *Perancangan Pembangunan Pertanian di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, hlm. 114.

³⁹*Ibid.*



semata-mata agihan pendapatan tetapi lebih kepada penghuraian sebab dan akibat kemiskinan yang dialami oleh sesuatu golongan masyarakat.⁴⁰ Golongan kedua pula adalah Martin Rein (1971) iaitu seorang ahli sosiologi membahagikan kemiskinan kepada tiga sudut iaitu sara diri, ketidaksamaan ekonomi dan akibatnya ke atas masyarakat. Zahir Zainudin turut mengemukakan pandangan daripada seorang tokoh terkemuka iaitu Syed Husin Ali yang berhujah bahawa kemiskinan merupakan keadaan di mana wujud kekurangan mendapatkan keperluan asasi iaitu makanan, perumahan, pakaian, kemudahan sosial seperti air, elektrik, kesihatan dan pendidikan.

Berdasarkan definisi konsep kemiskinan yang telah diberikan, pengkaji bersetuju dengan pandangan yang dikemukakan oleh Syed Husin Ali dan Chamhuri Siwar, Surtahman Kastin Hassan dan Norshamliza Chamhuri tentang kemiskinan. Hal ini kerana pandangan yang diberikan oleh mereka sesuai untuk dijadikan alat untuk mengukur kemiskinan di Malaysia. Tambahan pula, pandangan mereka ini lebih mudah difahami dalam membuat pentafsiran kemiskinan. Bagi konsep pembangunan pula, pengkaji bersetuju dengan pandangan daripada Shamsul Amri dan Jayum Jawan kerana konsep pembangunan yang diberikan oleh mereka lebih menyeluruh dan meliputi semua aspek kehidupan berbanding dengan pandangan yang lain. Sesetengah pandangan hanya tertumpu kepada konsep pembangunan material semata – mata sedangkan konsep pembangunan sepatutnya tidak hanya meliputi material bahkan juga meliputi bukan material.

⁴⁰ http://zahirzainudin.blogspot.com/2009_03_01_archive.html: Zahir Zainudin. (2009). *Kemiskinan dan Perspektif Sosial*.

Kemiskinan wujud di semua negeri termasuklah di Melaka. Justeru, DEB telah dilaksanakan di seluruh negeri termasuklah Sabah dan Sarawak. Perbezaan yang dapat dilihat antara negeri Melaka dengan negeri lain ialah kadar peratusan kemiskinan. Contohnya, pada tahun 1976, negeri yang terletak di Pantai Timur mempunyai kadar peratusan kemiskinan yang tinggi iaitu Kedah (61.0%), Kelantan (67.0%) dan Terengganu (60.3%).⁴¹ Berbeza dengan negeri Melaka yang hanya mencatatkan peratusan sebanyak 32.4% sahaja. Di Sabah dan Sarawak pula, turut memperlihatkan kadar kemiskinan yang tinggi iaitu masing-masing 58.3% dan 56.5%. Justeru, wajarlah DEB ini diperkenalkan untuk mengurangkan kadar kemiskinan antara negeri melalui peranan yang dimainkan oleh agensi – agensi seperti FELDA, RISDA dan Mardi. Peranan agensi – agensi dapat dilihat melalui aktiviti – aktiviti dan program – program yang dilaksanakan seperti menyediakan latihan kemahiran, bantuan, subsidi dan sebagainya di samping meningkatkan taraf sosial dengan pemberian kemudahan persekolahan dan infrastruktur.

Secara kesimpulannya, kajian ini akan melihat sejauhmana kadar kemiskinan boleh diukur melalui definisi daripada penulis-penulis buku yang memberikan pandangan mereka tentang kemiskinan selaras dengan matlamat DEB iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

⁴¹ Chamhuri Siwar & Nor Aini Hj. Idris. (1996). *Kemiskinan Dalam Arus Pembangunan Ekonomi Malaysia*. Bangi: UKM, hlm. 27.



1.8 Metodologi Kajian

1.8.1 Rujukan di Perpustakaan

Rujukan di perpustakaan telah digunakan bagi mengumpulkan maklumat awal dalam proses menyiapkan kajian ini. Kajian perpustakaan telah dibuat di Perpustakaan Negeri Melaka, Perpustakaan Cawangan Merlimau, Melaka, Perpustakaan Tunku Bainun, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, Perak, Perpustakaan Negara, Arkib Negara Malaysia dan Arkib Cawangan Negeri Melaka.



Kajian lapangan dijalankan melalui temuramah dengan beberapa orang responden dan tinjauan untuk mendapatkan maklumat di Agensi-agensi Kerajaan seperti Jabatan Pertanian Malaysia, Jabatan Pertanian Negeri Melaka, Unit Perancang Ekonomi Melaka, Jabatan Perangkaan Malaysia dan agensi-agensi lain. Maklumat yang diperolehi akan dianalisis. Sumber primer dan sekunder yang telah diperolehi akan dianalisis bagi mendapatkan data-data yang diperlukan untuk kajian seperti gambar, rajah, jadual, laporan tahunan, majalah, akhbar dan sebagainya. Contohnya, dokumen–dokumen Rancangan Pembangunan Lima Tahun dari Unit Perancang Ekonomi, Majalah Majutana, Buletin INTAN, Kertas Seminar, Majalah Teknologi dan Padi oleh MARDI, Kajian Separuh



Penggal RMK5 1986 – 1990, Kajian Separuh Penggal RMK3 1976 – 1980, Akhbar Pembena, Kertas Kerja Konvensyen Ekonomi Bumiputera dan banyak lagi.

1.9 Struktur Bab

1.9.1 Bab 1

Dalam bab 1, pengkaji menerangkan perkembangan ekonomi di negeri-negeri Melayu melalui secara sepintas lalu yang meliputi zaman tradisi, zaman penjajahan British, zaman kemerdekaan dan zaman selepas kemerdekaan. Beberapa definisi dan istilah ekonomi turut dijelaskan dalam bab ini. Bab ini mengandungi ulasan kajian terdahulu terhadap buku-buku yang berkaitan dengan tajuk seperti *Ekonomi Malaysia* oleh Chamhuri Siwar, Surtahman Kastin Hassan dan Norshamliza Chamhuri, *Makroekonomi Malaysia Perspektif Dasar* oleh Mariani Abdul Majid dan Mad Zahir Kechot, *Dilema Melayu* oleh Mahathir Mohamad dan sebagainya. Antara lain yang termasuk dalam bab ini ialah skop kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, tujuan kajian dan metodologi kajian.

1.9.2 Bab 2

Dalam bab 2 ini, pengkaji menjelaskan latar belakang kegiatan ekonomi pertanian di Malaysia termasuk di Melaka. Latar belakang ini mencakupi ruang masa sebelum zaman



penjajahan sehinggalah zaman kemerdekaan dan tempoh sebelum pengenalan DEB. Seterusnya dihuraikan pembentukan DEB yang perlu matlamatnya dilaksanakan melalui RMK2 hingga RMK5 oleh pelbagai agensi terutamanya FELDA, FELCRA dan RISDA yang memfokus kepada pembangunan luar bandar dan pertanian bagi mengurangkan kemiskinan orang Melayu luar bandar.

1.9.3 Bab 3

Dalam bab ini, pengkaji akan memberi tumpuan terhadap strategi dan peranan yang dimainkan oleh FELDA, FELCRA dan RISDA dalam usaha membangunkan ekonomi pertanian dan masyarakat luar bandar di Melaka. Antara yang akan dikaji adalah peranan setiap agensi, program – program yang dilaksanakan, kawasan – kawasan yang terlibat, kemudahan yang disediakan, jumlah penduduk yang terlibat dan sebagainya.

1.9.4. Bab 4

Dalam bab 4 ini, pengkaji akan membuat penilaian sejauhmanakah berkesannya peranan dan program – program yang dilaksanakan oleh FELDA, FELCRA dan RISDA dalam pembangunan ekonomi bercorak pertanian bagi masyarakat kawasan luar bandar di Melaka. Antara persoalan yang dinilai ialah kemampuan agensi – agensi ini membawa perubahan pembangunan aspek pertanian bagi meningkatkan pendapatan isi rumah





golongan miskin dan meningkatkan guna tenaga di kalangan kaum bagi mengimbangi semula masyarakat. Jika keadaan sebaliknya, pengkaji akan mengupas faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya situasi sebegitu. Penilaian akan dibuat berdasarkan data-data ekonomi yang diperolehi daripada dapatan kajian. Melalui dapatan tersebut, pengkaji akan melihat kemajuan sosial masyarakat kawasan luar bandar di Melaka selepas tamatnya DEB. Perubahan ini dapat dilihat melalui kewujudan pelbagai kemudahan sosial seperti sekolah, jalan raya, kemudahan asas dan sebagainya kesan daripada perkembangan ekonomi pertanian.

1.9.5. Bab 5



Dalam bahagian ini pengkaji merumuskan hasil dapatan kajian.





BAB 2

LATAR BELAKANG



2.1 Pendahuluan

Kejatuhan Kesultanan Melayu Melaka kepada Portugis pada 1511, memulakan kehidupan masyarakat Melayu Melaka di bawah susun atur kepentingan penjajah Barat. Penguasaan Portugis diganti oleh penguasaan Belanda dari 1641 hingga 1824, dan seterusnya Melaka di tadbir oleh penguasa British sehinggalah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Penguasaan Barat itu beransur-ansur meminggirkan orang Melayu Melaka dari pusat kegiatan ekonomi komersil. Peminggiran ini menyebabkan orang Melayu menumpukan kepada kegiatan pertanian tradisional di kawasan perkampungan sekitar bandar dan di kawasan pendalaman atau luar bandar. Perkembangan ini mencetuskan bentuk ekonomi dualisme yang semakin nyata pada zaman penguasaan British kerana kuasa Barat ini melaksanakan pentadbiran wilayah dengan luas dan efektif. Kepentingan



mendapatkan cukai yang lumayan dan komoditi strategik iaitu beras maka orang Melayu digesa terus bergiat dalam sektor pertanian. Oleh kerana pertanian mereka kekal dalam bentuk tradisional maka hasil pertanian yang diperolehi tidak lumayan. Sungguhpun kehidupan sebilangan mereka semakin baik kerana terlibat sejak suku kedua abad ke-20 dalam tanaman komersil, terutamanya getah sebagai pekebun kecil, namun kedudukan itu tidak mampu mengurangkan jurang ekonomi mereka dengan ekonomi bandar dan komersil yang dikuasai oleh orang bukan Melayu. Situasi kelembapan ekonomi orang Melayu yang ramai mendiami kawasan luar bandar dan menjalankan aktiviti pertanian tradisional dan kecil-kecilan menyebabkan kerajaan Tanah Melayu yang merdeka berusaha mengatasi situasi itu. Pelbagai usaha dilakukan menerusi pelbagai agensi pembangunan ekonomi, khususnya yang berkaitan dengan pertanian dan pembangunan luar bandar untuk membawa orang Melayu luar bandar dan ekonomi pertanian mereka ke tahap maju, moden dan progresif. Pelaksanaan DEB pada tahun 1971 yang berkuatkuasa sehingga 1990 memberi impaknya apabila wilayah luar bandar Negeri Melaka turut terkesan dengan dasar baru itu. Sepanjang DEB dilaksanakan, pelbagai agensi pembangunan pertanian, terutamanya FELDA, FELCRA dan RISDA berperanan bagi menjayakan matlamat yang ditetapkan oleh DEB. Tugas agensi ini dan agensi lain baikpun dari peringkat Persekutuan, Negeri atau Daerah pastinya berat kerana masalah yang perlu ditangani meliputi aspek struktural, institusional dan budaya yang wujud dalam masyarakat Melayu luar bandar Melaka.



Peta 2.1. Peta Lama Negeri Melaka. Sumber: *David Rumsey Historical Map Collection, Presqu'ile de Malacca: Oceanique no. 12. Vandermaelen, Philippe, 1795-1869.*



Gambar 2.1. Pertanian Tradisional di Melaka. Sumber: Arkib Negara Malaysia. No Penerimaan 2001/0051643W G.21584 (N.797/87)

2.2 Sejarah Kemunculan Kemiskinan Orang Melayu Luar Bandar

2.2.1 Peraturan Pemilikan Tanah

Pemilikan Tanah di Melaka dipengaruhi oleh tiga faktor utama. Pertama adalah faktor sejarah yang berkaitan dengan kesan ke atas sistem pemilikan tradisional akibat penyusunan pentadbiran wilayah oleh Belanda (1641-1824) dan British (1824-1957). Kedua, terdapat penduduk khususnya di kawasan Naning yang berpegang kepada Adat Naning iaitu adat yang menyerupai Adat Perpatih yang diamalkan oleh orang Melayu di Negeri Sembilan; dan ketiga faktor kepelbagaian akta, ordinan dan peraturan berkaitan tanah dan pencukaian tanah yang diterapkan oleh British berpunca dari ketidakfahaman sepenuhnya terhadap sistem dan prinsip pemilikan tanah setempat.

Sistem dan prinsip pemilikan tanah dan pengutipan hasil pertanian yang diamalkan oleh orang Melayu di Melaka berasal dari struktur ekonomi zaman Kesultanan Melayu Melaka yang berpegang kepada Adat Temenggong. Struktur ekonomi orang Melayu pada zaman Kesultanan Melayu Melaka bercirikan sistem “feudal”. Golongan pemerintah menguasai pemilikan tanah dan hasil pertanian, manakala golongan yang diperintah bertindak sebagai agen pengeluaran hasil pertanian. Cukai ke atas hasil pertanian, khususnya padi, dikenakan cukai sebanyak sepersepuluh dari hasil yang diperolehi bagi satu kawasan tanah yang diusahakan. Prinsip yang digunakan dalam pengutipan cukai itu

disandarkan kepada kaedah pencucuaian Islam jenis *Uh*.⁴² Sama seperti zakat, cukai *Uh* ini dikenakan ke atas hasil pertanian daripada penggunaan tanah oleh para petani. Cukai ini hanya wajib dibayar apabila tanah yang diusahakan mengeluarkan hasil atau produktiviti. Jadi sekiranya tanaman-tanaman yang diusahakan musnah akibat bencana alam atau penyakit, maka cukai tadi tidak akan dikenakan.

Sistem politik dan ekonomi di negeri Melaka pada zaman itu telah mewujudkan perbezaan kelas ekonomi antara golongan pemerintah dengan golongan yang diperintah. Perbezaan ini telah menyebabkan golongan rakyat menjadi miskin kerana kegiatan ekonomi dikawal oleh golongan pemerintah. Terbentuklah satu sistem sosial masyarakat Melayu Melaka yang terbelenggu dengan masalah kemiskinan kesan daripada politik dan ekonomi yang diamalkan di Melaka. Jurang ekonomi antara rakyat dengan golongan pemerintah yang berteraskan kepada ekonomi politik semakin luas apabila golongan pemerintah diampu kedudukan ekonomi mereka oleh elit pengusaha, peniaga dan pedagang bukan Melayu yang aktif dalam ekonomi komersil di Melaka. Rajah 2.1 menunjukkan Sistem Feudal yang dilaksanakan di Melaka. Dalam sistem ini, sultan mempunyai kedudukan tertinggi dan mempunyai kuasa terhadap ekonomi. Sultan dibantu oleh pembesar dan penghulu.

⁴²Lugiman Abu Seman. 2004. Punca-Punca Tunggakan Cukai Tanah Bagi Syarat Jenis Bangunan di Daerah Melaka Tengah, Tesis Doktor Falsafah. Johor: Universiti Teknologi Malaysia, hlm. 35.



Rajah 2.1. Sistem Feudal di Melaka. Sumber: *Idea Melayu dari Pembangunan* (2014) Shahrudin Maaruf

Penjajahan kuasa Barat telah menenyapkan Kesultanan Melayu Melaka, bermula dengan penguasaan Portugis (1511-1641), diikuti oleh penguasaan Belanda 1641-1795, dan penguasaan British (1825-1957). Golongan pemerintah tradisional diganti oleh penguasa Barat yang meneruskan ekonomi politik zaman Kesultanan. Struktur dan sistem ekonomi rakyat Melayu terus dikekalkan. Pada zaman penguasaan Portugis struktur dan sistem itu belum cukup terganggu kerana penguasa Portugis kurang melaksanakan pentadbiran wilayah. Gangguan yang mula berlaku pada zaman penguasaan Belanda kerana adanya pelaksanaan cukai ke atas wilayah, pengambilan dan pemilikan tanah oleh orang bukan Melayu, penyusunan wilayah dan usaha menghasilkan tanaman komersil serta usaha melombong bijih timah dan emas di Melaka.

Belanda berjaya menguasai Melaka dengan adanya kerjasama daripada Johor. Menurut Valentyn⁴³ terdapat dalam persetujuan awal antara Belanda dan Johor yang

⁴³ D. F. A. Hervey. 1884. Valentyn's Description of Malacca. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*. No. 13 (June), hlm. 49-74.

menyentuh hak penguasaan ke atas wilayah Melaka. Belanda disebutkan sebagai menguasai kawasan bandar Melaka dan Johor akan menguasai wilayah luar bandar. Belanda dibolehkan untuk melebarkan kawasan penguasaannya bagi mendapatkan perbekalan asas seperti kayu api, bahan binaan dan bahan makanan. Namun persetujuan seperti yang dinyatakan oleh Valentyn itu, menurut T.J. Newbold⁴⁴ yang meneliti sumber Belanda yang masih terdapat di Melaka pada awal pendudukan British di Melaka, tidak mengikat Belanda daripada meluaskan kawasan penguasaannya kerana beberapa persetujuan lain melenyapkan persetujuan yang disebut oleh Valentyn itu.

Nordin Hussin dalam bukunya, *Trade and society in the straits of Melaka: Dutch Melaka and English Penang, 1780-1830*,⁴⁵ menyatakan pada keseluruhannya, penguasa

Belanda di Melaka hanya melakukan penguasaan wilayah secara tidak langsung. Walaupun pada awal pendudukan Belanda di Melaka ada cadangan untuk memajukan kawasan pendalaman Melaka, tetapi tiada tindakan yang dilaksanakan. Urusan ke atas kawasan luar pusat pentadbiran diserahkan kepada tuan-tuan tanah yang diberi lesen pajakan untuk mengurus dan mentadbir tanah-tanah tersebut. Pemajakan dalam saiz yang besar diperolehi oleh orang Belanda seperti Adrian Koek, de Wind dan Westerhout, orang keturunan kacukan Belanda-Asia, tauke Cina dan kaum bukan Melayu lainnya. Keluasan tanah yang dipajakkan sebagai estet kepada J.B. de Wind misalnya adalah sebanyak 280 batu persegi

⁴⁴ T.J. Newbold. 1971. *Political and statistical account of the British settlements in the Straits of Malacca*, with an introduction by C.M. Turnbull, reprint of the 1839 edition. Singapore: Oxford University Press, Singapore, hlm. 197.

⁴⁵ Nordin Hussin. 2007. *Trade and society in the straits of melaka: Dutch Melaka and English Penang, 1780-1830*. Denmark: Nordic Institute of Asian Studies (NIAS), [NUS, Singapore 2007], hlm. 62-70.

yang mencakupi sebahagian kawasan selatan Sungai Kesang hingga ke sempadan Melaka dengan Muar. Beliau kemudiannya pada tahun 1752 memajak pula kawasan Pungor atau disebut sebagai Melaka Lama yang meliputi kawasan tepi pantai sepanjang sekitar dua batu bermula dari Sungai Duyong hingga ke Tanjung Palas. Seterusnya pada bulan Januari 1753 de Wind memajak pula kawasan yang menganjur di bahagian tepi pantai sepanjang kira-kira enam setengah batu bermula dari Tanjong Palas hingga ke Sungai Serkam. Keluasan tanah yang dipajak oleh J.B. de Wind menggambarkan tahap pemilikan yang mampu diperolehi oleh kenamaan Belanda lain seperti Adrian Koek, Westerhout, dan lain-lainnya. Pemilikan secara pajakan itu juga diberi kepada orang bukan Belanda, seperti orang keturunan Keling, Arab, China, kacukan Belanda-Asia dan Melayu. Bezanya ialah pemilikan kenamaan Belanda jauh lebih besar dari pemilikan kaum lain seperti kawasan yang dimiliki oleh Kapten Melayu Abu Bakar, Mohammad Tahir, and Seva Sangra. Kawasan yang dimiliki oleh Kapten Melayu Abu Bakar dan keluarganya misalnya, meliputi keluasan satu setengah batu sahaja di Batu Ampa [Batu Hampar]. Kawasan ini terletak di pinggir bandar Melaka iaitu di tebing sungai Melaka dan berdekatan Bukit Peringgit dan Pengkalan Rama. Kawasan ini giat diusahakan pertanian padi dan mempunyai penduduk yang ramai. Pemilikan tanah oleh Mohammad Tahir pula meliputi kawasan seluas dua setengah batu persegi. Sebahagian daripada kawasan ini juga giat di tanam dengan padi. Manakala pemilikan tanah oleh Kapten Keling Seva Sangra, yang terletak di tebing kiri Sungai Melaka, juga tidak luas.⁴⁶

⁴⁶ Nordin Hussin. 2007. *Trade and society in the straits of melaka: Dutch Melaka and English Penang, 1780-1830*. Denmark: Nordic Institute of Asian Studies (NIAS), [NUS, Singapore 2007], hlm. 62-70.

Pemilikan dalam saiz kecil itu memberi keupayaan yang lebih baik untuk pembangunannya berbanding pemilikan yang terlalu luas. Sebahagian kecil sahaja kawasan dari pemilikan yang luas itu mampu diteroka kerana kekurangan modal, buruh, jalan perhubungan dan masalah pasaran sehingga memerencatkan pembangunan tanah dan pertanian di kawasan pinggir bandar dan kawasan pendalaman. Pemilikan yang luas juga sukar ditentukan sempadannya sehingga timbul masalah pertelagahan berkaitan sempadan kawasan antara pemilik. Hal ini juga menjadi penyebab kepada sebilangan kawasan tidak bebas untuk diusahakan. Satu contoh pertelagahan pemilikan itu berlaku ke atas tanah yang terletak dalam Kelebang Besar hingga ke Tanjung Bruas pada 1770an. Kawasan ini dimiliki oleh Syed Hussin dan ditadbir oleh Kapten Melayu ketika itu Encik Aroe sejak 1770. Sebahagian kawasan ini yang melebar dari Duyong ke Hujung Pasir dijalankan pertanian padi. Pada tahun 1788 timbul pertelagahan apabila Adrian Koek menuntut tanah di Batang Tiga yang terletak di dalam kawasan yang dikendalikan oleh Encik Aroe sebagai miliknya. Pertelagahan itu diselesaikan di mahkamah dan pihak mahkamah tanpa mengambil pertimbangan sewajarnya kepada rekod pemilikan asal kawasan itu telah memihak kepada tuntutan Adrian Koek.⁴⁷

Dasar pentadbiran Belanda yang mengutamakan tuntutan dan pemilikan tanah sedemikian itu mengakibatkan kawasan pegangan orang Melayu dan orang kebanyakan lain jatuh kepada pegangan orang yang berpengaruh. Tuan-tuan tanah itu biasanya

⁴⁷ Nordin Hussin. 2007. *Trade and society in the straits of melaka: Dutch Melaka and English Penang, 1780-1830*. Denmark: Nordic Institute of Asian Studies (NIAS), [NUS, Singapore 2007], hlm. 62-70.



menyewakan tanah mereka untuk dikerjakan. Kutipan sewaan dan juga hasil yang pengeluaran ekonomi tanah itu digunakan bagi membayar pajakan tanah mereka kepada pentadbiran Melaka.

Kekurangan jalan perhubungan dan infrastruktur yang lain di samping kelemahan faktor-faktor ekonomi pengeluaran menyebabkan pembangunan tanah dan pertanian pada waktu pentadbiran Belanda tidak begitu berkembang. Kawasan pedalaman masih tidak begitu dibangunkan kerana kesukaran perhubungan kecuali kawasan yang ada perhubungan sungai. Kawasan pedalaman yang mempunyai sumber asli yang tinggi nilainya, seperti emas, bijih timah serta kayu kayan dan rotan yang dihubungkan oleh jalan sungai sahaja yang diteroka.



Bagi masyarakat Melayu pada ketika itu yang ramai hidup di perkampungan di pinggir bandar mereka ditadbir secara tradisional Melayu yang terus melestarikan corak kehidupan tradisional mereka. Aktiviti ekonomi kebanyakan mereka adalah pertanian padi. Pentadbiran Belanda bertindak mengekalkan sistem perkampungan tradisional itu dengan menetapkan setiap 44 keluarga berhak ditadbir oleh seorang penghulu dan mengadakan sebuah masjid berserta pegawainya seperti imam, khatib dan bilal.⁴⁸

Di kawasan perkampungan di pinggir pusat pentadbiran dan pedalaman, penghulu dipertanggungjawabkan dalam usaha pengeluaran dan mengutip cukai di kawasan masing-

⁴⁸ Nordin Hussin. 2007. *Trade and society in the straits of melaka: Dutch Melaka and English Penang, 1780-1830*. Denmark: Nordic Institute of Asian Studies (NIAS), [NUS, Singapore 2007], *hlm.* 62-70.



masing. Matlamat Belanda berbuat demikian adalah untuk meringankan kos dan urusan pentadbiran serta mengharapkan wujudnya keadaan aman dalam masyarakat Melayu. Situasi aman yang diharapkan itu akan memberi peluang kepada masyarakat Melayu terus mengerjakan pertanian mereka dan Belanda akan mampu mengutip cukai dengan lumayan. Namun harapan Belanda itu tidak menjadi realiti berterusan sepanjang penguasaannya ke atas Melaka. Pada tempoh tertentu terdapat keengganan atau penentangan orang Melayu terhadap pentadbiran Belanda, terutamanya dari kalangan orang Naning, yang mendiami kawasan pendalaman Melaka.⁴⁹

Naning yang kini diserap ke dalam daerah Alor Gajah mempunyai sejarah istimewa dalam sejarah Melaka. Kawasan ini yang terletak arah utara kira-kira 40 kilometer dari bandar Melaka dan bersempadan dengan Rembau dalam Negeri Sembilan, didiami oleh orang Melayu dari Minangkabau, Sumatera, sejak zaman kesultanan Melayu Melaka lagi. Asalnya kawasan ini merupakan sebuah negeri yang membentuk Negeri Sembilan tetapi seperti juga kawasan lain di selatan Negeri Sembilan dipengaruhi perjalanan politiknya oleh Johor. Apabila Belanda menguasai Belanda dan menerusi beberapa persetujuan Belanda dengan Johor, kawasan ini menjadi kawasan yang boleh diuruskan oleh Belanda seperti yang pernah diamalkan oleh Portugis. Penduduknya berpegang kepada Adat Perpatih⁵⁰ dan menjalankan kegiatan pertanian padi. Adat Perpatih mempunyai kaedah pewarisan harta dan hubungan kesukuan yang berbeza dari kebanyakan orang Melayu Melaka yang tinggal di bandar Melaka dan persekitarannya yang mengamalkan Adat

⁴⁹ Abdul Latip Talib. 2009. *Dol Said Pahlawan Naning*. Selangor: PTS Litera Utama, hlm. 15.

⁵⁰ M.B Hooker. 1972. *Adat Laws in Modern Malaya: Land tenure, Traditional Government and Religion*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, hlm. 90-97.

Temenggong. Struktur pentadbiran kawasan Naning pada waktu itu tidak bersandarkan kepada persempadan fizikal tetapi lebih bersandarkan kepada Luak Suku. Kelainan ini menyebabkan wujudnya masalah hubungan antara pihak pentadbiran Belanda, dan begitu juga berikutnya semasa penguasaan British di Melaka⁵¹.

Seawal penguasaan Belanda ke atas Melaka pada tahun 1641 terdapat persetujuan kesetiaan para ketua Naning serta perkampungan persekitarannya kepada pentadbiran Belanda disamping menamatkan perjanjian yang dibuat antara Naning dengan Portugis dan Sepanyol. Berkaitan dengan harta peninggalan orang yang tidak ada waris, maka harta itu akan dibahagikan antara Ketua-ketua Naning dengan pentadbiran Belanda. Manakala dari segi kutipan hasil, pentadbiran Belanda meminta supaya 1/10 hasil keluaran dan sepuluh peratus dari penjualan tanah atau harta diserahkan kepada pentadbiran Belanda.⁵²

Pada tahun 1642 Belanda telah melantik seorang Penghulu bagi seluruh Naning dan jawatan itu diberikan kepada suku Biduanda. Jawatan ini kemudiannya jatuh kepada suku Semelenggang yang terus memegangnya hingga ke hari ini. Campur tangan dalam sosiopolitik dan ekonomi, khususnya tuntutan cukai ke atas Naning tidak disenangi oleh penduduknya. Cukai pertanian sepersepuluh yang dituntut oleh Belanda enggan dipatuhi. Beberapa siri penentangan ke atas kuasa pentadbiran Belanda wujud sepanjang penguasaan

⁵¹ M.B Hooker. 1972. *Adat Laws in Modern Malaya: Land tenure, Traditional Government and Religion*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, hlm. 90-97.

⁵² T.J. Newbold. 1971. *Political and statistical account of the British settlements in the Straits of Malacca, with an introduction by C.M. Turnbull*, reprint of the 1839 edition. Singapore: Oxford University Press, hlm. 197.

Belanda di Melaka.⁵³ Pada penghujung penguasaan Belanda, Naning tidak menghantar sepersepuluh hasil pertanian kepada pentadbiran Belanda, sebaliknya memberi sejumlah 400 gantang padi sahaja.

Namun perubahan yang sangat ketara terhadap Naning khasnya dan orang Melayu Melaka amnya berlaku apabila kolonial British menguasai Melaka dari 1825 hingga 1957. Pada permulaan penguasaan British di Melaka, dasar pengurusan wilayah dan pencukaian adalah penerusan kepada amalan yang dilaksanakan oleh Belanda sebelumnya. Naning juga terus menyerahkan 400 gantang padi sebagai gantian kepada bayaran kutipan 1/10 hasil tuaian padi Naning pada tempoh awal penguasaan British di Melaka. Keenganan Naning mematuhi tuntutan cukai sepersepuluh itu tidak dapat diterima oleh pihak British kerana British memerlukan pendapatan dari cukai pertanian setelah cukai am kastam dihapuskan⁵⁴. Pentadbiran British, bersandarkan kepada pengalaman mereka di India, menganggap keenganan Naning itu mencabar legitimasi penguasaan mereka ke atas Melaka. Bagi menerapkan legitimasi dan kuasa kedaulatannya terhadap wilayah dan perdagangan di Melaka maka Piagam Keadilan dilaksanakan seperti amalannya di India. British juga berpegang kepada prinsip bahawa dirinya sebagai pengganti kepada pemerintah tradisional setempat berhak mendapat semua hak yang pernah diterima atau dikuatkuasakan oleh pemerintah tradisional itu.

⁵³ T.J. Newbold. 1971. *Political and statistical account of the British settlements in the Straits of Malacca*, with an introduction by C.M. Turnbull, reprint of the 1839 edition. Singapore: Oxford University Press, hlm. 197.

⁵⁴ Paul H. Kratoska. 1983. "Land Law and Land Tenure in British Melaka," in Sandhu, KerniaSingh, and Wheatley, Paul, eds., *Melaka: The Transformation of a Malay Capital, c. 1400-1980*, vo. 1. Kuala Lumpur: Oxford University Press: hlm. 497-534; D.L. Kraal. 2013. Of taxes: An enquiry into Dutch to British Malacca, 1824 - 39, in John Tiley. ed. *Studies in the History of Tax Law*, Volume 6, Hart Publishing, Oxford, United Kingdom, hlm. 393-420.

Pendirian kepada prinsip itu maka pada tahun 1828 pihak British mula menerapkan pentadbiran tanah yang sama bagi Naning seperti yang dilaksanakan bagi kawasan lain di Melaka. Pembayaran cukai padi khususnya mestilah mengikut pengiraan sepersepuluh dari hasil pengeluaran padi. Pelaksanaan pencukaian sedemikian yang tidak mengambil kira situasi pengeluaran pada sesuatu maka timbullah penentangan yang membawa kepada berlakunya Perang Naning pada tahun 1831-32.⁵⁵

Kekalahan Naning dalam perang itu menyebabkan pentadbiran Naning disusun semula. Kuasa tradisional penghulu dan Ampat Suku di Naning ditamatkan, sebaliknya pentadbiran diletakkan ke bawah 15 penghulu yang menguasai mukim masing-masing.

Keseluruhan pentadbiran Naning itu diletakkan di bawah bidang kuasa seorang penguasa pentadbiran British.⁵⁶ Perubahan pentadbiran ke atas Naning itu dan pelaksanaan sistem pemilikan tanah yang sama bagi seluruh pegangan tanah, mencetuskan pelbagai kesan kepada pemilikan tanah di kalangan orang Melayu di Melaka amnya dan Naning khasnya.

Pada akhir tahun 1830an pihak British melantik Pesuruhjaya Tanah William W. Young⁵⁷ bagi merencanakan proses pencukaian tanah di Negeri-negeri Selat. Bagi tujuan itu beliau ditugaskan menyelesaikan masalah pemilikan dan persempadanan pemilikan

⁵⁵ *Ibid.* hlm.226; dan Abdullah Zakaria b. Ghazali. 1977. Perjuangan orang Melayu Naning menentang Inggeris 1831-1832. *Jurnal Sejarah*. Persatuan Sejarah, Universiti Malaya, Jilid XV, hlm. 12-25.

⁵⁶ *Ibid.*, hlm. 232. Penguasa pertama yang dilantik ialah Westerhout, seorang yang dikatakan tahu Bahasa Melayu dan banyak pengetahuan tentang kehidupan orang Melayu.

⁵⁷ Dodwell and Miles, eds. 1839. *Bengal Civil Servants: Appointments 1780-1838. Alphabetical List of the Honourable East India Company's Bengal Civil Servants, from the year 1780 to the year 1838*, London: Longman, Orme, Brown and Co., hlm. 582-583.



tanah serta urusan pemberian dan pencukaian tanah yang baru dikeluarkan. Akta Tanah 1839 atau dirujuk sebagai Akta India 16, 1839 yang dikeluarkan oleh Majlis Legislatif India menerima sebahagian daripada perencanaan Pesuruhjaya Young, tetapi perencanaan itu tidak memberi kaedah konkrit bagi penyelesaian masalah tanah yang telah dimiliki atau dipegang sebelumnya⁵⁸.

Pesuruhjaya Young juga mencadangkan supaya pencukaian 1/10 yang seiras seperti zakat ditukar menjadi cukai tanah yang tetap yang dibayar secara tunai pada kadar sepuluh peratus hasil keluaran kasar sesuatu tanah. Akta ini yang berkuatkuasa dari 1840 hingga 1886 melaksanakan cadangan pencukaian oleh Pesuruhjaya Young itu tetapi pertukaran pencukaian dari bentuk zakat kepada cukai tetap itu adalah secara sukarela sahaja. Proses pertukaran secara sukarela ini yang berjalan kira-kira 20 tahun tidak mendapat sambutan kerana pembayaran cukai tanah secara tetap lebih mahal berbanding dengan amalan lama. Oleh kerana sambutan yang tidak menggalakkan itu dan kesukaran pentadbiran tanah menangani tanah adat, maka menerusi Akta India XXVI 1861, peraturan tanah adat itu dihapuskan bagi tanah yang baru diteroka. Tanah dalam bentuk pegangan tanah adat sebelum Akta ini dilaksanakan dikekalkan statusnya sebagai tanah adat⁵⁹.

⁵⁸ Di Pulau Pinang khususnya, sejak dari tahap awal pendudukan British di pulau itu pemberian tanah adalah secara pajakan maksima 20 tahun dan ada pula sesetengah pajakan itu dikecualikan bayaran pajakan (*quit rent*) bagi tempoh sehingga lima tahun pertama pajakan yang diperolehi seseorang itu. Manakala di Melaka pada peringkat awal penguasaan British, tanah diberi dalam bentuk deeds (surat hak milik) yang mendekati bentuk pegangan kekal.

⁵⁹ M.B Hooker. 1972. *Adat Laws in Modern Malaya: Land tenure, Traditional Government and Religion*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, hlm. 90-97.



Pentadbiran British di Melaka pada peringkat awal melaksanakan pemilikan kekal atau *fee simple* kepada pemilikan tanah baru dan pemilikan tanah yang ada keterangan rekod tanah dalam pentadbiran Belanda dan apabila didaftarkan ke dalam pentadbiran tanah British Melaka. Masalah yang timbul ialah kebanyakan pegangan ke atas tanah tidak mempunyai bukti kuat dari rekod atau surat yang dapat mengesahkan sesuatu pegangan. Bagi pemilikan yang tidak dapat disahkan dengan kukuh maka pegangan mereka menurut kuatkuasa *Malacca Ordinance VIII*, 1886, diberi taraf berkanun, iaitu *statutory*. Pegangan ini lebih merupakan pemilikan yang bersifat pajakan selama antara 25 hingga 999 tahun kerana pentadbiran British di Melaka tidak mahu lagi pemberian tanah secara pegangan kekal seperti amalan pada peringkat awalnya. Kebanyakan pegangan kecil orang Melayu di kampung tidak mempunyai rekod kerana pegangan mereka lebih bersandarkan kepada sistem pegangan cara tradisional. Pegangan ke atas tanah dikalangan orang Melayu bukan berbentuk pemilikan “rights to own” tetapi lebih kepada sifat hak menggunakan tanah “rights to use” sahaja. Masalah pegangan orang Melayu ini disedari oleh pihak British dan bagi kebaikan orang Melayu dan juga pentadbiran British, maka menerusi *Malacca Ordinance VIII*, 1886 itu, kuasa pemilikan mereka disandarkan kepada peraturan pegangan tanah adat khususnya bagi tanah dalam pegangan Adat Naning dan pegangan orang Melayu Melaka amnya yang diberi tanah sebelumnya oleh pentadbiran British. Menerusi peruntukan peraturan tanah adat orang Melayu Melaka berpeluang mendapatkan tanah mengikut keupayaan pemohon mengerjakannya terhad kepada maksimumnya sepuluh ekar. Tanah dalam bentuk milik ini jika dijual kepada orang luar maka hilanglah taraf tanah itu sebagai tanah pegangan adat⁶⁰. Akta ini juga menetapkan pemilikan tanah mengikut Geran

⁶⁰ M.B Hooker. 1972. *Adat Laws in Modern Malaya: Land tenure, Traditional Government and Religion*,



yang dikeluarkan oleh Belanda dan Tanah Adat yang ada perakuan hak pegangannya pada waktu British mengambil Melaka diisytiharkan hak pegangan itu sah selagi pemegang itu mendiami dan mengerjakannya. Kedua bentuk pegangan ini ditukar kepada bentuk hakmilik kekal.

Pada tahun 1880an juga sebagai memperkukuhkan lagi legitimasi pentadbiran British di Melaka maka dikuatkuasakan ke seluruh negeri Melaka penetapan sempadan negeri Melaka, wilayah atau daerah dan mukimnya melalui peraturan “*Boundries and Survey Map Ordinance, 1882*”⁶¹ dan memperkenalkan sistem pentadbiran mukim pada tahun 1887 melalui Akta Senarai Daftar Mukim (*Entry Mukim Register Act*). Pengenalan sistem pentadbiran kawasan yang baru ini perlu ditadbir urus supaya difahami dan diterima oleh penduduk Melaka. Seorang Pegawai Penempatan Sempadan (*Demarcation Officer*) dilantik bagi tujuan tersebut dan bertanggungjawab juga ke atas masalah tanah disetiap mukim.

Penyusunan sempadan daerah dan mukim telah membahagikan wilayah negeri Melaka kepada daerah dan mukim seperti yang wujud sekarang. Negeri Melaka dibahagikan kepada tiga daerah iaitu Daerah (Melaka) Tengah yang meliputi bandar Melaka dan persekitarannya, Daerah (Melaka) Utara atau dikenali sebagai daerah Alor Gajah, dan Daerah (Melaka) Selatan yang dikenali sebagai daerah Jasin.

Kuala Lumpur: Oxford University Press, hlm. 90-97.

⁶¹ *The Law of the Straits Settlements, 1835-1900*. London: Waterloo and Sow Ltd., London, 1920, hlm. 46; dan *Annual Administration Report Malacca 1887*. Singapore: Government Printing Office, 1888, hlm. 11.



Jadual 2.1
Keluasan Negeri dan Daerah Melaka

Keluasan	Jumlah Keseluruhan	Alor Gajah	Melaka Tengah	Jasin
Batu Persegi	637	258	114	265
Ekar	408 000	165 000	74 000	169 000

Sumber: Pejabat Daerah dan Tanah Negeri Melaka

Daripada jadual 2.1, dapat dilihat daerah Jasin merupakan daerah yang terbesar jika dibandingkan dengan daerah Alor Gajah dan Melaka Tengah. Daerah Jasin meliputi keluasan 169 000 ekar. Manakala daerah Alor Gajah pula meliputi keluasan sebanyak 165 000 ekar dan Melaka Tengah pula adalah seluas 74 000 ekar. Pada ketika ini di seluruh Negeri Melaka terdapat sebanyak 66 mukim bagi kesemua daerah itu, terdiri dari 16 mukim di daerah Jasin, 31 mukim di daerah Alor Gajah⁶², dan 19 mukim di daerah Melaka Tengah.

Pembentukan struktur pentadbiran daerah dan mukim ini meningkatkan potensi menambah pendapatan pentadbiran British menerusi cukai hasil dan cukai tanah. Kadar cukai tanah yang dikenakan adalah mengikut kategori tanah dari yang baik, sederhana dan rendah mutunya. Tanah yang baik atau kelas satu, dikenakan cukai sebanyak 80 sen, manakala tanah sederhana baik atau kelas dua, sebanyak 50 sen, dan bagi kelas ketiga iaitu

⁶² Pada tahun 1832, iaitu selepas Perang Nanning, kawasan Nanning dipecahkan kepada 32 mukim. Bilangan mukim di Nanning dikurangkan kepada 24 mukim pada tahun 1891 oleh proses penyusunan semula daerah dan mukim yang dilakukan oleh pentadbiran British. Pada tahun 1970 bilangan mukim Alor Star dimana Nanning terserap ke dalamnya menjadi 31 buah dan jumlah itu kekal hingga kini.

tanah yang kurang baik dikenakan cukai sebanyak 30 sen⁶³. Kadar ini dikenakan pada kiraan setiap 1000 depa persegi. Bagi tanah padi yang produktif cukai yang dikenakan boleh sampai kepada 120 sen.⁶⁴ Cukai tanah ini perlu dibayar oleh semua pemegang tanah termasuk golongan bangsawan walaupun sesuatu tanah itu digunakan ataupun tidak atau hanya digunakan untuk tujuan semaian padi sahaja. Urusan pencukaian dikendalikan di beberapa buah rumah tol yang dibina di beberapa mukim atau di pejabat tanah. Malah pentadbiran British menggunakan pengaruh penghulu untuk memastikan pembayaran cukai dilangsaikan dan pada keperluan tertentu, pentadbiran British juga memperkenalkan sistem kutipan bergerak.

Perluasan serta penguatkuasaan pentadbiran Inggeris dalam pencukaian hasil pertanian dan cukai tanah membebaskan orang Melayu yang kebanyakannya bergiat dalam pertanian padi. Malah peningkatan bilangan penduduk Melayu di bandar Melaka dan pinggirnya bertambah dengan pesat dan sudah pun berjumlah 13 988 orang pada tahun 1817 yang merupakan 71 peratus dari jumlah keseluruhan penduduk⁶⁵ menyukarkan lagi kehidupan orang Melayu di kawasan itu.

⁶³ Sumber: D.O.J 140/87 (*Report of the Mukim Sungai Rambai*, 29.7.1887); dan Lugiman b. Abu Seman, Abu Seman, Punca-Punca Tunggakan Cukai Tanah Bagi Syarat Jenis Bangunan Di Daerah Melaka Tengah, Tesis Doktor Falsafah, Universiti Teknologi Malaysia, Johor, 2004.hlm. 37.

⁶⁴ Struktur cukai ini yang dibawa dan dikenakan kepada pemilik tanah sehingga era kemerdekaan. Apabila Kanun Tanah Negara 1965 digubal dan diguna pakai, negeri-negeri mengadakan kaedah dan peraturan tanah negeri, maka sistem ini diperkemas dan dimasukkan dalam peraturan tersebut untuk diguna pakai.

⁶⁵ Diane Kraal dan Jeyapalan Kasipillai. 2014. The Dutch East India Company's tax farming in 18th century Malacca. *eJournal of Tax Research*. vol. 12, no. 1, Figure 7, hlm. 279.






Bebanan cukai yang dihadapi oleh petani Melayu menyebabkan berlakunya pengadaian tanah atau peninggalan tanah dan mencetuskan penghijrahan ke kawasan luar bandar atau mendapatkan kerja tambahan selain bercucuk tanam di kawasan bandar. Bagi orang Melayu yang tinggal di kawasan luar bandar seperti di daerah Alor Gajah dan Jasin, wujud keengganan membayar cukai khususnya ke atas tanah yang digunakan untuk penempatan. Dalam mukim Serkam, Jasin, para pemilik tanah di mukim ini mendakwa bahawa kawasan tanah mereka yang kecil yang digunakan sebagai kawasan rumah tidaklah digunakan untuk penghasilan pertanian. Tanah laman rumah itu tidak dikenakan cukai sebelum penguasaan British. Cukai hanya dikenakan mengikut hasil yang diperolehi dari tanah sawah yang diusahakan. Pendirian tidak setuju dengan dasar pencukaian itu akhirnya dimanifestasikan dalam bentuk penentangan terbuka itu yang dikenali sebagai Perang

Rokam pada tahun 1887 yang mendapat sokongan dari orang Naning.

Kesimpulannya, peraturan pemilikan tanah dan pencukaian yang dilaksanakan oleh kuasa kolonial Belanda adalah bagi tujuan mendapatkan hasil pendapatan untuk menampung kos pentadbiran mereka. Bagi tujuan itu amalan pencukaian tradisional Melayu, iaitu pembayaran sepersepuluh hasil tanaman, dikenakan. Walau bagaimanapun masalah kurang faham terhadap aspek pencukaian tradisional itu telah membebaskan para petani. Manakala pengenalan peraturan tanah adat pada masa penguasaan British, dari sudut orang Melayu memang membuka peluang kepada mereka memiliki tanah, tetapi bagi pentadbir British ia menjanjikan pencukaian yang lebih baik seperti juga kesannya daripada usaha penyusunan rapi kepada pentadbiran daerah dan mukim. Beban pencukaian ini membawa kepada bermulanya penghijrahan sebilangan orang Melayu dari kawasan bandar

dan pinggir bandar ke kawasan pendalaman yang mencetuskan tanah terbiar kepada tanah yang ditinggalkan mereka atau tanah mereka tergadai kepada kepada golongan tuan tanah Melayu yang hartawan. Bibit masalah ekonomi orang Melayu abad ke-20 sudahpun terjadi pada ketika itu dan terus berkembang apabila tumbuh pula ekonomi dualisme. Kebanyakan orang Melayu Melaka kekal dengan ekonomi tradisional sedangkan pertanian komersil dan perniagaan serta perusahaan yang diterajui oleh pemodal bukan Melayu giat dilaksanakan mulai awal abad ke-20.

2.2.2 Perkembangan Ekonomi Dualisme.

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

Kegiatan pertanian komersil telah dirintis sejak zaman penguasaan Belanda lagi, namun kegiatan itu tidak berkembang dan tidak berlaku secara berterusan. Kajian Nordin Husin juga mendapati pada 1750an penguasa Belanda di Melaka mengalakkan penanaman gambir di pendalaman Melaka. Sebanyak 14,000 pikul dihasilkan pada tahun 1780-1782 dan pengeluarannya meningkat kepada 16,000 pikul pada tempoh 1791-1793⁶⁶. Aktiviti pertanian gambir di Melaka itu tidak berjalan lama kerana aktiviti ini dianjurkan oleh pihak persendirian terutamanya oleh Adrian Koek, Westerhout dan beberapa taukeh Cina yang mengalakkan sebilangan orang Cina membuka tanah di pendalaman bagi tujuan

⁶⁶ Nordin Hussin. 2007. *Trade and society in the straits of Melaka: Dutch Melaka and English Penang, 1780-1830*. Denmark: Nordic Institute of Asian Studies (NIAS), Denmark [NUS, Singapore 2007], hlm. 62-70.

pengeluaran gambir.⁶⁷ Selain gambir, pada penghujung penguasaan Belanda di Melaka, lada hitam juga di tanam oleh orang Cina di kawasan Kesang.

Faktor kekurangan modal serta buruh dan kerana kawasan yang sesuai untuk tanaman itu masih belum terbuka luas dari hutan belukar mengekang perkembangannya. Buruh Cina masih tidak ramai kerana kebanyakan orang Cina yang sudah lama berada di Melaka yang menerapkan budaya tempatan sebagai Baba dan Nyonya berkecimpung dalam perniagaan. Galakkan daripada pihak penguasa Belanda juga tidak bersungguh-sungguh kerana lebih menumpukan perhatian kepada mendapatkan bijih timah dan perdagangan. Masyarakat Melayu kekal menjalankan kegiatan pertanian sara diri seperti penanaman padi secara kecil-kecilan.

Pada masa penjajahan British pun dari 1825 hingga 1850 perkembangan pertanian komersil di Melaka masih lembab. Pada waktu awal penguasaan British tanaman komersil yang utama diusahakan ialah lada hitam. Pada awal tahun 1820an, tanaman ini telah ditanam secara meluas oleh orang Cina.⁶⁸ Kemasukan orang Eropah telah menyebabkan wujudnya ladang-ladang besar seperti *Appa Katchee's Estate* di Batu Berendam, *J.B. Westerhout's Estet* di utara barat bandar Melaka dan *De Wind's Estate* di sebelah Timur Melaka serta sedikit di Sungai Rambai dan Naning. Perusahaan lada hitam pula mula merosot pada tahun 1826. Sebelum ini, kuantiti yang dihasilkan adalah lebih kurang 6000

⁶⁷ Nordin Hussin. 2007. *Trade and society in the straits of Melaka: Dutch Melaka and English Penang, 1780-1830*. Denmark: Nordic Institute of Asian Studies (NIAS), Denmark [NUS, Singapore 2007], hlm. 62-70.

⁶⁸ Khoo Kay Kim. 1972. *Semenanjung Tanah Melayu Suatu Kajian Kemasyarakatan dan Ekonomi 1900 - 1940*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur, hlm. 104.

pikul lada hitam tetapi jatuh kepada 4500 pikul pada tahun berikutnya dan terus jatuh menjadi 4000 pada tahun 1830. Perusahaan lada hitam dan gambir ini terus merosot di Melaka sehingga dipulihkan semula kegiatannya pada tahun 1860an. Kemerostan ini berpunca daripada peralihan tumpuan kepada penanaman ubi kayu yang mendapat harga yang baik dalam pasaran. Kemerostan ini juga berpunca dari penyakit yang mudah menyerang kerana tanaman gambir berdekatan dengan kawasan hutan belukar yang belum cukup dibersihkan. Disamping itu kesukaran untuk mendapatkan buruh kerana buruh Cina lebih bertumpu ke aktiviti perlombongan bijih timah di negeri-negeri Melayu yang lain.

Kehadiran orang Cina yang baru tiba di Melaka juga pada peringkat awal lebih menumpukan kepada kegiatan yang cepat memberi pulangan kepada usaha mereka seperti mengerjakan tanaman ubi kayu dan lombong. Mereka melibatkan diri dalam kegiatan perlombongan emas dan bijih di kawasan Chindras, Londang, Air Kuning dan Tebong yang terletak di daerah Jasin. Kegiatan melombong emas dan bijih dilakukan oleh orang Melayu sekitar pertengahan abad ke-18⁶⁹. Bilangan lombong bagi kedua-dua jenis perlombongan yang dikendalikan oleh orang Melayu berjumlah 24 buah pada tahun 1818. Perlombongan emas hanya pada skala kecil dengan hasil yang diperolehi antara 40 hingga 60 kati sahaja sebelum ditamatkan kegiatannya pada 1824. Perlombongan bijih lebih bertahan lama sedikit dan pada awal abad ke-19 seramai kira-kira 100 orang Melayu terlibat dalam perlombongan bijih di kawasan itu⁷⁰. Pada penghujung 1840an, kegiatan

⁶⁹ Braddell. 1853. 'Note of a trip to the interior from Malacca', *Journal of Indian Archipelago and East Asia*, Vol. VII, Singapore, hlm. 72.

⁷⁰ Braddell. 1853. 'Note of a trip to the interior from Malacca', *Journal of Indian Archipelago and East Asia*, Vol. VII, Singapore, hlm. 73; dan J.B. Westerhout. 1848. 'Note on Malacca', *Journal Indian Archipelago and East Asia*, Series I, II, vol. III, Singapore, hlm. 172. Cara melombong orang Melayu Melaka adalah cara tradisional iaitu dengan kaedah mengali tanah yang yang mengandungi bijih dan kemudiannya dimasukkan

perlombongan bijih itu bertambah pesat dengan perlombongan juga dikerjakan di kawasan Kesang. Hasil yang dikeluarkan pada waktu itu bernilai sekitar \$18 000. Potensi yang ditunjukkan oleh penghasilan bijih itu membawa kehadiran lebih ramai pelombong Cina yang juga mendapat galakkan dari pihak British. Kehadiran pelombong Cina ini telah membawa kepada pertambahan penduduk Cina di kawasan Jasin-Kesang menjadikan bilangan mereka sekitar 2 500 hingga 3 000 orang menjelang 1850an⁷¹. Sejak waktu itu aktiviti perlombongan di kalangan orang Melayu semakin diambil alih atau diatasi oleh pelombong Cina⁷². Kaedah yang lebih baik yang digunakan oleh pelombong Cina membolehkan mereka mengeluarkan bijih antara 300 hingga 350 pikul sebulan walaupun jumlah lombong yang beroperasi 15 buah sahaja. Pengeluaran sebanyak itu berada pada nilai sebanyak \$480,000 hingga \$560,000 sebulan dengan kadar harga \$1 600 sepikul⁷³.

Kegiatan perlombongan bijih ini juga mulai merosot ada beberapa dua sebab utama. Pertamanya kerana jumlah bijih yang terdapat di kawasan itu tidaklah banyak. Keduanya kerana kemarahan orang Melayu yang kehilangan aktiviti perlombongan kepada orang Cina. Beberapa kali serangan ke atas bangsal lombong orang Cina dilakukan pada awal 1850an yang melibatkan korban nyawa⁷⁴. Kedua faktor ini menyebabkan bilangan lombong terus merosot kepada lima buah pada tahun 1854, dan aktiviti perlombongan di Kesang dan Jasin secara rasminya tamat pada tahun 1869⁷⁵. Namun secara tidak rasmi

ke sungai yang cetek tetapi deras arusnya. Bijih yang berat sifatnya akan mendap ke dasar sungai, manakala tanah-tanahnya akan dihanyutkan arus sungai. Bijih yang dapat dikumpulkan akan dileburkan di relau untuk dijadikan jongkong.

⁷¹ *Ibid.* hlm. 73. Pada tahun 1850 dianggarkan jumlah penduduk kawasan itu mencapai angka 4000 orang.

⁷² *Ibid.*

⁷³ C.M. Turnbull. 1972. *The Straits Settlements 1826-1867*. Kuala Lumpur: Oxford Univesrity Press, hlm. 161-162.

⁷⁴ *Ibid.*

⁷⁵ C.M. Turnbull. 1972. *The Straits Settlements 1826-1867*. Kuala Lumpur: Oxford Univesrity Press, hlm. 161-162.

kegiatan perlombongan terus dilakukan sehingga ke awal abad ke-20, terutamanya di kawasan Chinchin dan Kesang⁷⁶.

Kemerosotan dalam aktiviti perlombongan menyebabkan sebilangan orang Cina beredar ke kawasan perlombongan di negeri lain atau berpindah ke kawasan lain di Melaka. Sebilangan lagi kekal di kawasan itu dan menyahut perancangan pentadbiran British membangunkan aktiviti pertanian komersil di kawasan itu. Pada awal tahun 1860an, kawasan seluas 1 000 ekar disediakan untuk tujuan tersebut disamping pembinaan jalan perhubungan yang lebih baik antara kawasan pedalaman itu dengan kawasan pantai. Pada tahun 1870 kawasan pertanian seluas 10,000 ekar lagi dirancangan pembangunannya di daerah Jasin. Usaha pembangunan kawasan tanaman komersil yang berlaku di Jasin ini berlaku juga di daerah lain Melaka. Tanaman yang digalakkan diusahakan ialah ubi kayu dan gambir.

Tanaman Ubi Kayu di Melaka mula mendapat perhatian orang Cina sebagai tanaman alternatif yang menguntungkan pada awal tahun 1850-an. Pada tahun 1860, lebih kurang 1000 ekar tanah di Melaka telah diusahakan tanaman ubi kayu yang menghasilkan 2000 pikul ubi kayu. Pada tahun 1862 hingga 1869, terdapat lebih kurang 10,000 ekar tanah ditanam dengan ubi kayu. Jumlah keluasan tanah pula terus meningkat sehingga mencapai 19,900 ekar pada tahun 1871 dan menjadi 58,000 ekar pada tahun 1880 dan seterusnya

⁷⁶ D.O.J. (District of Jasin) 32/1939, *Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Straits Settlement*. Di catatkan 79 orang China di Chinchin dan 24 orang Cina di Kesang masih terlibat dalam perlombongan. Hanya seorang Melayu dan seorang India terlibat dalam perlombongan di Chinchin.

meningkat kepada 93,000 ekar pada tahun 1882.⁷⁷ Pertambahan keluasan kawasan yang pesat itu membolehkan Melaka meningkatkan eksport ubi kayu sebanyak lima kali ganda antara tahun 1872 dan 1880.

Pada tahun 1884, harga ubi kayu mula merosot dalam pasaran menyebabkan ramai orang Cina mula meninggalkan perusahaan ini. Dalam tempoh dua belas bulan, dianggarkan 6000 orang Cina telah meninggalkan Melaka dan berhijrah ke negeri Melayu yang lain. Hampir sepertiga keluasan tanah yang digunakan bagi penanaman ubi kayu ditinggalkan dan cuma tinggal 2,100 ekar tanah sahaja masih diusahakan dengan tanaman ubi kayu. Keadaan semakin merosot menyebabkan kerajaan mula melelong tanah dengan harga yang rendah akibat terbiar atau atas kegagalan pengusaha membayar sewa tanah.⁷⁸

Walaupun pada tahun 1885, harga ubi kayu meningkat sedikit tetapi peningkatan ini masih gagal menarik perhatian pengusaha untuk meningkatkan semula penglibatan mereka dalam perusahaan ubi kayu. Ketika harga ubi kayu ditahap yang tinggi dari tahun 1885 hingga 1887 antara kawasan penanaman masih giat dengan tanaman ubi kayu ialah Taboh Naning dan Pulau Sebang.

Kedudukan harga pasaran ubi kayu yang tidak menentu maka peladang dan pekebun Cina dan Eropah mengalihkan tumpuan pertanian komersil yang lain. Sebelum abad ke-19 berakhir, beberapa jenis tanaman komersil dicuba kesesuaian tanah dan iklim setempat. Kopi, tebu, lada hitam adalah antara tanaman yang menunjukkan kemungkinan

⁷⁷ James C. Jackson. 1968. *Planters and Speculators Chinese and European Agricultural Enterprise in Malaya 1786-1921*. Singapore: University Of Malaya Press, hlm. 56.

⁷⁸ *Ibid*, hlm. 57.

berjaya diusahakan. Kopi misalnya telah cuba diusahakan di Durian Tunggal oleh Tan Hun Guan tetapi tidak berjaya diteruskan⁷⁹. Tebu juga menjadi tanaman komersil yang besar, sebaliknya diusahakan secara kecil-kecilan di daerah Alor Gajah di kalangan orang Cina dan Melayu di situ.

Tanaman komersil yang digalakkan perusahaannya oleh pentadbiran British di Melaka dengan memberi sewaan tanah yang murah, kemudahan mendapatkan modal dan penyediaan infrastruktur yang lebih baik ialah tanaman gambir. Tanaman ini yang sudah pernah diusahakan sejak zaman penguasaan Belanda lagi dan mengalami kemerosotannya pada awal 1840an cuba diperkembangkan semula. Pada pertengahan kedua abad ke-19, tanaman ini dijalankan secara besar-besaran oleh pengusaha Cina sekitar tahun 1870 hingga 1880. Antara tahun 1871 hingga 1879, eksport gambir di Melaka hampir tiga kali ganda daripada eksport lada hitam. Harga gambir meningkat ekoran daripada permintaan yang tinggi dalam bidang pencelupan dan penyamakan binatang. Tambahan pula, pengusaha-pengusaha Eropah di Singapura juga memerlukan gambir untuk dieksport ke Eropah.⁸⁰ Kawasan utama tanaman gambir ialah mukim Ayer Molek, Serkam dan Kuala Sungai Baru. Pada tahun 1880, Melaka mempunyai 148 ladang gambir dan meningkat kepada 171 ladang gambir pada tahun 1882.⁸¹ Sehingga tahun 1890, terdapat seluas 7 325 ekar tanah telah ditanam dengan gambir yang meliputi 264 kawasan di beberapa mukim di

⁷⁹ G C Allen and Audrey G Donnithorne. 1957. *Western Enterprise in Indonesia and Malaya*. London: Routledge (Taylor & Francis Group), hlm. 41

⁸⁰ James C. Jackson, 1968. *Planters and Speculators Chinese and European Agricultural Enterprise in Malaya 1786-1921*. Singapore: University Of Malaya Press, hlm. 32.

⁸¹ *Ibid.*

Melaka⁸². Kawasan Jasin menjadi fokus pembangunan pertanian komersil sehingga muncul sebagai pengeluar gambir yang terbesar di Melaka sehinggalah ke tahun 1893⁸³.

Perusahaan menanam gambir ini menjadi berkurangan pada akhirnya akibat daripada tanaman ini amat mudah diserang oleh penyakit serta belalang. Selain dari itu tanaman ini juga menghadapi persaingan yang hebat dari satu lagi jenis tanaman yang dapat menghasilkan keuntungan yang lebih besar lagi pada masa itu, iaitu tanaman pokok getah.

Getah diperkenalkan tanamannya di Melaka oleh generasi ketiga Cina Baba, Tan Chay Yan, pada tahun 1895 yang ketika itu masih dalam usia pertengahan 20an. Beliau membawa balik dari Singapura sembilan anak pokok getah dan menanamnya di ladang yang berkeluasan 17 hektar di Bukit Lintang. Ladang itu adalah ladang ubi kayu bapaknya. Pada tahun 1904 beliau berjaya mengeksport 450kg getah keping yang merupakan penghasilan pertama getah dari Melaka. Semasa menanti pokok getahnya boleh ditoreh, beliau sentiasa mengalakkan orang lain mengikut jejaknya menanam getah. Hubungan kekeluargaan yang baik di kalangan Cina Baba dan kedudukan Tan Chay Yan sebagai anggota majlis bandaran Melaka, galakkannya mula mendapat sambutan dan sokongan terutamanya apabila ternyata tanaman getahnya berjaya. Pada tahun 1898, tanaman getah secara ladang⁸⁴ telahpun dimulakan di kawasan timur laut Melaka iaitu di kawasan Asahan, Jasin Utara⁸⁵. Keluasan kawasan yang ditanam dengan pokok di Asahan ini

⁸² *Straits Settlements Blue Book, 1889*, Government Printing Office, Singapura, 1890, hlm. 90.

⁸³ *Ibid.*

⁸⁴ Tanaman ladang ialah tanaman yang dilakukan secara besar-besaran dan kawasan tanamannya tidak kurang daripada 100 ekar.

⁸⁵ *Annual Reports on the Colonies Straits Settlements 1890-1929*, London: Andronicus Publishing Co., 1931, hlm. 19.

walaupun tidak besar tetapi ia menandakan wujudnya kepercayaan kepada potensi komersil tanaman ini. Ketika ini di negeri lain di Tanah Melayu jumlah keseluruhan tanaman ini pun baru berjumlah 345 ekar sahaja.⁸⁶

Sejak dekad pertama abad ke-20, perkembangan tanaman getah di Melaka digerakkan oleh keluarga kenamaan dan hartawan Cina Baba setempat yang juga mempunyai hubungan rapat dengan usahawan Cina dan syarikat permodalan Eropah di Singapura. Keluarga Tan Cheng Lock, Lee Chen Yan dan Lee Chim Tuan misalnya antara peneraju awal keterlibatan utama orang Cina Melaka mengusahakan getah. Usaha golongan ini telah membentuk ladang getah seperti *Nyalas Rubber Estates Limited*, *Malacca Pinda[h] Rubber Estate*, *Ayer Molek Rubber Company*, *United Malacca Rubber Estate*, *Bukit Jelutong Estate*, *Bukit Katil Rubber Estate*, *Punggor Rubber Estates*, *Cathay Ruber Estate*, *Kew Rubber Estate* dan *Tong Watt Rubber Estate*, *Diamond Jubilee Estate*, *Malacca Rubber Plantation*, *Bemban Rubber Estate*⁸⁷, *Leong Tong Jee Estate*, *Ong Meng Hoeh Estate* dan banyak lagi. Malah hubungan Tan Cheng Lock misalnya dengan syarikat *Sime Darby* membawa keterlibatan syarikat itu ke dalam peladangan getah di Melaka⁸⁸.

Perkembangan ladang getah yang banyak dan luas itu mengukuhkan kewujudan ekonomi dualisme, iaitu diantara ekonomi pengeluaran komersil yang dimonopoli oleh

⁸⁶ *Annual Reports on the Colonies Straits Settlements 1890-1929*, London: Andronicus Publishing Co., 1931, hlm. 19.

⁸⁷ Ladang ini dimiliki oleh Aitken dan Ong Siang. Lihat Fail Pejabat Daerah Jasin No. *DOJ 68/1914*.

⁸⁸ Lee Kam Heng. 2003. *Establishing an enduring business: The great Eastern OCBC group*, dlm. Heidi Dahles, van den and Otto van den Muijzenberg, eds. *Capital and Knowledge in Asia, changing power relations*. London: Routledge Curzon, hlm. 146-170; dan Song Ong Siang. 1923. *One Hundred Years' History of the Chinese in Singapore*, London: J. Murray, hlm 111.



orang bukan Melayu, terutamanya orang Cina dan Eropah dengan ekonomi pengeluaran yang lebih bersifat sara diri dan tradisional yang majoritinya diusahakan oleh orang Melayu. Perkembangan tanaman ini dibantu oleh kehadiran buruh India dan sebilangan kecil juga orang Melayu.

Orang Melayu walaupun pernah melibatkan diri dalam tanaman wang seperti gambir dan lada hitam pada abad ke-18, tetapi tidak berkembang. Hasilnya adalah untuk kegunaan sendiri atau ditukarkan dengan barangan lain dengan penduduk setempat. Lebih daripada itu sahaja akan dijual kepada peraih atau pengumpul komoditi itu di bandar. Situasi yang sama berlaku pada tanaman lain seperti tebu, ubi kayu, sireh, kelapa dan buah-buahan yang ditanam pelbagai jenis pokok itu pada satu kawasan atau kebun yang diusahakan atau disekitar kawasan rumah. Keterlibatan mereka dalam aktiviti ekonomi wang ialah sebagai pembuka hutan untuk dibuat ladang tanaman komersil kaum bukan Melayu dan menjual kayu api.

Tanaman kelapa juga selalunya adalah untuk kegunaan sendiri. Bagi mereka yang mempunyai tanah yang agak luas yang kurang sesuai untuk tanaman padi atau tanaman lain, maka tanaman pokok kelapa menjadi pilihan. Kawasan yang berpayau dan sering berlaku kegenangan air seperti kedapatan dengan luar di Kesang, di lembangan sungai dan pantai Klebang umpamanya tanaman kelapa diusahakan. Di kawasan Kesang kelapa diusahakan oleh tuan tanah dengan menggunakan perantau Jawa dan Bugis yang baru mendiami kawasan itu. Namun oleh kerana sifat tanah dimana tanaman itu diusahakan





tidak begitu sesuai maka hasil yang diperolehi tidaklah dapat menjadi bahan komersil yang besar.

Kegiatan utama orang Melayu terus tertumpu kepada tanaman padi sawah terutamanya dan dalam jumlah sedikit tanaman padi bukit. Kekalnya orang Melayu dalam pengerjaan tanaman padi bukan sahaja oleh faktor warisan dan keperluan sara diri, tetapi juga disebabkan oleh syarat yang terkandung dalam pegangan tanah adat. Pemegang tanah adat akan hilang pegangannya jika ia gagal memenuhi beberapa syarat yang ditetapkan kepada tanah adat. Antaranya ialah tanggungjawab supaya tanah itu ditanam dengan padi dengan mematuhi peraturan yang dikeluarkan “Resident Councillor” dan larangan menanam tanaman yang boleh memiskinkan kesuburan tanah. Sekiranya didapati berlaku pelanggaran kepada ketetapan tersebut selama tiga tahun berturut-turut maka pegangan ke atas tanah itu akan luput⁸⁹.

Hal ini bertujuan untuk memastikan kegiatan penanaman padi akan terus diusahakan oleh orang Melayu bagi memenuhi keperluan makanan kaum-kaum lain. Tambahan pula, orang Melayu sendiri yang ingin mengusahakan pertanian sara diri kerana mereka menganggap kegiatan pertanian sudah sehati dengan diri mereka. Pihak pentadbiran British dalam usaha mengekalkan tumpuan orang Melayu dalam pertanian padi supaya tidak perlu berbelanja besar mengimport beras. Sehubungan itu usaha dibuat bagi meningkatkan perbekalan beras di Melaka dengan melaksanakan rancangan pengairan

⁸⁹ A.S. Small. 1940. *Annual report on the social and economic progress of the people of the Straits Settlements, 1938, London, hlm. 23.*



dan pengenalan benih padi yang dapat mengeluarkan hasil yang lebih baik. Satu daripada rancangan pengairan yang dibina terletak di mukim Duyong yang memberi manfaat kepada seluas 2 000 ekar sawah⁹⁰.

Faktor yang dihuraikan di atas berkaitan dengan kegiatan pertanian orang Melayu dan masalah pemilikan tanah mereka, maka keterlibatan mereka dalam pertanian komersil sehingga awal abad ke-20 sangatlah terhad. Kemajuan yang dicapai oleh orang Cina dalam perladangan getah dan potensi tanaman getah sebagai punca pendapatan atau pulangan dalam bentuk wang tunai yang lumayan, maka orang Melayu mula menceburi kegiatan pertanian getah. Oleh kerana kekangan peraturan yang terdapat dalam tanah adat, maka para pemegang tanah adat mencari atau membuka kawasan hutan untuk mengerjakan tanaman getah. Begitu juga dengan orang Melayu yang mendapati sawah mereka tidak memberi pulangan yang setimpal bertindak meninggalkan atau menjual atau mengadaikan tanah mereka dan beredar ke kawasan pendalaman bagi membuka hutan bagi tujuan yang sama. Tindakan mereka ini dan juga orang bukan Melayu membuka kawasan hutan kerana pentadbiran British bersedia memberi geran tanah kepada tanah hutan yang dibuka untuk tanaman. Geran diberi kepada hanya terhadap pembukaan tanah hutan simpan kerajaan sahaja. Sebilangan pula pemegang tanah adat mengambil tindakan mengingkari ketetapan yang dikenakan dalam pegangan tanah adat dengan menanam getah di atas tanah mereka⁹¹. Sebilangan orang Melayu yang berada mengerjakan penanaman getah ke atas tanah yang

⁹⁰ Small, *Straits Settlements, 1938*, hlm. 65.

⁹¹ C. Barlow. 1985. Indonesian and Malayan agricultural development, 1870-1940. *Bulletin of Indonesian Economic Studies* 21: 1, 81-112, there 102. Lihat juga J.H. Drabble. 1974. Some thoughts on the economic development of Malaya under British administration. *Journal of Southeast Asian Studies* 5: 2, hlm.199-208.

mereka beli. Menurut J.H. Drabble, tindakan orang Melayu itu membawa mereka ke dalam aktiviti pertanian komersil, tetapi sehingga tahun 1938 sedikit sahaja orang yang mempunyai ladang getah, atau kawasan yang melebihi 100 ekar. Sehingga tahun itu bagi seluruh Tanah Melayu, ladang yang dimiliki oleh orang Eropah adalah seluas 206,858 ekar dan keluasan ladang milik orang Asia bukan Melayu adalah 74,693 ekar. Manakala keluasan ladang orang Melayu hanyalah 1,646 ekar. Kebanyakan penglibatan orang Melayu dalam penanaman getah adalah sebagai pekebun kecil⁹². Selalunya aktiviti pertanian getah di kalangan orang Melayu merupakan aktiviti keluarga sahaja dan dikerjakan tidak dengan rejim kerja yang baik. Malah tanaman mereka tidak begitu dijaga dari diliputi semak dan mudah pula dihinggapai penyakit sehingga kos menguruskan kebun getah mereka sangat tinggi⁹³.






Pekebun-pekebun kecil Melayu ini yang mengeluarkan hasil seperti padi, kelapa dan getah secara kecil-kecilan memperolehi pendapatan yang rendah dan tahap kehidupan yang mundur. Hal ini menyebabkan sektor pekebun kecil ini berada pada tahap kemiskinan mutlak. Tahap kemiskinan mutlak dalam sektor pertanian dapat dilihat dari segi kedudukan pendapatan yang diperolehi oleh pekebun kecil dan petani-petani. Pada tahun 1950, pendapatan purata bulanan petani di kawasan luar bandar ialah antara \$60 hingga \$120 sahaja⁹⁴.

⁹² J. H. Drabble. 1971. *Rubber in Malaya 1876 - 1922 The Genesis of the Industri*. Singapore: Oxford University Press, hlm. 19

⁹³ Kevin Young et all (penterjemah Abdul Rahman Othman). 2000. *Malaysia Pertumbuhan dan Keadilan dalam Masyarakat Majmuk*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya, hlm. 16.

⁹⁴ Mohd Hafilah Piei. 1987. *Malaysia Isu-Isu Pembangunan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 24.

Menurut C.F. Strickland dalam laporannya tentang Syarikat Kerjasama yang ditubuhkan untuk melindungi orang Melayu daripada penetapan harga kilang Cina menjelaskan bahawa orang Melayu suka berhutang dan akan membelanjakan duit tanpa mempedulikan masa bila ia akan memerlukan lagi. Justeru, pengenalan Syarikat Kerjasama ini diharapkan akan dapat menggalakkan kaum tani bertanam dengan lebih banyak lagi di samping mengelakkan orang Melayu daripada kehilangan tanah kerana mereka mereka menggunakan tanah mereka sebagai cagaran bagi mendapatkan pinjaman wang dari orang China dan India.⁹⁵ Walaupun ada peranan Syarikat Kerjasama yang dapat membebaskan orang Melayu daripada hilang tanah kerana berhutang, namun orang Melayu tidak faham dengan sistem permodalan yang diamalkan.

 05-4506832     Kesimpulannya, sehingga waktu berlakunya Perang Dunia Kedua, sudahpun kedudukan ekonomi orang Melayu berada dalam sektor ekonomi yang tidak produktif yang mengundang masalah kemiskinan dalam kehidupan mereka. Justeru kerana kebanyakan orang Melayu mengerjakan pertanian dan terperangkap dalam kehidupan tradisional mereka maka ciri luar bandar menyelubungi kehidupan mereka walaupun mereka mendiami kawasan berhampiran bandar. Natijah dari wujudnya ekonomi dualisme, tradisional dan komersil atau moden mencetuskan jurang ekonomi yang sangat ketara antara kemajuan antara orang Melayu dengan orang bukan Melayu. Kebanyakan orang Melayu bergiat sebagai pekebun kecil sahaja dalam pertanian komersil berbanding pencapaian orang bukan Melayu yang berjaya membentuk banyak ladang yang luas dan produktif. Para pemilik ladang mempunyai rangkaian yang baik dengan pihak pentadbiran,

⁹⁵ D.G.E. Hall. 1981. *Sejarah Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, hlm. 968.



institusi kewangan, rangkaian perdagangan serta tenaga kerja atau buruh yang banyak membolehkan mereka menempa kemajuan yang lebih baik dari semasa ke semasa. Manakala orang Melayu yang lemah dari segala aspek itu menjadikan masalah ekonomi, kemiskinan dan sifat luar bandar mereka tidak sahaja diperangkap oleh struktur ekonomi tetapi juga kelemahan institusional. Bagi orang Melayu negeri Melaka sejarah panjang penguasaan kolonial ke atas negeri itu tidak memberi peluang mereka mengorak langkah maju sebaliknya peluang itu dibuka kepada orang bukan Melayu. Kedudukan orang Melayu dan bukan Melayu yang demikian itu hasil legasi kolonial Barat, khususnya legasi kolonial British sukar diperbetulkan oleh kerajaan yang mengambil alih kuasa pemerintahan menerusi kemerdekaan yang dicapai pada tahun 1957.



2.3 Usaha Mengatasi Kemiskinan Orang Melayu Luar Bandar sebelum DEB

Dualisme ekonomi yang muncul pada zaman penjajahan dahulu telah mewujudkan perbezaan yang amat ketara dalam sektor ekonominya, terutamanya di antara sektor ekonomi moden (bandar) dengan sektor ekonomi luar bandar. Perbezaan kemajuan kedua-dua sektor ekonomi itu bukan sahaja membawa kepada berlakunya perbezaan taraf hidup di kalangan penduduk, malahan juga mengakibatkan majoriti penduduk di luar bandar tersisih dari arus kemajuan ekonomi negara.

Kemiskinan orang Melayu yang ramai mendiami kawasan luar bandar pada waktu pendudukan Jepun disamakan situasinya oleh kemiskinan dan kesukaran hidup yang



dilalui oleh semua penduduk baikpun orang Melayu ataupun bukan Melayu. Pada masa pendudukan Jepun kerencatan ekonomi dialami atas akibat dasar perang yang keras yang diterapkan oleh pihak Jepun. Kemusnahan kepada ladang memang merugikan para pengusahanya tetapi semua itu bersifat sementara kerana struktur, institusi dan rangkaian yang terbina sebelumnya boleh dikumpul dan dibangunkan semula dengan sokongan kolonial British yang masih berkusa sehingga tahun 1957. Keutamaan memulihkan ekonomi komersil bagi menanggung kos pengurusan dan pembangunan menyebabkan pertanian ladang kembali aktif dalam tempoh yang singkat. Manakala orang Melayu yang digunakan juga oleh pihak Jepun sebagai pengeluar keperluan makanan atau pertanian tradisional terus lestari dengan ekonomi dan kehidupan tradisional mereka. Pada tempoh pra-kemerdekaan, pembangunan ekonomi oleh kerajaan tertumpu kepada pertanian dan pembangunan infrastruktur. Pembangunan itu kebanyakannya bergantung kepada pelaburan pihak swasta dan pelaburan langsung asing.

Ringkasnya, Pendudukan Jepun tidak merubah struktur ekonomi dan sifat dualisme yang wujud sebelum pendudukannya ke atas wilayah ini, malah agak sesuai dalam konteks kedudukan ekonomi pendudukan itu dianggap sebagai satu *interregnum* sahaja. Namun *interregnum* ini menimbulkan manfaat juga kepada orang Melayu kerana suara tuntutan mendapatkan keadilan dan hak sosioekonomi dan politik semakin lantang dan tersusun disampaikan kepada kolonial British.

Usaha memperbaiki kerosakan bidang ekonomi yang dialami oleh Tanah Melayu akibat Pendudukan Jepun dilaksanakan selepas Perang Dunia Kedua. Perusahaan getah

dibangunkan semula dengan membaikpulih semula infrastruktur, menjalankan penyelidikan, pembukaan tanah baru dan sebagainya. Manakala pokok getah yang tua diganti dengan tanaman getah baru terutamanya melalui projek tanaman semula yang digiatkan mulai tahun 1953 setelah dibentuk Ordinan Kumpulan Wang Perusahaan Getah (Penanaman Semula) 1952 dan Lembaga Penanaman Semula Industri Getah⁹⁶.

Usaha penanaman semula getah di Melaka dilaksanakan pada tempoh itu oleh pelbagai bantuan dari RIDA, Lembaga Penanaman Semula Industri Getah dan juga kerajaan negeri. Bantuan juga diberikan oleh United Malacca Rubber Estates⁹⁷, syarikat yang diwujudkan oleh Tan Cheng Lock di Nyalas, Jasin, khususnya dalam membekalkan anak pokok getah. Manakala pertanian padi yang menjadi kegiatan utama orang Melayu di luar bandar turut dipulihkan dengan keterlibatan Jabatan Pertanian dan Jabatan Parit dan Tali Air khususnya⁹⁸. Di samping memulihkan perusahaan pertanian getah, tanaman komersil baru, iaitu kelapa sawit mula mendapat sambutan di kalangan pelabur Eropah kerana kejatuhan harga getah dalam pasaran dunia.


Namun usaha pemulihan itu disukarkan oleh kekurangan pendapatan negara ini akibat ketidakstabilan harga pasaran dua komoditi utama eksport, iaitu getah dan bijih. Kesukaran juga disebabkan oleh berlakulah keadaan Darurat yang berpunca dari tindakan Parti Komunis Malaya mengangkat senjata menentang kerajaan. Oleh itu tidak banyak perubahan struktural dan juga

⁹⁶ Undang-Undang Malaysia, Akta 85, Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah 1972.

⁹⁷ Choi Siew Hong. 2014. *I Remember: AMemoir*. Melaka: Partridge Publishing Co., hlm. 114.

⁹⁸ Jabatan Pertanian mula diwujudkan pada tahun 1905 dan Jabatan Parit dan Tali Air diadakan mulai tahun 1932.

institusional yang dapat diperkenalkan dari tempoh lepas Perang Dunia Kedua itu hingga kemerdekaan dicapai oleh negara ini pada tahun 1957.



Petikan 2.1. Pengisytiharan Darurat. Sumber: Government Gazette, Vol 1, Part 2, 1948

Rencana pertama bagi memulihkan ekonomi dan kedudukan kemiskinan luar bandar ialah satu Deraf Rancangan Jangka Panjang Sepuluh Tahun (1947-1956). Kesukaran melaksanakan rancangan itu akibat wujudnya Darurat dan masa yang diambil terlalu lama untuk menyediakan perincian pelaksanaan Rancangan itu maka tempoh pelaksanaannya tertangguh hingga tahun 1950 menyebabkan pelan pelaksanaan itu berbaki enam tahun (1950-1956). Pelaksanaannya tertangguh lagi setahun dan rancangan itu dipinda bagi meliputi tempoh dari 1951 hingga 1957.



Matlamat mengadakan Deraf ini menunjukkan kesedaran terhadap kepentingan pembangunan ekonomi dan sosial bagi Tanah Melayu tetapi Deraf ini banyak kelemahannya. Antaranya, Deraf ini direncanakan tanpa kajian asas serta keterangan atau data yang lengkap terhadap kedudukan sosioekonomi negara ketika itu. Kekurangan pakar perancangan untuk memperincikan kaedah pelaksanaannya menyebabkan Deraf itu terlalu umum dan tidak jelas perancangannya. Akhirnya Deraf ini yang bertujuan untuk tidak dapat diterima untuk dilaksanakan.

Berikutan dengan keadaan tersebut maka kerajaan memohon bantuan dari Bank Dunia. Deraf Perancangan yang disediakan oleh para pakar yang dihantar oleh Bank Dunia kemudiannya menjadi asas kepada pelaksanaan Rancangan Lima Tahun Pertama Malaya (1956-1960). Dengan itu bermulalah Rancangan Lima Tahun bagi Malaya yang kemudiannya menjadi Rancangan (Pembangunan) Malaysia apabila Malaysia dibentuk pada tahun 1963.



Sungguhpun Deraf Perancangan Jangka panjang pertama (1947-1956) gagal dilaksanakan, tetapi kesedaran yang mendorong kepada usaha mewujudkan Deraf itu membawa kepada penubuhan RIDA (*Rural and Industrial Development Authority*) pada 1950. RIDA ditugaskan antaranya bagi mengatasi masalah kemunduran luar bandar. Pembentukan RIDA sangat bermakna kerana terpancar padanya konsep pro-Melayu dan lambang kejayaan perjuangan politik orang Melayu mendapatkan pengiktirafan kolonial British terhadap keperluan menjaga kepentingan sosioekonomi orang Melayu, terutamanya terhadap kemunduran dan kemiskinan orang Melayu luar bandar.

Rancangan Malaya Lima Tahun I dan II (RM 1 dan RM 2) adalah antara rancangan pembangunan ekonomi yang awal dilaksanakan atas dua faktor yang utama iaitu



kemerosotan harga getah dan pengisytiharan kemerdekaan tanah Melayu pada 31 Ogos 1957. Oleh kerana ekonomi Malaya terlalu bergantung kepada getah dan bijih timah. Justeru, apabila harga getah merosot kesan daripada akibat persaingan dengan getah tiruan, ia telah menjejaskan ekonomi di Malaya. Sehubungan itu rancangan pembangunan ekonomi yang dilaksanakan seperti RM1 dan RM2 diharap dapat mengatasi masalah tersebut. Justeru, kerajaan yang terbentuk ketika itu telah merangka pelbagai strategi untuk mempelbagaikan asas ekonomi negara.⁹⁹ Faktor kemerdekaan pula menjanjikan kepada rakyat satu tahap pembangunan yang munasabah.

Sebelum DEB dilancarkan pada 1971, selain dari kewujudan RIDA, sudah terdapat jabatan dan institusi yang telah pun memainkan peranan bagi memajukan ekonomi pertanian dan menangani kemunduran masyarakat luar bandar seperti Jabatan Parit dan Tali Air, Jabatan Pertanian, *Rubber Research Institute* serta pertubuhan seperti Syarikat Kerjasama,. Namun penubuhan FELDA pada tahun 1956 dan Kementerian Pembangunan Negara & Luar Bandar (KPNL) merupakan inovasi yang penting dalam sejarah perancangan dan pembangunan negara hingga ke masa kini.¹⁰⁰ Hal ini kerana penubuhan kedua-dua institusi ini menjadi tunjang kepada penyelarasan strategi pembangunan luar bandar yang sebelum ini belum tersusun dan selaras.

FELDA memulakan tanggungjawabnya dengan membuka tiga buah tanah rancangan di Pahang yang mengusahakan tanaman getah. Dua lagi tanah rancangannya

⁹⁹Mohd Hafilah Piei & Chamhuri Siwar. 1989. *Rancangan Malaysia Kelima*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 12.

¹⁰⁰*Ibid.*

yang menumpukan kepada tanaman kelapa sawit diadakan setiap satu di Johor dan Negeri Sembilan. Para peserta terdiri golongan miskin dan mereka yang tidak memiliki tanah dari pelbagai negeri. Dalam tempoh lima tahun sejak ditubuhkan, FELDA telah membangunkan 22 skim yang meliputi kawasan seluas 30,000 ekar bagi tanaman getah dan kelapa sawit¹⁰¹. Rancangan pembukaan tanah FELDA seterusnya menjadi asas bagi pembangunan sosioekonomi pekebun-pekebun kecil dan petani yang sebelum ini tidak mempunyai tanah. Penubuhan FELDA disusuli oleh beberapa agensi Persekutuan yang lain terutamanya FAMA (*Federal Agricultural Marketing Agency*) pada 1965, FELCRA pada 1966, RISDA pada 1972; dan pelbagai lagi. Kesemua agensi tadi dipertanggungjawabkan secara sendiri dan kolektif untuk memperbaiki kedudukan ekonomi orang Melayu luar bandar dan para petani Melayu.

FELDA yang awal berperanan telah menerima sokongan kuat apabila terbentuknya Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar pada tahun 1959. Berikutan dengan wujudnya kementerian ini, maka pelbagai program pembangunan luar bandar dilancarkan bagi menyediakan kemudahan infrastruktur kepada orang Melayu di luar bandar. Kegiatan pembangunan ekonomi yang tertumpu kepada pembaikan taraf hidup dan membuka seluas peluang menceburi ekonomi bandar dan moden kepada orang Melayu mencetuskan kegelisahan dan kekhuatiran di kalangan orang Cina khususnya. Tumpuan yang berlebihan itu pula dipelopori oleh UMNO (*United Malays National Organisation*), parti orang Melayu yang mengepalai Parti Perikatan yang terdiri dari UMNO, parti orang Cina iaitu

¹⁰¹ Documents of World Bank. 1982. Malacca Agricultural Development Project, Staff Appraisal Report, Malaysia, Agricultural Division 5 Project Department, East Asia and Pacific Regional Office, April, hlm. 4-5.

MCA (Malaysian Chinese Association) dan parti orang India MIC (Malaysian Indian Congress). Perjuangan UMNO dalam soal sosioekonomi orang Melayu bukan sahaja dianggap oleh parti pembangkang yang mempunyai ramai ahli bukan Melayu, malah MCA dan MIC sendiri mencurigai tindakan UMNO itu sama ada mengandungi agenda yang akan merugikan sosioekonomi orang bukan Melayu¹⁰².

Bagi orang bukan Melayu, usaha pembangunan sosioekonomi yang sangat ditumpukan kepada orang Melayu dianggap sebagai intervensi kerajaan yang tidak sepatutnya dilakukan dalam pengamalan ekonomi liberal yang diterimapai di Malaysia sejak pemerintahan zaman kolonial British lagi. Bibit tidak puas hati akhirnya dinyatakan dalam bentuk undi pilihanraya tahun 1969. Parti Perikatan mengalami kemerosotan yang besar sehingga hilang suara majoriti dua pertiga di parlimen. Keputusan pilihanraya itu mengejutkan orang Melayu, sebaliknya memberi kegembiraan kepada orang bukan Melayu. Dua elemen yang bertentangan itu bertembung sehingga tercetuslah peristiwa hitam yang memperlihatkan pergaduhan antara kaum berlaku di Malaysia yang dikenali sebagai Peristiwa 13 Mei (1969)¹⁰³. Negara Malaysia terpaksa melaksanakan perintah Darurat yang membawa kepada pembubaran parlimen. Pemerintahan negara jatuh kepada keputusan yang dibuat oleh Yang Dipertuan Agong. Atas persetujuan Yang Dipertuan Agong maka dibentuklah sebuah badan, iaitu Majlis Gerakan Negara, atau lebih popular dikenali sebagai MAGERAN, yang diberi kuasa legislative dan eksekutif parlimen untuk

¹⁰² Shamsul Amri b. Baharuddin. 1997. The Economic Dimension of Malay Nationalism, The Socio-Historical Roots of the New Economic Policy and Its Contemporary Implications, *The Developing Economies*, XXXV-3, September, hlm. 240-61.

¹⁰³ Leon Comber. 1983. *13 May 1969: A Historical Survey of Sino-Malay Relations*. Singapore: Brahm Brash.

mentadbir dan memulihkan negara kepada keadaan sediakala. Pengarah MAGERAN dipertanggungjawabkan kepada Dato Abdul Razak Hussin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada waktu itu. Dato Abdul Razak, yang kemudiannya menjadi Perdana Menteri Malaysia (1971-1976) dan seterusnya menerima gelaran Tun, adalah seorang yang terlibat besar dalam usaha memperbaiki dan memoden serta membandarkan ekonomi orang Melayu luar bandar dan orang Melayu bandar. Semasa mengepalai MAGERAN beliau yakin dan tegas berpendirian bahawa apa yang telah dilakukan bagi memperbaiki ekonomi orang Melayu adalah tepat dan wajar dilakukan. Pendirian ini dijemakan dalam DEB (Dasar Ekonomi Baru) yang merupakan perancangan jangka panjang 20 tahun (1971-1990) bagi mengurangkan kemiskinan luar bandar dan merapatkan jurang antara bandar dengan luar bandar menerusi penyusunan semula masyarakat.

2.4 Pembentukan DEB Sebagai Sasaran Peranan Agensi Pembangunan

Peristiwa 13 Mei menyebabkan negara diistiharkan Darurat dan dalam tempoh inilah DEB (Dasar Ekonomi Baru) dibentuk yang menerapkan satu pendekatan baru dalam pembangunan ekonomi negara. Dalam tempoh Darurat ini segala pengurusan kerajaan diletakkan di bawah penyeliaan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN). Pengarah Majlis ini, menerusi Ordinan (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat, no. 2, 1969 dilantik oleh Yang Dipertuan Agong serta diberi kuasa eksekutif dan perundangan yang diberi kepada Yang Dipertuan Agong. Tun Abdul Razak yang memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri dilantik pada 16 hbMei 1969, oleh Yang Dipertuan Agong sebagai Pengarah MAGERAN



dan diberi kuasa yang besar untuk membentuk dan melaksanakan peraturan dan undang-undang negara dalam tempoh Darurat supaya keamanan, undang-undang, jentera pentadbiran dan keharmonian kaum dapat dipulihkan. Segala ketetapan yang dibentuk oleh MAGERAN dilaksanakan dan di peringkat negeri pelaksanaannya adalah di bawah tanggungjawab Majlis Gerakan Negeri yang diketuai oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri masing-masing.

Fungsi utama MAGERAN adalah mengembalikan kestabilan politik dan ekonomi negara. Langkah memulihkan perpaduan kaum supaya berlaku kestabilan politik dimulakan MAGERAN dengan membentuk Jabatan Perpaduan Negara pada 1hb Julai 1969. JPN diwujudkan bagi memenuhi keperluan menggubal sebuah ideologi kebangsaan yang diperlukan untuk membawa perpaduan antara kaum negara ini. Natijahnya lahirlah Rukun Negara sebagai ideologi negara yang dilancarkan pada 31 Ogos 1970.

Kestabilan negara yang bertahan lama di negara ini menurut Tun Abdul Razak banyak bergantung kepada tahap penyelesaian masalah ekonomi orang Melayu luar bandar supaya wujud keseimbangan perkongsian kekayaan negara di antara kaum. Berpegang kepada pendirian sedemikian maka pada bulan Ogos 1969 MAGERAN menubuhkan Jawatankuasa Ekonomi MAGERAN untuk meneliti dan menyelaraskan penggubalan dasar-dasar awam dan ekonomi. Perhatian khas diberikan kepada usaha-usaha bagi mengimbangkan pendapatan dan peluang-peluang mata pencarian dan juga kepada usaha mengadakan pekerjaan kepada warga negara Malaysia yang kurang baik kedudukan



ekonominya. Sehubungan itu, pendekatan dan dasar pembangunan negara yang baru perlu dibentuk.

Pada masa yang sama, perhatian diberikan kepada penggubalan dasar ekonomi baru bagi negara selepas tamatnya Rancangan Malaysia Pertama pada tahun 1970. MAGERAN menubuhkan sebuah jawatankuasa ekonomi bagi meninjau dan menyelaras proses penggubalan dasar-dasar awam. Jawatankuasa ini juga menjadi badan yang memantau implikasi dasar-dasar tersebut ke atas politik, ekonomi dan sosial negara. Tun Abdul Razak sendiri mempengerusikan Jawatankuasa ini membawa ahli jawatankuasa yang lain meneliti kesesuaian idea struktulis sebagai asas dalam penggubalan dasar awam negara. Kecenderungan kepada pemikiran strukturalis ini yang semasa proses penggubalan dasar baru pembangunan ekonomi negara ini adalah selari dengan minat antarabangsa terhadap isu agihan dalam pembangunan ekonomi ketika itu.

Seiring dengan kecenderungan itu, Tun Abdul Razak mengarahkan Tan Sri Abdul Kadir Shamsudin, Pengerusi Jawatankuasa Perancangan Pembangunan supaya memberi perhatian kepada resolusi Kongres Ekonomi Melayu pertama (1965) dan kedua (1968). Beliau juga diminat meneliti pandangan dan cadangan yang dikemukakan oleh Just Faaland¹⁰⁴ berkaitan masalah pembangunan negara ini dalam merangka deraf dasar ekonomi ekonomi yang baru. Just Faaland, seorang pegawai ekspatriat dari Bank Dunia

¹⁰⁴ Berasal dari Denmark. Bertugas sebagai Pegawai Penasihat Bank Dunia di Malaysia pada 1968-1970. Menerima anugerah Tan Sri atas sumbangannya. Pandangan terhadap kedudukan ekonomi dan pengaruh politik ke atas ekonomi Malaysia sebelum DEB dapat diteliti dalam buku Just Faaland, Jack Parkinson and Rais Saniman. 2003. *Growth and Ethnic Inequality. Malaysia's New Economic Policy*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd (446 hlm.)

yang bertugas dengan kerajaan telah mengemukakan beberapa kertas kerja tentang keadaan ekonomi negara dan implikasinya dari segi politik. Pegawai ini melihat permasalahan ekonomi di negara ini dari sudut strukturalnya dan menganjurkan supaya ekonomi negara dirobak semula bagi mengatasi masalah-masalah ketidakseimbangan yang telah wujud begitu lama itu. Analisis yang dikemukakan terhadap keadaan ekonomi di negara ini serta kesan yang wujud daripadanya itu telah menarik minat Tun Abdul Razak.

Hasilnya Jawatankuasa Perancangan Pembangunan berjaya merangka satu deraf dasar ekonomi yang baru. Deraf ini setelah melalui berapa penilaian dikemukakan kepada MAPEN (Majlis Perundingan Negara) yang ditubuhkan pada bulan Januari 1970. Deraf ini diterima dan kemudiannya menjadi DEB negara yang mempunyai dua tujuan utama iaitu, pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat.

DEB menerapkan pendekatan baru terhadap pembangunan negara yang menolak pendekatan pembangunan yang menjadi amalan sebelumnya. Pada zaman Tunku Abdul Rahman (1957-1971) menjadi Perdana Menteri pendekatan yang bersifat liberal dengan pemikiran ekonomi ortodoks neo-klasikal membataskan penglibatan dan peranan kerajaan dalam menggerakkan pembangunan ekonomi negara. Pendekatan lama itu tidak memberi keupayaan yang memadai bagi membasmi kemiskinan dan mengamankan kehidupan masyarakat. Peristiwa 13 Mei itu adalah manifestasi kegagalan pendekatan lama menangani jurang ekonomi antara kaum yang perlu segera diatasi oleh kerajaan.

Pendekatan baru itu membolehkan kerajaan memainkan peranan yang lebih besar dalam merancang, mengagih dan meningkatkan sumber kekayaan dan pendapatan serta meningkatkan pemilikan dan pengawalan kerajaan ke atas ekonomi. Penglibatan dan peranan kerajaan adalah penting untuk mewujudkan keadilan ekonomi kepada segenap lapisan rakyat. Kerajaan seharusnya melaksanakan fungsi utamanya iaitu memperuntukan, mengagih dan menstabilkan kekayaan atau sumber negara. Justeru strategi pembangunan diasaskan kepada prinsip pertumbuhan dengan pengagihan dan pengagihan dengan berdikari.¹⁰⁵ Tugas mengatasi ketidakseimbangan itu serta mewujudkan keadilan peluang dan perkongsiaan ekonomi tidak boleh diserahkan kepada pihak swasta seperti terdapat dalam amalan pendekatan lama. Pertumbuhan ekonomi negara yang digerakkan oleh pihak swasta mengutamakan peningkatan pendapatan per kapita, tetapi tidak mengambil perhatian kepada masalah ketidakseimbangan peluang dan kedudukan ekonomi antara kaum, keperluan kepelbagaian sektor ekonomi dan perbezaan kemajuan antara wilayah. Kelemahan pendekatan lama itu bukan sahaja masalah memberi kesan kepada aspek ekonomi, malah berkait rapat dengan masalah kestabilan politik dan perpaduan masyarakat. Berdasarkan kepada kepentingan itu maka tanggungjawab penyelesaian masalah itu sangat memerlukan penglibatan kerajaan dan tidak wajar tanggungjawab itu diserahkan sepenuhnya kepada pihak swasta. Kerajaan atau sektor awam perlu memainkan peranan utama menggerakkan sumber yang perlu bagi mencetuskan pertumbuhan ekonomi yang cepat dan mampan. Pertumbuhan ekonomi yang cepat dan mampan memerlukan kewujudan masyarakat yang hidup bersatu padu, bertolak ansur dan harmoni walaupun

¹⁰⁵ “*growth with distribution dan distribution with self-reliance*”. Rujuk *Ninth Malaysia Plan, 2006-2010*, Chapter 16: Achieving Growth with Distribution, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya, 2006, hlm. 323-324.

terdapat perbezaan dari segi keturunan, bahasa, agama dan fahaman politik. Matlamat inilah yang menjadi tujahan utama Dasar Ekonomi Baru selama hayat 20 tahun pelaksanaannya yang bermula dari 1971 hingga 1990 dan diterapkan pelaksanaannya itu melalui Rancangan Malaysia Kedua hingga Kelima.

Rancangan pembangunan negara akan direncana dan dirancang oleh agensi pusat dan kementerian yang bertanggungjawab kepada portfolio masing-masing. Manakala diperingkat pelaksanaan di lapangan agensi pengurusan seperti FELDA, FELCRA, RISDA, MARDI, FAMA, Perbadanan Kemajuan Negeri serta Jabatan di bawah Kementerian Pentadbiran Negeri dan Daerah bertanggungjawab memainkan tugas dan peranan masing.



BAB 3

PERANAN AGENSI PERTANIAN PERSEKUTUAN DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI LUAR BANDAR DI MELAKA



3.1 Pendahuluan

Usaha bagi memenuhi matalamat tersebut memerlukan pertambahan agensi pusat yang merancang dan menyelia agensi pengurusan, iaitu agensi yang melaksanakan di lapangan apa yang telah dirancang oleh agensi pusat. Pada masa pelaksanaan DEB agensi pusat merancang supaya projek dan pelaksanaan di bawah kendaliannya menerapkan matlamat dan tuntutan lain yang digariskan oleh DEB. Oleh itu pelaksanaan tindakan agensi pengurusan pada tempoh berlangsungnya DEB harus menekankan matlamat yang dikehendaki oleh DEB. Pendekatan baru yang dibawa oleh DEB menyebabkan tanggungjawab agensi pengurusan perlu dilaksanakan dengan sifat “mission-driven” bagi membasmi kemiskinan luar bandar serta memperbaiki dan memodenkan aktiviti pertanian yang diamalkan oleh masyarakat luar bandar.



FELDA, FELCRA dan RISDA adalah agensi yang utama dalam memikul tanggungjawab tersebut dengan bidang tugas yang ditetapkan oleh agensi pusat masing-masing. Sebagai agensi Persekutuan, maka kawasan yang ketiga-tiga agensi ini meliputi semua wilayah di negara ini yang mempunyai ciri-ciri sendiri. Keberkesanan pelaksanaan sesuatu projek oleh agensi ini bukan sahaja oleh perancangan yang baik dan kebolehan institusionalnya serta kepakaran, kuasa dan dana yang diperuntukkan tetapi juga kebolehan menyesuaikan pelaksanaan perancangan mereka dengan ciri-ciri sendiri yang terdapat pada sesuatu kawasan. Dalam kedudukan dan tuntutan tersebut itulah FELDA, FELCRA dan RISDA turun ke padang di beberapa wilayah di Melaka bagi menunaikan tanggungjawab masing-masing.

3.2 FELDA

3.2.1 Latar Belakang FELDA di Melaka

FELDA telah diperkenalkan pada 1 Julai 1956. FELDA adalah singkatan kepada Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA). FELDA memainkan peranan penting dalam membangunkan tanah pertanian secara berkelompok. Pembangunan rancangan FELDA adalah merupakan pembangunan tanah secara terkawal dan berkelompok. Kawasan tanah rancangan diserahkan kepada FELDA oleh Kerajaan Negeri untuk dimajukan dan diwartakan mengikut peruntukan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 sebagai Kawasan Pembangunan. Mengikut Surat Perjanjian di antara Kerajaan Negeri dan



FELDA yang diperuntukkan di bawah Akta. FELDA dilantik sebagai Pihak Berkuasa Pembangunan. Gambar 3.1 merujuk kepada Logo Felda.



Gambar 3.1. Logo FELDA. Sumber: Koleksi Buku FELDA



3.2.2 Penglibatan FELDA di Melaka

Penglibatan FELDA di Melaka bermula pada tahun 1959 dengan mengambil alih rancangan Kemendore dari Kerajaan Negeri. Sehingga akhir 1994, terdapat empat rancangan di negeri ini dengan keluasan 5,144 hektar. Sebanyak 23% ditanam dengan sawit, 71% getah dan 6% di bawah kawasan perkampungan. Seluas 2,393 hektar di keempat-empat rancangan telah dan sedang di tanam semula. Jumlah peneroka yang terlibat ialah 855 keluarga. Kesemua kawasan dimajukan adalah kawasan kebun peneroka. Luas kawasan FELDA adalah 4% daripada keseluruhan kawasan pertanian negeri ini. Jumlah pengeluaran hasil bagi tahun 1994 untuk negeri Melaka ini ialah RM12.81 juta. Seramai 1,329 peneroka telah ditempatkan di negeri ini. Daripada jumlah tersebut, 884 peneroka telah menerima hakmilik masing-masing. Tiga rancangan pertama yang telah



menerima hakmilik ialah Macap, Kemendore dan Menggong pada 7 Julai 1977. Para peneroka di ketiga-tiga rancangan ini juga merupakan rancangan pertama yang diberikan hakmilik. Antara FELDA yang terdapat di Melaka adalah FELDA Kemendor, FELDA Hutan Percha, FELDA Bukit Senggeh, FELDA Macap dan Menggong. Peta 3.1 menunjukkan peta Daerah di Melaka.



Peta 3.1. Peta Daerah di Melaka. Sumber: Pejabat Tanah Negeri Melaka

FELDA Bukit Senggeh terletak dalam Daerah Jasin iaitu lebih kurang 57.5 kilometer dari bandaraya Melaka. Ia termasuk di bawah kawasan Parlimen Selandar dan kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Alor Gajah. FELDA telah memainkan peranan untuk memajukan tanah rancangan ini melalui 2 cara iaitu melalui pembangunan pertanian dan penempatan. Tanah dalam kawasan ini telah diusahakan dengan tanaman getah dalam tahun pembangunan 1970 dengan kawasan tanaman seluas 1,846.36 hektar. Manakala



125.50 hektar dimajukan sebagai kawasan perkampungan. Apabila kawasan ini boleh mengeluarkan hasil pada bulan Jun 1978 maka seramai 448 keluarga peserta ditempatkan dalam rancangan ini mulai bulan Disember 1978. Sebanyak 98.5% peneroka berasal dari negeri ini. Seramai 397 atau kira-kira 86.1% daripada keluarga peserta adalah berketurunan Melayu, 36 keluarga berketurunan Cina dan 15 keluarga adalah terdiri daripada kaum India. Pada keseluruhannya, bilangan penduduk bagi rancangan ini ialah 3,918 orang.



Gambar 3.2 Papan Tanda FELDA Tun Ghafar Bukit Senggeh
Sumber: Pejabat Tanah Negeri Melaka

FELDA Hutan Percha pula terletak dalam Daerah Alor Gajah iaitu lebih kurang 40 kilometer dari bandaraya Melaka. Tanah Rancangan ini termasuk di bawah kawasan Parlimen Alor Gajah dan kawasan Dewan Undangan Negeri Alor Gajah. Rancangan ini mula dimajukan dengan tanaman getah dalam tahun 1960 dan dilaksanakan majukan menerusi tiga peringkat dengan kawasan tanaman seluas 1,158.39 hektar. Manakala 65.84 hektar dimajukan sebagai kawasan perkampungan. Seramai 99 keluarga peneroka



ditempatkan pada peringkat pertama pada tahun 1960 yang melibatkan kawasan seluas 335.18 hektar. Peringkat kedua sebanyak 143 buah keluarga pula ditempatkan pada tahun 1961 dan seramai 43 keluarga di peringkat ketiga pada bulan Julai tahun berikutnya. Keseluruhannya FELDA ini melibatkan 285 keluarga peneroka. Seramai 270 atau 95% peneroka berasal daripada negeri ini. Daripada jumlah itu, seramai 213 daripada keluarga peneroka adalah berketurunan Melayu, 66 keluarga keturunan Cina dan 6 keluarga keturunan India. Pada keseluruhannya, bilangan penduduk bagi rancangan ini ialah 1,520 orang. Semua peneroka telah menjelaskan Bayaran Kembali dan menerima surat hakmilik dan mereka telah membuat penanaman semula dengan getah pada tahun program 1989/1990. Penerimaan surat hakmilik adalah seperti dalam jadual 3.1.

Jadual 3.1

Bayaran Kembali dan Terima Hakmilik Mengikut Tahun

Peringkat	Selesai Bayaran Kembali	Terima Hakmilik	Tarikh Terima
I	99	99	1985
II	143	143	1988
III	43	43	1988
Jumlah	285	285	

Sumber: FELDA Pembangunan Tanah Negeri Melaka. 1995. hlm. 127.

Dalam jadual 3.1, pada peringkat I. seramai 99 peneroka telah selesai membuat bayaran kembali dan kesemuanya telah menerima hakmilik pada tahun 1985. Pada peringkat II dan III pula, kesemua 143 dan 43 peneroka telah menerima hakmilik sekitar tahun 1988. Ini menjadikan jumlah keseluruhan peneroka yang telah selesai membayar kembali adalah seramai 285 peneroka.



Bagi kawasan ini, peneroka menerima bayaran sara hidup sebanyak RM20.00 seekar setiap sebulan selain memperoleh pendapatan daripada kawasan tambahan kebun masing-masing.



Gambar 3.3 Pintu Gerbang FELDA Tun Ghafar Hutan Percha. Sumber: Pejabat FELDA Tun Ghafar Hutan Percha

FELDA Kemendore terletak dalam Daerah Jasin, iaitu lebih kurang 30 kilometer dari bandaraya Melaka. Tanah Rancangan ini termasuk di bawah kawasan Parlimen Jasin dan kawasan Dewan Undangan Negeri Jasin. Rancangan ini mula dimajukan dengan tanaman getah dalam tahun 1958/1959 dan mempunyai tiga peringkat penyertaan yang melibatkan kawasan seluas 1,191.95 hektar kawasan tanaman dan 96.72 hektar sebagai kawasan perkampungan.



Daripada jumlah ini, seramai 100 keluarga ditempatkan di peringkat pertama yang dimulakan pada bulan Ogos 1957, Seterusnya 108 keluarga ditempatkan di peringkat kedua, dan 172 keluarga diperingkat ketiga. Seramai 376 atau 99% peneroka berasal dari negeri ini dan dari jumlah keseluruhan sebanyak 380 keluarga, 237 keluarga peneroka adalah berketurunan Melayu dan 143 keluarga lagi berketurunan Cina. Pada keseluruhannya, bilangan penduduk bagi rancangan ini ialah 1,800 orang. Semua peneroka telah pun menjelaskan Bayaran Kembali dan menerima surat hakmilik. Penyediaan hakmilik adalah seperti ditunjukkan dalam jadual 3.2 seperti berikut.

Jadual 3.2

Menunjukkan Bayaran Kembali dan Terima Hakmilik Pekebun Kecil


Peringkat	Selesai Bayaran Kembali (BK)	Terima Hakmilik	Tarikh Terima
I	100	100	7.7.77
II	108	108	23.5.78
III	172	172	12.4.82
Jumlah	380	380	-

Sumber: FELDA Pembangunan Tanah Negeri Melaka. 1995. hlm. 129.

Jadual 3.2 menunjukkan bayaran kembali dan terima hakmilik pekebun kecil antara tahun 1977 hingga 1982. Pada peringkat I, sebanyak 100 peneroka telah selesai membuat bayaran kembali. Pada peringkat II dan III pula memperlihatkan seramai 108 dan 172 peneroka telah menerima hakmilik tanah. Ini menjadikan jumlah kesemuanya adalah seramai 380 peneroka.

FELDA Machap dan FELDA Menggong adalah dua kawasan Tanah Perancangan yang disatukan pentadbirannya. Rancangan ini terletak dalam Daerah Alor Gajah iaitu

lebih kurang 25 kilometer ke bandaraya Melaka. Kedua-dua kawasan ini terletak dalam kawasan Parlimen Selandar dan Dewan Undangan Negeri Alor Gajah. Kedua-dua rancangan ini mula dimajukan dalam sekitar tahun 1958/1959. Seluas 19.00 hektar tanah telah dimajukan sebagai kawasan perkampungan Machap dan 13.00 hektar sebagai perkampungan Menggong. Luas kawasan tanaman Machap ialah 320.55 hektar dan Menggong pula bermula dengan keluasan 234.22 hektar meningkatkan kepada 306.96 hektar apabila diberi tanah pinggir sebagai tambahan pada tahun 1986/1987.



Peta 3.2. Peta Daerah Alor Gajah. Sumber: Pejabat Tanah Daerah Alor Gajah

Seramai 126 keluarga peneroka ditempatkan di FELDA Machap pada bulan Ogos 1960 dan 97 keluarga di FELDA Menggong pada tahun 1958. Sebanyak 99% daripadanya adalah berasal dari negeri ini. Di FELDA Machap, terdapat seramai 50 peneroka berketurunan Cina dan 47 berketurunan Melayu. Manakala di FELDA Menggong pula

kesemua peneroka adalah berketurunan Melayu. Pada keseluruhannya, bilangan penduduk di rancangan ini ialah 897 orang.¹⁰⁶

Kedua-dua FELDA ini bermula dengan tanaman getah. Kemudiannya beralih kepada kepada mengutamakan tanaman kelapa sawit pada peringkat kedua FELDA Machap yang dilaksanakan pada tahun 1985/1986 seperti diperlihatkan dalam jadual 3.3.

Jadual 3.3

Menunjukkan Tanaman Asal dan Tanam Semula di FELDA Machap pada tahun 1958/1959-1985/1986 di kawasan peringkat pertama.

Peringkat	Tanaman Asal			Tanam Semula		
	Tahun Pembangunan	Jenis Tanaman	Luas (Hektar)	Program	Jenis Tanaman	Luas (Hektar)
I	1958/1959	Getah	285.82			
		Sawit	34.73			
II				1985/1986	Getah	42.03
					Sawit	243.79
Jumlah			320.55			320.55 (285.82 pokok kelapa sawit baru dan 34.73 pokok kelapa sawit lama)

Sumber: FELDA: Pembangunan Tanah Negeri Melaka. 1995. hlm. 139

Jadual 3.3 menunjukkan tanaman asal dan tanam semula di FELDA Machap pada tahun 1958/1959 hingga 1985/1986 di kawasan peringkat I. Jenis tanaman yang

¹⁰⁶*Felda Pembangunan Tanah Negeri Melaka. 1995. hlm. 139.*

dusahakan adalah getah dan kelapa sawit yang masing-masing mempunyai keluasan sebanyak 285.82 hektar dan 34.73 hektar. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kawasan yang ditanam semula adalah sebanyak 320.55 hektar.

FELDA Menggong juga melaksanakan peralihan tanaman keutamaan dari getah kepada kelapa sawit. Tanaman getah menjadi keutamaan pada peringkat pertama dan kedua yang berlangsung antara 1958 hingga 1959 kepada tanaman kelapa sawit melalui pelaksanaan peringkat ketiga pada tahun 1985 hingga 1987 seperti diperlihatkan dalam jadual 3.4 berikut.

Jadual 3.4

Menunjukkan Tanaman Asal dan Tanam Semula di FELDA Menggong pada tahun 1958/1959 dan 1986/1987.

Peringkat	Tanaman Asal			Tanam Semula		
	Tahun Pembangunan	Jenis Tanaman	Luas (Hektar)	Program	Jenis Tanaman	Luas (Hektar)
I	1958/1959	Getah	114.02	1985/1986		
II	1958/1959	Getah	120.20	1985/1986		
III	1985/1986				Getah	41.10
					Sawit	72.92
	1986/1987				Getah	29.10
					Sawit	91.10
	1987/1988				Sawit (di kawasan tambahan)	72.74
	Jumlah		234.22			306.96

Sumber: FELDA Pembangunan Tanah Negeri Melaka. 1995. hlm. 139



Jadual 3.4 menunjukkan tanaman asal dan tanam semula di FELDA Menggong pada tahun 1958/1959 dan 1986/1987. Pada peringkat I, keluasan tanaman asal getah adalah sebanyak 114.02. Keluasan tanah ini meningkat pada peringkat II menjadi 120.20 hektar. Peringkat III menunjukkan tanaman asal telah ditukar kepada tanam semula getah dan sawit. Jumlah keseluruhan tanam semula bagi kedua-dua tanaman tersebut adalah 306.96 hektar.

Pendapatan bulanan peneroka di FELDA Machap bagi tahun 1993 dan 1994 menunjukkan peralihan jenis tanaman daripada getah kepada sawit yang dimulakan pada 1985 memberi hasil yang baik. Purata pendapatan bersih bagi tanaman sawit juga meningkat iaitu RM483.00 pada tahun 1993 menjadi RM698.00 pada tahun selepasnya.



Manakala purata pendapatan bersih peneroka dari hasil getah yang masih dikekalkan di rancangan itu, walaupun peratusan peningkatannya sangat baik, iaitu RM150.00 pada tahun 1993 kepada RM465.00 pada tahun 1994 tetapi pulangnya masih rendah dibandingkan dengan pendapatan dari kelapa sawit.



Jadual 3.5

Menunjukkan Purata Pendapatan Bulanan Peneroka di FELDA Menggong Bagi Tahun 1993 dan 1994.

Peringkat	Purata Pendapatan (RM)				
	1993			1994	
	Jenis Tanaman	Kasar	Bersih	Kasar	Bersih
I	Getah	262	198	520	459
	Sawit	804	570	1,081	814
II	Getah	241	179	508	443
	Sawit	720	486	887	627

Sumber: FELDA Pembangunan Tanah Negeri Melaka. 1995. hlm. 140.

Jadual 3.5 menunjukkan purata pendapatan bulanan peneroka di FELDA Menggong bagi tahun 1993 dan 1994. Daripada jadual ini, didapati purata pendapatan bersih peneroka semakin meningkat dari tahun sebelumnya iaitu RM198.00 pada tahun 1993 kepada RM459.00 pada tahun 1994 bagi tanaman getah dan sawit pula RM570.00 kepada RM814.00 bagi peringkat pertama. Namun begitu pada peringkat kedua pula, Purata pendapatan bersih bagi tanaman getah dan sawit menurun sedikit jika dibandingkan dengan peringkat pertama bagi tahun 1994 iaitu masing-masing RM443.00 dan RM627.00. Ini memperlihatkan pengurangan sebanyak RM16.00 bagi getah dan RM187.00 bagi sawit. Hal ini kerana pada peringkat kedua, tidak banyak tanaman semula dijalankan di FELDA tersebut pada tahun 1980an.

Sejak tahun 1958 hingga 1994, tanah rancangan ini dilengkapi dengan pelbagai kemudahan asas termasuklah satu setengah kilometer jalan perkampungan yang berturap



sepenuhnya di FELDA Machap dan hampir dua kilometer dengan jalan perkampungan yang berturap seratus peratus di FELDA Menggong.¹⁰⁷ Bagi projek ekonomi tambahan pula seramai enam orang peneroka terlibat dengan aktiviti ternakan dan tiga orang dalam perniagaan di Machap. Manakala di Menggong pula terdapat sebanyak sebelas penternak dan lima orang peniaga.¹⁰⁸ Pencapaian yang membanggakan bagi FELDA Menggong ialah seorang peneroka dari FELDA tersebut telah menjadi Ketua Menteri Melaka yang pertama iaitu Yang Berhormat Hj. Abdul Talib bin Karim.

Secara umumnya dari pembangunan fizikal menunjukkan FELDA telah memainkan peranan yang penting dalam pembangunan tanah untuk membolehkan kegiatan pertanian terutamanya getah dapat dijalankan sekaligus menjadi sumber pendapatan utama bagi penduduk dalam rancangan FELDA selaras dengan lima teras FELDA iaitu:



1. Komuniti FELDA menjadi komuniti contoh luar bandar
2. Warga peneroka menjadi golongan berpendapatan tinggi
3. FELDA menjadi pelaku global
4. Membangunkan potensi generasi baru
5. Memperkukuh budaya FELDA sebagai institusi¹⁰⁹

Berlandaskan lima teras tersebut, FELDA cuba untuk membangunkan masyarakat peneroka dalam setiap rancangan masing-masing. Namun begitu, setiap perancangan yang

¹⁰⁷ *Felda Pembangunan Tanah Negeri Melaka*. 1995. hlm. 140.

¹⁰⁸ *Ibid.*

¹⁰⁹ *Ibid*



dibuat bergantung kepada kesesuaian tanah dan keupayaan serta kesungguhan komuniti dalam FELDA. Justeru, setiap pencapaian dan perkembangan setiap FELDA adalah berbeza antara satu sama lain. Namun begitu, lima teras ini tetap menjadi pegangan untuk merealisasikan matlamat utama FELDA. Terdapat lima rancangan FELDA dalam Negeri Melaka. Jadual di bawah menunjukkan FELDA yang terdapat dalam Melaka.

Jadual: 3.6

Penempatan Peneroka FELDA-FELDA Di Melaka

Bil	Rancangan	Melayu	Cina	India	Jumlah Peneroka	Jumlah Isi Rumah
1	Kemendore	236	144	0	380	1992
2	Hutan Percha	213	66	6	285	1065
3	Macap	70	50	0	120	480
4	Menggong	97	0	0	97	388
5	Bukit Senggeh	399	36	13	488	2240
JUMLAH		1015	296	19	1330	6165

Sumber: Maklumat Asas Rancangan FELDA Hutan Percha

Jadual 3.6 menunjukkan jumlah keseluruhan penempatan peneroka di Melaka. Daripada jadual ini, didapati jumlah peneroka bagi kelima-lima FELDA tersebut ialah 1330 orang dengan jumlah isi rumah seramai 6165 orang. Peneroka kaum Melayu mencatatkan jumlah yang tertinggi iaitu 1015 orang atau 76.3% dan diikuti kaum Cina sebanyak 22.2% dan kaum India sebanyak 1.42%. Kaum Melayu mewakili peratusan yang tertinggi kerana kebanyakan orang Melayu masih lagi tinggal di kawasan luar bandar dan

rata-ratanya hidup miskin jika dibandingkan kaum lain. Justeru, pembukaan tanah dan penempatan oleh FELDA ini sekaligus dapat membantu meningkatkan semula taraf hidup kaum Melayu yang tertinggal dalam arus perkembangan ekonomi kesan daripada penjajahan kuasa-kuasa Barat dahulu. FELDA Bukit Senggeh mewakili peratusan yang tertinggi iaitu 36.7% dengan jumlah peneroka seramai 488 orang. Manakala peratusan peneroka yang paling sedikit ialah FELDA Menggong iaitu 7.3% sahaja. Jumlah peneroka dalam setiap rancangan berbeza-beza kerana ia bergantung kepada keluasan kawasan yang dibuka dan kesesuaian tanah untuk dijadikan petempatan dan pertanian. Berikut adalah keluasan tanah yang dibuka untuk tujuan tanaman.

Jadual: 3.7

Keluasan berdasarkan Jenis Tanaman FELDA Di Melaka

Bil	Rancangan	Tahun Dimajukan	Tanaman (Hektar) Sawit	Tanaman (Hektar) Getah	Jumlah (Hektar)
1	Kemendore	1958	811	459	1270
2	Menggong	1958	167	70	237
3	Hutan Percha	1960	-	930	930
4	Macap	1960	247	42	289
5	Bukit Senggeh	1972	1526	319	1845
	JUMLAH		2497	1913	4410

Sumber: Maklumat Asas Rancangan FELDA Hutan Percha

Jadual 3.7 menunjukkan jumlah keseluruhan kawasan yang dibuka oleh FELDA di Melaka untuk penanaman adalah seluas 4410 hektar dengan tanaman Kelapa Sawit mewakili 56.6% dan getah sebanyak 43.4%. Dari kesemua FELDA di Melaka FELDA Bukit Senggeh mempunyai keluasan yang paling banyak iaitu 41.8%. Hal ini kerana FELDA ini dimajukan semasa pelaksanaan DEB yang bermatlamatkan serampang dua



mata iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat khususnya di kalangan kaum Melayu.

Jadual 3.7 juga menunjukkan FELDA Hutan Percha tidak menjalankan kegiatan penanaman Kelapa Sawit kerana keadaan tanahnya yang tidak sesuai untuk penanaman tanaman tersebut kerana penanaman kelapa sawit memerlukan tanah yang lembab sedangkan keadaan tanah di FELDA Hutan Percha lebih sesuai dengan tanaman getah. Kekalnya FELDA Hutan Percha dengan tanaman getah memberikannya beberapa kelebihan dan juga kekurangan sendiri. Justeru, pasti lebih banyak strategi yang perlu dibuat dan cabaran yang dihadapi oleh pihak pengurusan FELDA dalam usaha meningkatkan lagi sosioekonomi peneroka.



Kesimpulannya, peranan FELDA di Melaka telah banyak membawa perubahan yang besar sehingga menarik minat masyarakat tempatan untuk tinggal dalam penempatan FELDA. Pertambahan penduduk telah menjadikan penempatan FELDA semakin berkembang dan pelbagai kemudahan serta infratrusktur telah diwujudkan untuk membolehkan penduduk FELDA menikmati kemudahan seperti masyarakat yang lain.



3.3 RISDA

RISDA adalah sebuah badan berkanun kerajaan yang ditubuhkan di bawah Akta 85 iaitu Akta Pihak Berkuasa Pekebun Kecil Perusahaan Getah pada tahun 1972. Penubuhannya berkuatkuasa mulai 1 Januari 1973. Dengan kuasa yang diberikan di bawah Akta 85 ini, RISDA telah mengambil alih tugas dan fungsi yang dahulunya dilaksanakan oleh Lembaga Perusahaan Getah (Tanam Semula) dan Unit Khidmat Nasihat Pekebun Kecil Institut Penyelidikan Getah Malaysia. Antara ahli-ahlinya terdiri daripada Ketua Pengarah RISDA, Wakil Kementerian Kewangan, Wakil Kementerian Pertanian, Wakil Kementerian Perusahaan Utama, Wakil Kementerian Tanah dan Kemajuan Wilayah, Pengerusi Pihak Berkuasa dan sebagainya. Misi RISDA adalah membentuk masyarakat pekebun kecil yang progresif dan sejahtera. Pekebun Kecil dapat didefinisikan sebagai golongan yang memiliki tanah untuk tanaman getah kurang daripada 40.4686 hektar ataupun bersamaan dengan 100 ekar.¹¹⁰

Jadual 3.8

Bilangan Pekebun Kecil dan Keluasan Tanah Mengikut Daerah di Melaka pada tahun 1987

Daerah	Bilangan Pekebun Kecil (Orang)	Luas (Hektar)
Alor Gajah	13,212	25,699
Jasin	8,051	18,165
Melaka Tengah	3,966	8,843
JUMLAH	25,229	52,707

Sumber: Laporan Tahunan RISDA Negeri Melaka. 1990. hlm. 30.

¹¹⁰Laporan Tahunan 1990 Risda Negeri Melaka, hlm. 1



Berdasarkan jadual 3.8, bilangan pekebun kecil yang terdapat di Melaka pada tahun 1987 ialah seramai 25, 229 orang dengan penggunaan tanah seluas 52,707 hektar. Daripada jumlah tersebut, seramai 13,212 pekebun kecil tinggal di Daerah Alor Gajah. Manakala jumlah pekebun kecil Daerah Jasin adalah seramai 8,051 orang. Bagi Daerah Melaka Tengah pula terdapat seramai 3,966 orang.

Daripada jumlah tersebut, 62.34% adalah terdiri daripada pekebun kecil kaum Melayu iaitu sebanyak 15,726 orang yang meliputi keluasan tanah 20,785 hektar. Kaum Cina dan India pula masing-masing 36.25% dan 1.41% iaitu 9,147 orang dan 356 orang. Pada tahun ini juga, sebanyak 3,500 pusat perkembangan pekebun kecil telah ditubuhkan bagi membantu pekebun-pekebun kecil dari segi bantuan kewangan dan pengetahuan serta peralatan.

Pentadbiran RISDA Negeri Melaka terbahagi kepada sebuah Pejabat RISDA Negeri dan tiga buah Pejabat RISDA Daerah sebagai pusat tanggungjawab. Di samping itu, terdapat empat buah pejabat cawangan di peringkat daerah. Semua pekebun kecil yang memerlukan perkhidmatan mengurus terus dengan Pejabat RISDA Daerah berkenaan. Pejabat RISDA Negeri bertindak sebagai penyelaras dalam konteks RISDA sendiri dan pentadbiran negeri bagi memastikan semua projek yang dirancang dapat dilaksanakan dengan berkesan. RISDA memainkan peranan penting dalam pembangunan dan kemajuan pekebun kecil bagi perusahaan getah di Malaysia amnya dan di Melaka. Pekebun kecil



dapat didefinisikan sebagai golongan yang memiliki tanah untuk tanaman getah kurang daripada 40.4686 hektar ataupun bersamaan dengan 100 ekar.¹¹¹

Antara peranan yang dimainkan oleh pihak RISDA adalah projek penanaman semula selaras dengan misinya iaitu melaksanakan program penanaman semula dan aktiviti yang berkaitan secara cekap dan berkesan dengan tujuan menyumbang ke arah pengwujudan masyarakat pekebun kecil yang sejahtera. Projek penanaman semula adalah satu proses menanam semula semua pokok getah yang sudah tua dengan benih yang bermutu tinggi. Jenis tanaman adalah bersesuaian dengan jenis tanah supaya hasil pengeluaran yang paling maksimum dapat diperolehi. Pekebun kecil yang memiliki tanah kebun getah tua yang tidak ekonomik lagi layak untuk memohon untuk menyertai aktiviti ini. Aktiviti ini biasanya dilaksanakan secara individu dan berkelompok. Bagi tanam semula secara individu, pekebun kecil perlu membuat permohonan kepada RISDA dan mengusahakan kebun mereka secara bersendirian. Tanam semula berkelompok pula dilaksanakan melalui tiga cara iaitu Tanam Semula Berkelompok (TSB), Tanam Semula Serentak (TSS) dan Mini Estet (M.E).¹¹²

TSB telah diperkenalkan sejak tahun 1974. Kebun yang berhampiran dengan keluasan sekurang-kurangnya tujuh hektar telah dibangunkan secara berkelompok dengan diuruskan oleh satu jawatankuasa dan RISDA sebagai penasihat. Segala bantuan disalurkan kepada pengerusi TSB yang telah diberi kuasa oleh pekebun-pekebun kecil

¹¹¹ *Laporan Tahunan 1990 Risda Negeri Melaka*, hlm. 5

¹¹² *Laporan Tahunan 1990 Risda Negeri Melaka*, hlm. 7

yang terlibat bagi memudahkan pembangunan projek tersebut dijalankan. TSS pula merupakan penanaman semula bagi kebun-kebun yang berselerak dijalankan secara serentak oleh sekurang-kurangnya tujuh orang pekebun kecil dengan keluasan tidak kurang daripada tujuh hektar. Selain itu, satu pendekatan untuk membangunkan tanah pekebun kecil yang bermasalah seperti masalah kedudukan tanah jauh di kawasan pedalaman, kekurangan modal, kekurangan tenaga buruh mahir, pemilik tanah yang tinggal berjauhan dengan tanah-tanah mereka, tanah kosong, premium tanah tidak dijelaskan dan sebagainya juga telah diperkenalkan sekitar tahun 1979.¹¹³

Bagi menjamin penanaman semula ini berkesan, pekebun kecil dibekalkan dengan teknologi baru yang terhasil melalui penyelidikan. Antara teknologi tersebut termasuklah penggunaan benih tanaman lanjutan, penanaman kacang penutup bumi, penggunaan baja, kawalan rumpai, penyakit dan haiwan perosak, kaedah menoreh, kaedah mengutip hasil, kaedah menggunakan penggalah hasil dan cara memproses serta mengawit. Bagi meningkatkan lagi pendapatan pekebun kecil, mereka digalakkan untuk menjalankan aktiviti sampingan sama ada dalam kawasan kebun ataupun luar kawasan kebun. Aktiviti yang dimaksudkan ini ialah Program Seperdu (Sistem Perkebunan Sepadu). Program Seperdu adalah aktiviti menanam tanaman kontan, ternakan, kultuair, apikultur dan industri kecil. Bagi menyokong pembangunan pekebun kecil, pembinaan prasana juga telah dibuat seperti penubuhan pusat memproses getah berkelompok, pembinaan rumah

¹¹³ *Laporan Tahunan 1990 Risda Negeri Melaka*, hlm. 7

asap, dewan, stor, gudang, kilang getah, jalan pertanian, jambatan, parit, pembentong dan sebagainya. Seperdu telah diperkenalkan pada tahun 1985.¹¹⁴

RISDA juga melaksanakan program pemulihan Tanam Semula yang dimulakan pada tahun 1979. Pekebun kecil yang menghadapi masalah banjir, ribut, kebakaran, serangan binatang liar, penyakit dan sebagainya layak untuk mendapat bantuan pemulihan tanam semula. Selain itu, bantuan tanah kosong juga turut diberikan kepada pekebun kecil dengan tujuan untuk membantu golongan pekebun kecil yang mempunyai tanah kosong atau terbiar dalam zon tanaman getah ataupun tanah tersepit dalam kawasan pembangunan berkumpulan RISDA seperti projek TSB, TSS dan ME serta tidak layak menerima bantuan tanam semula atau baru mengikut syarat sedia ada tetapi berupaya membangunkan tanah mereka menjadi produktif dan menyumbangkan kepada peningkatan pendapatan keluarga mereka. Pekebun kecil yang mempunyai hak milik tanah keseluruhan tidak lebih 2.83 hektar (7 ekar) layak memohon untuk bantuan tanah kosong. Kadar bantuan tanah kosong ditetapkan sebanyak \$1,500.00 bagi satu ekar atau \$3,706.58 sehektar.¹¹⁵

Selain itu, RISDA juga berperanan dalam pembangunan ekonomi untuk pekebun kecil perusahaan getah seperti menyediakan aktiviti sokongan. Antaranya termasuklah menyediakan khidmat pengembangan atau pemindahan teknologi, membekalkan benih dan input pertanian, meningkatkan mutu pengeluaran getah melalui pemprosesan yang baik, membangunkan kemudahan asas dan melaksanakan Seperdu.¹¹⁶

¹¹⁴ *Laporan Tahunan 1990 Risda Negeri Melaka*, hlm. 10

¹¹⁵ *Laporan Tahunan 1990 Risda Negeri Melaka*, hlm. 17

¹¹⁶ *Ibid*

RISDA turut menyediakan aktiviti sokongan dari segi pembangunan sosial dan penubuhan pelbagai institusi seperti Pusat Pembangunan Pekebun Kecil (PPPK), Pemaju Masyarakat Pekebun Kecil (PMPK), Perkumpulan Wanita Pekebun Kecil (PWPK), Koperasi dan penubuhan Kampung Tersusun. PWPK diperkenalkan atas kesedaran bahawa pekebun kecil kaum wanita memainkan peranan penting dalam pembangunan keluarga amnya dan masyarakat pekebun kecil khususnya. Melalui program ini, mereka akan dibimbing untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang menjimatkan perbelanjaan rumahtangga mereka disamping memberi galakan untuk menjalankan perusahaan seperti memproses makanan, jahitan dan kraftangan bagi menambahkan hasil pendapatan keluarga. Koperasi Pekebun Kecil pula bertujuan untuk menggalakkan pekebun kecil yang menjadi ahli koperasi untuk menyimpan modal bagi tujuan pelaburan dalam pelbagai projek. Terdapat juga pelbagai skim-skim yang diperkenalkan oleh RISDA. Antaranya ialah Skim Penggalak Tanam Semula (SEPENTAS), Skim Jaminan Pendapatan (SJP) dan Skim Pampasan Kemalangan Pekebun Kecil (SPKPK).

RISDA juga bekerjasama dengan agensi lain yang bertanggungjawab dalam penyelidikan, pengembangan, pinjaman pertanian, pemprosesan dan pemasaran getah bagi mempercepatkan proses permodenan sektor pekebun kecil. Sebagai contoh, RISDA telah menubuhkan Pusat Memproses Getah Berkelompok (PMGB) dan Pusat Memproses Berpukal (PMB). PMGB diwujudkan bagi membolehkan pekebun kecil memproses getah bermutu tinggi. Bagi tujuan tersebut, Pihak RISDA telah menyediakan bantuan infrastruktur seperti bangunan, peralatan dan mesin mengeping getah serta stor untuk

menyimpan sama ada alat memproses getah ataupun getah keping yang telah siap diproses sebelum dijual. PMGB diuruskan oleh sebuah jawatankuasa yang terdiri daripada pekebun kecil. RISDA pula menjadi penasihat kepada jawatankuasa tersebut. PMB pula berkonsepkan “mudah ubah” iaitu digunakan untuk menghasilkan getah keping secara pukal. Pekebun kecil hanya perlu menghantar getah mereka ke pusat ini untuk diproses oleh para pekerja mahir. Kaedah ini akan membolehkan mutu getah yang tinggi dan seragam dihasilkan.¹¹⁷ Secara keseluruhannya, RISDA Negeri Melaka memainkan peranan yang penting dan utama dalam pembangunan golongan pekebun kecil dalam tiga daerah di Melaka.

RISDA negeri Melaka juga berperanan untuk membekalkan subsidi input pertanian. Bagi tempoh 1986 hingga 1990 sebanyak \$3,717,384.03 telah dibelanjakan bagi membekalkan input pertanian seperti baja, kimia rumpai, penggalak susu, kontan dan kacang penutup bumi. Pemberian subsidi ini telah memberikan hasil yang lebih baik kepada hasil pertanian yang diperolehi oleh pekebun kecil.

Pada tahun 1986, sebanyak \$40,800 telah diperuntukan untuk membekalkan subsidi kontan tetapi sebanyak \$90,636.55 telah dibelanjakan untuk tujuan tersebut di atas tanah seluas 299.81 hektar yang melibatkan seramai 200 orang peserta. Pada tahun 1987 pula, sebanyak \$44,000 telah diperuntukan tetapi jumlah perbelanjaan masih melebihi jumlah peruntukan tersebut iaitu sebanyak \$69,384.00 kerana jumlah peserta yang ramai dan keluasan hektar tanah yang bertambah menjadi 335.48. Pada tahun 1988 dan 1989,

¹¹⁷ *Laporan Tahunan 1990 Risda Negeri Melaka*, hlm. 30

jumlah perbelanjaan masing-masing ialah \$47,808.68 dan \$87,252.80 yang melibatkan bilangan peserta seramai 58 orang dan 284 orang di atas tanah seluas 97.85 hektar dan 224.56 hektar. Akhir tahun pelaksanaan RML, didapati jumlah perbelanjaan meningkat menjadi \$114,523.00 yang melibatkan 278 orang peserta dan seluas 267.05 hektar tanah. Secara keseluruhannya, sebanyak \$334,925 peruntukan telah diberikan untuk subsidi kontan tetapi jumlah perbelanjaan pula melebihi 22.29% dengan jumlah keseluruhan peserta seramai 1,111 orang dan seluas 1,224.75 hektar tanah.

RISDA negeri Melaka telah membina Pusat Memproses Getah (PMGB), Pusat Memproses Berpukal (PMB), stor dan dewan bagi membangunkan lagi pekebun kecil. Untuk tujuan tersebut, sebanyak \$626,578.75 telah dibelanjakan bagi pembinaan PMGB, PMB, stor dan dewan. Jumlah perbelanjaan ini dapat dilihat seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 3.9

Pusat Pembangunan Pekebun Kecil Di Bawah RML Pada Tahun 1986 Sehingga 1990

Tahun	Peruntukan (\$)	Perbelanjaan (\$)	PMGB	PMB	Stor	Dewan
1986	44,000	44,660.11	4	-	4	1
1987	64,000	63,998.00	18	2	-	-
1988	40,150	40,128.60	14	-	1	-
1989	112,000	111,998.14	37	-	7	7
1990	367,400	365,781.50	17	2	7	3
JUMLAH	627,550	626,566.35	90	4	19	11


Sumber: Laporan Tahunan RISDA Negeri Melaka. 1990. hlm. 42.

Berdasarkan jadual 3.9, didapati bahawa sebanyak 90 PMGB telah dibangunkan sepanjang pelaksanaan RML. Manakala PMB pula sebanyak 4 buah dan stor pula sebanyak

19 buah. Sebanyak 11 buah dewan telah dibina oleh RISDA. Jumlah perbelanjaan pula adalah sebanyak \$626,566.35 atau bersamaan dengan 99.84%.

RISDA negeri Melaka juga bertanggungjawab untuk menyediakan program latihan bagi pekebun kecil. Program – program ini termasuklah ceramah, tunjuk ajar, mesyuarat, lawatan, pertandingan, kebun contoh dan kursus. Carta di bawah menunjukkan perbelanjaan mengikut tahun bagi program tersebut.

Carta : Program Latihan Pekebun Kecil Di Bawah RML (1986-1990)



Carta 3.1. Program Latihan Pekebun Kecil Di Bawah RML (1986-1990). Sumber: Laporan Tahunan RISDA Negeri Melaka. 1990. hlm. 44

Berdasarkan carta 3.1, didapati bahawa sebanyak 542 latihan telah dilaksanakan pada tahun 1986 tetapi berkurang menjadi 505 program sahaja pada tahun 1987. Namun begitu, pada tahun 1988, program yang telah dilaksanakan meningkat kepada 865 dan terus meningkat pada tahun selepasnya iaitu 1340. Pada tahun 1990, jumlah aktiviti yang telah

dilaksanakan ialah 1314. Dari segi perbelanjaan pula, didapati bahawa sebanyak \$662,096 telah dibelanjakan untuk melaksanakan pelbagai aktiviti yang telah dirancang.

Pada tahun 1986, sebanyak \$58,000.00 telah diperuntukan untuk melaksanakan program tetapi jumlah yang dibelanjakan ialah \$80,915.00. Hal ini kerana program yang dibuat adalah banyak dan melibatkan kos yang tinggi. Justeru, pada tahun berikutnya, sejumlah \$68,000.00 telah diperuntukan dan jumlah perbelanjaan hanya \$63,472.00 sahaja. Sehingga tahun 1990, sebanyak \$182.39 telah diperuntukan dan jumlah perbelanjaan pula \$176.505. Secara keseluruhannya, pelbagai program telah dapat dilaksanakan dengan jayanya kerana adanya peruntukan yang mencukupi bagi melaksanakan aktiviti tersebut.

Selain daripada tanaman Rotan Manau, turut diusahakan adalah Projek Bebiri. Bagi mengurangkan kos kawalan rumpai di kebun, pekebun-pekebun kecil di Melaka telah mengusahakan projek bebiri secara berkelompok. Setakat tahun 1990, terdapat 9 buah projek dengan 1,696 ekor bebiri yang melibatkan 243 orang peserta. Sebanyak \$98,718.81 telah dibelanjakan bagi projek tersebut. Perbelanjaan ini ditampung daripada Tabung Pembangunan Sosial Ekonomi, Bank Pertanian dan pemberian bebiri di bawah sistem pawah oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan. Jadual di bawah menunjukkan projek ini mengikut daerah:-

Jadual 3.10

Menunjukkan Kedudukan Projek Bebiri Setakat Tahun 1990


Daerah	Bil. Projek	Perbelanjaan	Bil. Peserta	Bil. Bebiri
Melaka Tengah	3	\$23,406.94	70	649
Jasin	3	\$48,181.87	82	622
Alor Gajah	3	\$27,130.00	91	425
JUMLAH	9	\$98,718.81	243	1,696

Sumber: Laporan Tahunan RISDA Negeri Melaka. 1990. hlm. 55.

Berdasarkan jadual 3.10, perbelanjaan yang terbanyak ialah di daerah Jasin iaitu \$48,181.87 dengan melibatkan 82 orang peserta dan 622 ekor bebiri. Kemudian diikuti dengan daerah Alor Gajah iaitu sebanyak \$27,130.00 dan daerah Melaka Tengah iaitu \$23,406.94.

RISDA turut memainkan peranan menubuhkan PWPK. Melalui PWPK ini, keluarga pekebun kecil dapat menjalankan aktiviti – aktiviti ekonomi dalam atau luar ladang, pendidikan dan pembelajaran. Pencapaian Perkumpulan Wanita Pekebun Kecil (PWPK) setakat tahun 1990 pula dapat dilihat seperti dalam carta 3.2:

Carta : Perkumpulan Wanita Pekebun Kecil Setakat Tahun 1990



Carta 3.2. Perkumpulan Wanita Pekebun Kecil Setakat Tahun 1990. Sumber: Laporan Tahunan RISDA Negeri Melaka. 1990. hlm. 56.

Carta 3.2 menunjukkan Perkumpulan Wanita Pekebun Kecil (PWP) setakat tahun 1990 bagi daerah Melaka Tengah, Jasin dan Alor Gajah. Jumlah keseluruhan ahli PWP adalah seramai 51 orang.

Selain daripada PWP, RISDA juga bertanggungjawab menubuhkan dan mengurus Koperasi Pekebun Kecil (KOPKENEM). KOPKENEM telah ditubuhkan pada 30 Jun 1980. Keahlian Koperasi meningkat dari setahun ke setahun. Peningkatan keahlian sungguh ketara bagi tempoh tahun 1986 hingga 1990. Setakat tahun 1990, terdapat 6,124 orang ahli. Peningkatan saham ahli dalam koperasi turut mengimbangi peningkatan ahli. Bagi tempoh tahun 1986 hingga tahun 1990, saham ahli meningkat dengan pesatnya. Setakat tahun 1990, sebanyak \$412,737.40 saham telah terkumpul. Sejak KOPKENEM

ditubuhkan hingga tahun 1990, bayaran dividen telah dikeluarkan sebanyak 7 kali kepada ahli-ahli koperasi yang berjumlah \$136,590.04.

3.4 FELCRA

FELCRA ditubuhkan sebagai badan berkanun menerusi Akta Parlimen Bilangan 22, tahun 1966. Secara dasarnya, penubuhan FELCRA ini telah dibuat sebelum perwartaan Akta berkenaan apabila Tun Abdul Razak, timbalan Perdana Menteri ketika itu telah mengumumkannya pada 20 September 1964 yang diterbitkan oleh akhbar Berita Harian pada 21 September 1964. FELCRA terletak di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan

Kemajuan Wilayah. Matlamat FELCRA adalah untuk mendorong dan membantu rakyat desa dalam aktiviti ekonomi agar taraf hidup mereka dapat ditingkatkan.¹¹⁸ Masyarakat

desa yang terdiri ramai dari orang Melayu dan bumiputera kebanyakannya hidup dalam kemiskinan kerana aktiviti ekonomi mereka dikekang oleh pelbagai masalah yang berkaitan dengan tanah. Sebahagian daripada mereka tidak memiliki tanah dan bagi mereka yang memiliki tanah pula, saiz yang dimiliki adalah kecil sehingga dapat menghasilkan keluaran yang mencukupi bagi menampung kehidupan keluarga mereka. Selain dari itu ada pula tanah yang diusahakan tidak subur atau ditinggalkan sehingga menjadi tanah terbiar. Situasi ini menjadikan pembangunan tanah merupakan satu kaedah atau pendekatan yang digunakan oleh kerajaan di dalam menjana kemajuan pendapatan masyarakat desa. DEB

¹¹⁸ Majalah FELCRA: *The Land Consolidation and Rehabilitation*, Ibu Pejabat FELCRA, Kuala Lumpur, hlm. 2.



yang dibentuk pada tahun 1970 juga telah diserapkan perkara yang sama iaitu memperbaiki taraf hidup penduduk luar bandar dan mengurangkan perbezaan pendapatan di kalangan rakyat melalui rancangan pemulihan dan penyatuan tanah.

Seawal tahun 1960, kerajaan telah meminda Akta Tanah iaitu Akta Penempatan Beramai-ramai supaya kerajaan negeri berkuasa memberi tanah kepada warganegara yang dipilih. Menjelang pertengahan tahun 1960an didapati sebahagian besar daripada penduduk tempatan memerlukan bantuan agar tanah mereka dapat dimanfaatkan dengan cara yang menguntungkan. Pengurusan, bantuan teknikal dan kebolehan mentadbir bagi mengeluarkan hasil dan keuntungan yang lumayan amat diperlukan. Sehubungan dengan matlamat itu, kerajaan telah memastikan kesemua perkara tersebut diwujudkan dan memberi manfaat kepada sektor luar bandar agar rakyat dapat meningkatkan pendapatan dan kemudahan yang baik. Keputusan ini juga dibuat supaya pembangunan antara kawasan desa dengan kawasan bandar lebih seimbang.

Objektif utama penubuhan FELCRA adalah bertujuan untuk mengurangkan masalah kemiskinan serta jurang pendapatan antara masyarakat desa dan bandar. Dalam konteks ini, FELCRA berperanan untuk mewujudkan skim pembangunan tanah pertanian di kawasan luar bandar, memberi latihan dan kemahiran kepada masyarakat desa di dalam memajukan tanah pertanian serta memperkenalkan sistem pemberian saham kepada golongan ini yang mana kadarnya adalah bergantung kepada keluasan tanah yang dimiliki oleh peserta.





Bagi mencapai hasrat itu maka FELCRA sebagai sebuah badan berkanun Persekutuan, bertugas sebagai katalis atau jambatan atau orang tengah yang akan memberi khidmat nasihat kepada pihak Kerajaan Negeri iaitu pihak berkuasa didalam pentadbiran tanah di dalam sesebuah negeri, dan kepada golongan peneroka atau peserta yang dipilih bagi membangun tanah dengan dibantu oleh pihak FELCRA. Empat jenis program perancangan FELCRA dilaksanakan iaitu :-

- i. Rancangan Pemulihan Tanah,
- ii. Rancangan Tanah Pinggir,
- iii. Rancangan Tanah Belia, dan
- iv. Rancangan Pembangunan *In-Situ* (IADP).



Projek Pemulihan Tanah Negara, merupakan salah satu projek yang dijalankan oleh kerajaan negeri atau agensi kerajaan pada mulanya, tetapi telah diambil alih oleh FELCRA apabila projek ini hampir gagal. Bagi seluruh Malaysia, sehingga awal 1980an, FELCRA telah memulihkan kawasan tanaman kelapa sawit, koko dan lada hitam yang semuanya seluas 59 110 hektar. Manakala seluas 138 700 hektar tanah terbiar telah dipulihkan kegunaannya.¹¹⁹ Program pemulihan yang dilaksanakan FELCRA adalah bagi meningkatkan daya pengeluaran melalui penggunaan teknik moden dan kemudahan infrastruktur yang baik. FELCRA bertindak mengawal dan menguruskan segala kerja-kerja pemulihan dari peringkat permulaan sehinggalah pasaran hasil dari kawasan tersebut.¹²⁰

¹¹⁹ *Malaysia*, 1986, hlm. 346.

¹²⁰ Laporan FELCRA Negeri Sembilan/Melaka, Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah, 1981, hlm 21.



Rancangan Tanah Pinggir adalah dijalankan di kawasan tanah baru yang terletak hampir dengan kampung-kampung atau kawasan kediaman. Pembukaan Rancangan Tanah Pinggir pada mulanya dikendalikan oleh kerajaan negeri, tetapi diserahkan kepada pengurusan FELCRA apabila Kerajaan Persekutuan menamatkan pemberian bantuan pinjaman kepada kerajaan negeri bagi program tersebut. Rancangan ini dikendalikan oleh FELCRA mulai tahun 1977 dan kaedah pelaksanaannya adalah tidak berubah dengan konsep pembukaan Rancangan Tanah Pinggir dibawah kelolaan Kerajaan Negeri. Tujuannya adalah untuk memberi peluang pekerjaan kepada masyarakat tempatan dan peluang memiliki tanah sendiri. Ia dilaksanakan menerusi sistem saham. Setiap peneroka diberikan syer supaya mereka boleh mendapatkan bahagian tertentu daripada keuntungan yang diperolehi daripada rancangan berkenaan.¹²¹ Pengurusan keseluruhan dijalankan oleh FELCRA dari awal hinggalah ke peringkat pemasaran hasil.

Rancangan Tanah Belia dijalankan di kawasan khas untuk golongan belia desa yang tidak mempunyai pekerjaan dan pendapatan serta belum berumahtangga, berumur 25 tahun ke bawah. Peserta yang memasuki rancangan ini hanya boleh berkahwin selepas tahun kelima apabila tanaman telah dimulakan¹²². Belia yang mengambil bahagian dalam rancangan ini akan ditempatkan di dalam kompleks belia secara beramai-ramai. Rumah peserta akan dibina kemudian setelah projek yang diusahakan berjaya. Tujuan rancangan

¹²¹ Mohd. Syukri Abdullah, *Strategik Pembangunan Desa: Semenanjung Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kula Lumpur, 1992, hlm 108.

¹²² Selepas berkahwin mereka akan dipindahkan dari berek ke unik rumah berasingan yang disediakan dalam rancangan tanah belia itu.



ini adalah untuk meluaskan peluang pekerjaan dalam lapangan pertanian kepada belia, mengurangkan pengaliran belia dari luar bandar ke bandar, memberi jaminan hidup kepada para belia dan untuk belia mencebur diri dalam bidang lain seperti ternakan, pertukangan, perusahaan-perusahaan dan lain-lain aktiviti sebagai persediaan mereka mentadbir apabila pentadbiran rancangan diserahkan kepada peserta menerusi sistem koperatif.¹² Setiap peserta bekerja secara kolektif dalam rancangan berkenaan. Sejak dari tahun 1972, sebanyak lapan buah negeri di Malaysia yang terlibat di dalam pelaksanaan program Rancangan Tanah Belia FELCRA iaitu di Johor, Selangor, Perak, Terengganu, Pahang dan Sabah.

Rancangan Pembangunan *In-Situ* dijalankan di kawasan kampung yang mundur dan tradisional supaya dapat dibangunkan menerusi pemodenan kegiatan ekonomi, pembekalan input pertanian serta perkhidmatan lain melalui pelaksanaan dari segi penempatan penduduk, penggunaan tanah, kegiatan penduduk, kemudahan asas dan juga pemulihan tanah. Kampung yang tidak produktif disusun semula dengan menempatkan penduduk di satu kawasan perkampungan yang lebih teratur.¹⁴

Umumnya kesemua empat kaedah pelaksanaan FELCRA adalah berkaitan dengan tanah bagi menerapkan pertanian moden yang produktif sehingga kemiskinan tanah dan pendapatan masyarakat desa dapat diatasi. Bagi mencapai objektifnya FELCRA digesa melakukan perancangan yang baik, penggunaan benih yang bermutu tinggi, melahirkan

¹² Mohd. Syukri Haji Abdullah. 1992. *Strategik Pembagunan Desa: Semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 104.

¹⁴ *Ibid.*, hlm 111.



kakitangan yang cekap, penyediaan perumahan yang teratur untuk peserta FELCRA dan para pegawainya serta meningkatkan kemudahan pengeluaran dan pemasaran¹²³.

Penubuhan FELCRA di negeri Melaka seperti juga penubuhan FELCRA di negeri lain di Malaysia. Di Melaka kesemua bentuk programnya dilaksanakan, iaitu Rancangan Pemulihan Tanah, Rancangan Tanah Pinggir, Rancangan Tanah Belia dan Rancangan Pembangunan *In-Situ* (Integrated Agricultural Development Project/IADP). Projek *In-Situ* dilaksanakan di Melaka bagi tempoh 1982-88 melibatkan kawasan seluas 93 150 hektar dengan sumber kewangan diperolehi dari Bank Dunia. Jenis pertanian yang terlibat ialah tanaman padi, getah dan juga tanaman kebun¹²⁴.

Rancangan Pemulihan Tanah Negara di Melaka wujud di sebuah kawasan sahaja iaitu di Bukit Katil, namun penglibatan FELCRA ke atas kawasan ini adalah secara tidak langsung kerana kebanyakan program dilaksanakan oleh pihak kerajaan negeri dan MARA. Manakala bagi Rancangan Tanah Pinggir, FELCRA terlibat di empat projek utama yang terletak di daerah Alor Gajah dan Jasin. Di daerah Jasin, projek yang dibentuk dikenali sebagai FELCRA Gugusan Sri Mendapat dan FELCRA Lembah Kesang. Manakala di Alor Gajah, FELCRA membentuk Rancangan Tanah Pinggir di FELCRA Bukit Sedanan dan di FELCRA Kampung Gunun.

¹²³ Laporan FELCRA Negeri Sembilan/Melaka. 1981. Kuala Lumpur: Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara, hlm 1.

¹²⁴ Maimunah Ismail dan Bahaman Abu Samah. 1992. Integrated Agricultural Development Project: The Malaysian Experience, dlm. Victor King dan Nazaruddin Mohd. Jali. *Issues in Rural Development in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 41.



FELCRA Lembah Kesang melibatkan 60 peserta dan FELCRA Bukit Sedanan disertai oleh 85 peserta. Kebanyakan peserta di kesemua FELCRA adalah orang Melayu Melaka yang mendiami kawasan berdekatan FELCRA mereka. Sebilangan kecil sahaja daripada peserta terdiri dari mereka yang datang dari luar daerah. Rancangan Tanah Belia di Melaka dilaksanakan di Ramuan China pada kawasan seluas 835 hektar yang dilancarkan pada tahun 1972. Bilangan peserta adalah 157 orang yang terdiri dari belia yang datang dari seluruh negeri Melaka dan 90 peratus terdiri daripada belia Melayu. Rancangan ini menjalankan tanaman getah.

Pejabat FELCRA juga merupakan bahagian yang mengawasi segala tindakan dan pelaksanaan yang dilakukan di peringkat pelaksana oleh JKPP. Segala perancangan yang dibuat dan dirancang di peringkat Pejabat FELCRA (pentadbiran) kemudiannya akan disalurkan ke peringkat pelaksanaan bagi menguruskan perjalanan pembangunan FELCRA kawasan.

Jawatankuasa Kemajuan Projek (JKKP) FELCRA merupakan sebuah badan perantaraan atau penghubung di antara peserta-peserta dengan Pejabat FELCRA (Pentadbiran) yang berfungsi sebagai pelaksana bagi rancangan-rancangan yang diprogramkan. Tujuan penubuhannya seperti berikut:

1. Merapatkan hubungan dan mewujudkan kesefahaman serta kerjasama di antara FELCRA dengan peserta dalam suasana harmoni dan semangat kekitaan.
2. Mewujudkan penglibatan aktif dikalangan peserta-peserta dalam kegiatan-kegiatan



rancangan.

3. Mencetus dan membangkitkan kesedaran, tanggungjawab dan rasa sayangkan rancangan “sense of belonging” di kalangan peserta-peserta.
4. Sebagai Platform atau forum kepada peserta-peserta untuk menyampaikan pandangan, syor-syor, kehendak-kehendak dan masalah-masalah mereka bagi mendapat penyelesaian oleh FELCRA.
5. Untuk membimbing dan melatih peserta-peserta secara beransur-beransur dalam perkara-perkara urusan penghasilan, ladang dan pemasaran supaya peserta-peserta telah bersedia untuk pengurusan pengendalian ladang mereka di masa hadapan.

FELCRA telah berjaya mewujudkan 12 buah PPSK (Program Penyusunan Semula Kampung) di lima buah negeri di Semenanjung Malaysia iaitu di negeri Pahang, Melaka, Johor, Perak dan Terengganu. Di Melaka PPSK terdapat di FELCRA Sedandan dan di FELCRA Lembang Kesang

3.5 Kesimpulan

Langkah kerajaan memperkenalkan DEB sebagai serampang dua mata untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat adalah langkah yang sangat tepat bagi membangunkan masyarakat melayu khususnya dalam aspek ekonomi. Melalui DEB ini, maka terjalinlah kerjasama antara agensi persekutuan seperti FELDA, RISDA dan FELCRA dalam usaha mencapai matlamat DEB. Gabungan tiga agensi tersebut

sebenarnya banyak membantu mengurangkan kadar kemiskinan orang Melayu. DEB yang diperkenalkan selama tempoh 20 tahun telah membawa banyak perubahan dalam masyarakat luar bandar di Malaysia khususnya di Melaka. Aktiviti dan program yang dilaksanakan oleh RISDA, FELDA dan FELCRA ternyata dapat meningkatkan perkembangan ekonomi pertanian di Melaka dan menambahbaik taraf sosial masyarakat Melayu luar bandar khususnya bagi generasi pertama para peserta projek yang dikendalikan oleh ketiga-tiga agensi Persekutuan itu.



BAB 4

KESAN PELAKSANAAN AGENSI PERTANIAN TERHADAP SOSIOEKONOMI LUAR BANDAR DI MELAKA



4.1 Pendahuluan

DEB telah dilaksanakan dalam tempoh 20 tahun yang meliputi Rancangan Malaysia Pertama hingga Rancangan Malaysia Kelima. Pelaksanaan dalam tempoh tersebut telah memperlihatkan perubahan yang positif dalam ekonomi pertanian di Melaka. Peranan yang dimainkan oleh agensi pertanian FELDA, RISDA dan FELCRA telah banyak membantu mengurangkan kadar kemiskinan dan menaikkan taraf hidup orang Melayu. Keberkesanan DEB dapat dilihat melalui RML yang merupakan rancangan yang terakhir sebelum diteruskan dengan dasar pembangunan yang lain.

DEB telah membawa banyak perubahan dalam masyarakat luar bandar di Malaysia khususnya di Melaka. Aktiviti dan program yang dilaksanakan oleh agensi-agensi seperti



FELDA, RISDA dan FELCRA ternyata dapat meningkatkan perkembangan ekonomi pertanian sekaligus menambah baik taraf sosial masyarakat pada hari ini. Tahun-tahun awal abad ke 21 memperlihatkan banyak perubahan sama ada dari segi pertambahan keluasan guna tanah, infrastruktur, peningkatan pendapatan pekebun, perkembangan pendidikan dan sebagainya yang telah dilaksanakan sewaktu DEB.

FELDA telah memainkan peranan yang penting dalam pembangunan tanah untuk membolehkan kegiatan pertanian terutamanya getah dapat dijalankan sekaligus menjadi sumber pendapatan utama bagi penduduk dalam rancangan FELDA selaras dengan lima terasnya. Berlandaskan lima teras tersebut, FELDA cuba untuk membangunkan masyarakat peneroka dalam setiap rancangan masing-masing. Namun begitu, setiap perancangan yang dibuat bergantung kepada kesesuaian tanah dan keupayaan serta kesungguhan komuniti dalam FELDA. Justeru, setiap pencapaian dan perkembangan setiap FELDA adalah berbeza antara satu sama lain. Namun begitu, lima teras ini tetap menjadi pegangan untuk merealisasikan matlamat utama FELDA. Terdapat lima rancangan FELDA dalam Negeri Melaka. Jadual 4.1 menunjukkan FELDA yang terdapat dalam Melaka.

Jadual 4.1
Penempatan Peneroka FELDA-FELDA Di Melaka

Bil	Rancangan	Melayu	Cina	India	Jumlah Peneroka	Jumlah Isi Rumah
1	Kemendore	236	144	0	380	1992
2	Hutan Percha	213	66	6	285	1065
3	Macap	70	50	0	120	480
4	Menggong	97	0	0	97	388
5	Bukit Senggeh	399	36	13	488	2240
	JUMLAH	1015	296	19	1330	6165

Sumber: Maklumat Asas Rancangan FELDA Hutan Percha



Jadual 4.1 menunjukkan jumlah keseluruhan penempatan peneroka di Melaka. Daripada jadual ini, didapati jumlah peneroka bagi kelima-lima FELDA tersebut ialah 1330 orang dengan jumlah isi rumah seramai 6165 orang. Peneroka kaum Melayu mencatatkan jumlah yang tertinggi iaitu 1015 orang atau 76.3% dan diikuti kaum Cina sebanyak 22.2% dan kaum India sebanyak 1.42%. Kaum Melayu mewakili peratusan yang tertinggi kerana kebanyakan orang Melayu masih lagi tinggal di kawasan luar bandar dan rata-ratanya hidup miskin jika dibandingkan kaum lain. Justeru, pembukaan tanah dan penempatan oleh FELDA ini sekaligus dapat membantu meningkatkan semula taraf hidup kaum Melayu yang tertinggal dalam arus perkembangan ekonomi kesan daripada penjajahan kuasa Barat dahulu.



Tanah Rancangan FELDA Bukit Senggeh telah dilengkapi dengan pelbagai kemudahan asas termasuklah 15.4 kilometer jalan perkampungan yang berturap sepenuhnya. Selain itu, terdapat juga perkhidmatan pengangkutan bas oleh Syarikat Malacca Omnibus Bus Service Sdn. Bhd, gerai MARA dan *mini market*. Untuk pendidikan peringkat menengah, anak-anak peserta belajar di Sekolah Menengah Nyalas sejauh 2.5 kilometer dari rancangan ini. Dalam projek ekonomi tambahan, seramai 78 peneroka terlibat dengan aktiviti ternakan, 20 orang terlibat dalam perniagaan dan 18 orang lagi terlibat dalam industri kecil. Koperasi pula mempunyai modal saham RM136,000. Pada





masa ini, aktiviti yang dijalankan ialah pengangkutan susu cair ke kilang, lori tangki dan lori pengangkutan sekerap untuk disewa.¹²⁵

Rancangan FELDA Hutan Percha ini juga dilengkapi dengan pelbagai kemudahan asas termasuk lima kilometer jalan perkampungan yang berturap seratus peratus. Selain itu, terdapat juga perkhidmatan bas oleh MARA dan Thye Lai Sdn. Bhd. Bagi pendidikan peringkat menengah, anak-anak peneroka belajar di Alor Gajah atau Tampin sejauh 15 kilometer dari kawasan Tanah Rancangan ini. Selain itu, seramai sepuluh peneroka terlibat dengan aktiviti ternakan, lima dalam perniagaan dan dua dalam industri kecil. Koperasi pula mempunyai modal saham sebanyak RM50,000.00.¹²⁶




Begitu juga dengan Rancangan FELDA Komender juga turut dilengkapi dengan pelbagai kemudahan asas termasuk 11.28 kilometer jalan perkampungan yang berturap seratus peratus. Selain itu, terdapat juga perkhidmatan bas oleh MARA. Untuk pendidikan peringkat sekolah menengah pula, anak-anak peneroka belajar di Jasin dan Selandar sejauh 7 kilometer dari rancangan. Dalam projek ekonomi tambahan pula, seramai 50 peneroka terlibat dengan aktiviti ternakan, lapan orang terlibat dengan perniagaan dan dua terlibat dengan industri kecil. Koperasi pula mempunyai modal saham sebanyak RM12,000.00.

¹²⁵ Jabatan Pembangunan Komuniti & Koordinasi. *Dasar-dasar Felda*. Kuala Lumpur: Wisma Felda. hlm. 39.

¹²⁶ Jabatan Pembangunan Komuniti & Koordinasi. *Dasar-dasar Felda*. Kuala Lumpur: Wisma Felda. hlm. 40.



Selain melihat kesan peranan yang dimainkan oleh FELDA, turut memainkan peranan dalam memajukan ekonomi masyarakat luar Bandar di Melaka adalah RISDA dan FELCRA. Program Tanam Semula getah pekebun kecil buat pertama kalinya pada tahun 1952. Mengikut perangkaan sejak tahun 1952 sehingga 31 Disember 1990, terdapat seluas 56,148 hektar kawasan getah tua kepunyaan pekebun kecil di Melaka. Sehingga tahun 1990, seluas 50,235 hektar atau 89.47% telah berjaya ditanam semula.¹²⁷ Pencapaian ini dapat dilihat seperti dalam carta 4.1:-



Carta 4.1. Keluasan Getah Tua Yang Telah Ditanam Semula Pada Tahun 1952 Sehingga 1990. Sumber: Laporan Tahunan RISDA Negeri Melaka. 1990. hlm. 49.

Berdasarkan carta 4.1, dapat dilihat pencapaian program tanam semula buat pertama kali di Melaka mengikut daerah. Bagi Daerah Melaka Tengah, jumlah keluasan kawasan getah tua telah berjaya dikurangkan melalui program tanam semula menjadi 1.161 hektar berbanding awal tahun 1952 iaitu 9.094 hektar. Bagi Daerah Jasin pula, sebanyak


¹²⁷ Laporan Tahunan Risda Negeri Melaka.1990. hlm. 45.

17.313 keluasan kawasan getah tua telah ditanam semula daripada 18.878 hektar. Penglibatan RISDA di Melaka membantu usaha penanaman semula getah. Tanam Semula Kali Kedua dengan bantuan RISDA telah dimulakan pada tahun 1974 dan setakat tahun 1990, seluas 15,339.24 hektar tanah telah dilaksanakan melibatkan 11,159 orang peserta.¹²⁸

Sehingga tahun 1990, hanya terdapat 1.565 sahaja hektar kawasan getah tua yang belum ditanam semula. Bagi Daerah Alor Gajah pula, baki getah tua yang belum ditanam semula adalah 3.187. Sebanyak 24.989 hektar telah berjaya ditanam semula. Secara keseluruhannya, jumlah kawasan getah tua di ketiga-tiga buah daerah ialah 56.148 hektar. Jumlah keluasan yang berjaya ditanam semula pula ialah 50.235 hektar dan baki kawasan getah tua di Melaka setakat 31 Disember 1990 ialah 5.913 hektar.

Matlamat penanaman semula menjadi program yang diperuntukkan bagi setiap Rancangan Malaysia. Dalam masa pelaksanaan RML RISDA Melaka ditetapkan mengendalikan penanaman semula getah kepada kawasan para pekebun kecil seluas 10,594 hektar. Bagi tempoh tersebut, seluas 10,919.94 hektar tanah ataupun 103.07% telah berjaya ditanam semula. Data bagi program penanaman semula mengikut tahun dapat dilihat seperti dalam carta 4.2 di bawah:

¹²⁸ *Laporan Tahunan Risda Negeri Melaka*.1990. hlm. 45.



Carta 4.2 Matlamat dan Pencapaian Tanam Semula di Bawah RML (1986-1990).
Sumber: Laporan Tahunan RISDA Negeri Melaka. 1990. hal. 37.

Pada tahun 1986, RISDA menetapkan seluas 1811 hektar tanah untuk program tanam semula. Namun sebanyak 1930.87 hektar tanah telah berjaya ditanam semula. Dengan kejayaan ini, maka RISDA telah meningkatkan matlamat tanam semula kepada 2055 hektar tanah pada tahun 1987. Pada tahun 1987, program tanam semula juga berjaya mencapai matlamatnya apabila sebanyak 2071.16 hektar tanah berjaya ditanam semula. Pada tahun 1988, 1989 dan 1990 pula RISDA menetapkan matlamat masing – masing 2023 hektar, 2400 hektar dan 2305 hektar. Pencapaian bagi program tanam semula bagi ketiga – tiga tahun ialah 2226.35 hektar, 2409.96 hektar dan 2281.61 hektar tanah. Daripada jadual ini, jelas dapat dilihat sepanjang tempoh pelaksanaan RML, program penanaman semula yang dirancang oleh RISDA telah mencapai matlamat dengan peratusan sebanyak 103.07%.

Bagi Program Pemulihan Tanam Semula, sebanyak \$334,700.00 telah diperuntukkan dalam RML bagi negeri Melaka. Kawasan seluas 211.26 hektar tanah telah berjaya dipulihkan dengan perbelanjaan sebanyak \$286,061.19 atau 85.47%. Program Pemulihan Tanam Semula di bawah RML dapat dilihat seperti jadual 4.2:

Jadual 4.2

Pemulihan Tanam Semula Di Bawah Semula RML Pada Tahun 1986 Sehingga 1990

Tahun	Peruntukan	Perbelanjaan	Hektar	Peserta
1986	\$19,337.50	\$19,337.50	18.06	18
1987	\$106,800.00	\$72,008.69	46.57	44
1988	\$88,500.00	\$90,010.02	77.44	59
1989	\$75,000.00	\$67,535.12	49.98	49
1990	\$37,200.00	\$37,169.86	19.21	18
JUMLAH	\$334,700.00	\$286,061.19	211.26	188

Sumber: Laporan Tahunan RISDA Negeri Melaka. 1990. hlm. 38.

Berdasarkan jadual 4.2, RISDA telah menggunakan perbelanjaan kurang daripada peruntukkan yang telah diberikan. Hal ini menunjukkan adanya penjimatan sebanyak \$48,638.81 dalam Program Pemulihan Tanam Semula. Pada tahun 1986, jumlah peruntukkan adalah sebanyak \$19,337.50 dan kesemua jumlah ini telah digunakan untuk perbelanjaan pemulihan tanam semula yang melibatkan 18.06 hektar tanah dan 18 orang peserta.¹²⁹

Pada tahun 1987, peruntukkan meningkat menjadi \$106,800.00 yang melibatkan keluasan 46.57 hektar dan 44 orang peserta. Namum begitu, jumlah perbelanjaan bagi tahun tersebut hanya \$72,008.69 sahaja. Justeru, pada tahun 1988, jumlah peruntukkan ini

¹²⁹ *Laporan Tahunan Risda Negeri Melaka*. 1990. hlm. 38.



dikurangkan daripada tahun sebelumnya menjadi \$88,500.00 sahaja. Namun, jumlah perbelanjaan melebihi peruntukkan iaitu sebanyak \$90,010.02 kerana pemulihan tanam semula di kawasan yang agak luas iaitu 77.44 hektar dengan jumlah peserta yang agak ramai iaitu 59 orang.¹³⁰

Pada tahun 1989, seluas 49.98 hektar tanah telah dipulihkan dengan menelan kos perbelanjaan sebanyak \$67,535.12 daripada jumlah peruntukan yang diberikan sebanyak \$75,000.00. Jumlah ini perbelanjaan memulih tanam semula semakin sedikit pada tahun 1990 iaitu hanya \$37,169.86 sahaja kerana jumlah keluasan tanah yang dipulihkan dalam program pemulihan tanam semula hanya seluas 19.21 hektar sahaja yang melibatkan 18 orang peserta. Secara keseluruhannya, sepanjang pelaksanaan RML di bawah program pemulihan tanam semula, seluas 211.26 hektar tanah telah dipulihkan yang melibatkan 188 orang peserta.¹³¹

Pencapaian peranan yang dimainkan oleh RISDA Negeri Melaka dalam pemberian subsidi baja dapat dilihat seperti dalam jadual 4.3:-

¹³⁰ *Ibid.*

¹³¹ *Laporan Tahunan Risda Negeri Melaka.1990. hlm. 38.*



Jadual 4.3

Subsidi Baja Di Bawah RML Pada Tahun 1986 sehingga 1990

Tahun	Peruntukan (\$)	Perbelanjaan (\$)	Bilangan Peserta	Luas (Hektar)
1986	743,000	523,729.50	2,248	633.29
1987	700,000	821,529.00	4,002	4,947.98
1988	302,440	302,521.99	1,790	2,053.29
1989	466,350	465,466.81	2,772	3,189.24
1990	637,330	637,314.90	3,932	4,429.41
JUMLAH	2,849,120	2,750,562.20	14,744	15,253.21

Sumber: Laporan Tahunan RISDA Negeri Melaka. 1990. hlm. 39.

Berdasarkan jadual 4.3, pada tahun 1986, sebanyak \$523,729.50 telah dibelanjakan untuk membekalkan baja di atas tanah seluas 633.29 hektar yang melibatkan seramai 2,248 peserta. Pada tahun 1987, jumlah ini meningkat menjadi \$821,529.00 dengan melibatkan seramai 4,002 peserta tetapi berkurang tahun selepasnya iaitu hanya \$302,521.99 yang melibatkan hanya 1,790 orang peserta sahaja. Hal ini kerana, pada tahun 1987, seluas 4,947.98 hektar tanah telah diberikan subsidi baja berbanding pada tahun selepasnya iaitu hanya seluas 2,053.29 hektar sahaja. Pada tahun 1989 dan 1990, jumlah perbelanjaan untuk subsidi baja adalah \$465,466.81 dan \$637,314.90 yang melibatkan seramai 2,772 orang peserta dan seluas 3,189.24 hektar tanah pada tahun 1989 dan seramai 3,932 orang peserta yang meliputi keluasan 4,429.41 hektar tanah pada tahun 1990. Secara keseluruhannya, sebanyak 96.54% telah dibelanjakan untuk memberi subsidi baja kepada 14,744 orang peserta di atas tanah seluas 15,253.21 hektar tanah bagi tempoh masa 5 tahun pelaksanaan RML.¹³²

¹³² Laporan Tahunan Risda Negeri Melaka.1990. hlm. 39.

Pencapaian peranan yang dimainkan oleh RISDA Negeri Melaka dalam pemberian subsidi kimia rumpai pula dapat dilihat seperti dalam jadual 4.4:-

Jadual 4.4

Subsidi Kimia Rumpai Di Bawah RML Pada Tahun 1986 Sehingga 1990.

Tahun	Peruntukan (\$)	Perbelanjaan (\$)	Bilangan Peserta	Luas (Hektar)
1986	84,600	86,951.75	1,293	2,781.06
1987	82,000	100,623.00	1,730	2,110.72
1988	44,100	45,777.60	980	1,133.85
1989	46,440	46,354.90	1,020	1,182.48
1990	78,140	76,433.35	1,852	2,112.50
JUMLAH	335,280	356,140.60	6,884	9,320.61

Sumber: Laporan Tahunan RISDA Negeri Melaka. 1990. hlm. 40.

Berdasarkan jadual 4.4, pada tahun 1986, sebanyak \$86,951.75 telah dibelanjakan untuk membekalkan kimia rumpai di atas tanah seluas 2,781.06 hektar yang melibatkan seramai 1,293 peserta. Pada tahun 1987, jumlah ini meningkat menjadi \$100,623.00 dengan melibatkan seramai 1,730 tetapi berkurang tahun selepasnya iaitu hanya \$45,777.60 yang melibatkan hanya 980 orang peserta sahaja. Hal ini kerana, pada tahun 1987, seluas 2,110.72 hektar tanah telah diberikan subsidi kimia rumpai berbanding pada tahun selepasnya iaitu hanya seluas 1,133.85 hektar sahaja. Pada tahun 1989 dan 1990, jumlah perbelanjaan untuk subsidi kimia rumpai adalah \$46,354.90 dan \$76,433.35 yang melibatkan seramai 1,020 peserta dan seluas 1,182.48 hektar tanah pada tahun 1989 dan seramai 1,852 orang peserta yang meliputi keluasan 2,112.50 hektar tanah pada tahun 1990. Secara keseluruhannya, sebanyak 106.22% telah dibelanjakan untuk subsidi kimia

rumpai yang melibatkan seramai 6,884 orang peserta di atas tanah seluas 9,320.61 hektar tanah bagi tempoh masa 5 tahun pelaksanaan RML.¹³³

Pencapaian peranan yang dimainkan oleh RISDA Negeri Melaka dalam pemberian subsidi penggalak susu pula dapat dilihat seperti dalam jadual 4.5:-

Jadual 4.5

Subsidi Penggalak Susu Di Bawah RML Pada Tahun 1986 sehingga 1990.

Tahun	Peruntukan (\$)	Perbelanjaan (\$)	Bilangan Peserta	Luas (Hektar)
1986	16,500	16,235.70	280	373.16
1987	18,000	24,709.00	456	529.42
1988	17,640	17,595.60	444	540.55
1989	28,635	27,976.50	638	727.39
1990	31,080	30,770.80	971	1,310.43
JUMLAH	111,855	117,287.60	2,789	3,480.95

Sumber: Laporan Tahunan RISDA Negeri Melaka. 1990. hlm. 40.

Berdasarkan jadual 4.5, pada tahun 1986, sebanyak \$16,500 telah diperuntukkan untuk membekalkan subsidi penggalak susu dan sebanyak \$16,235.70 telah dibelanjakan untuk tujuan tersebut di atas tanah seluas 372.16 hektar yang melibatkan seramai 280 orang peserta. Pada tahun 1987 pula, sebanyak \$18,000 diperuntukkan tetapi jumlah perbelanjaan melebihi jumlah tersebut iaitu sebanyak \$24,709.00 kerana jumlah peserta yang ramai dan keluasan hektar tanah yang bertambah menjadi 529.42. Pada tahun 1988 dan 1989, jumlah perbelanjaan masing-masing ialah \$17,595.60 dan \$27,976.50 yang melibatkan bilangan

¹³³ *Laporan Tahunan Risda Negeri Melaka*.1990. hlm. 40.

peserta seramai 444 orang dan 638 orang di atas tanah seluas 540.55 hektar dan 727.39 hektar. Akhir tahun pelaksanaan RML, didapati jumlah perbelanjaan meningkat menjadi \$30,770.80 yang melibatkan 971 orang peserta dan seluas 1,310.43 hektar tanah. Secara keseluruhannya, sebanyak \$111,855 peruntukan telah diberikan untuk subsidi penggalak susu tetapi jumlah perbelanjaan pula melebihi sebanyak \$5,432.60 iaitu bersamaan dengan 104.86% dengan jumlah keseluruhan peserta seramai 2,789 orang dan seluas 3,480.95 hektar tanah.

Seterusnya, pencapaian peranan yang dimainkan oleh RISDA Negeri Melaka dalam pemberian subsidi kontan pula dapat dilihat seperti dalam jadual 4.6:-

Jadual 4.6
Subsidi Kontan Di Bawah RML Pada Tahun 1986 sehingga 1990

Tahun	Peruntukan (\$)	Perbelanjaan (\$)	Bilangan Peserta	Luas (Hektar)
1986	40,800	90,636.55	200	299.81
1987	44,000	69,384.00	291	335.48
1988	48,100	47,808.68	58	97.85
1989	87,465	87,252.80	284	224.56
1990	114,560	114,523.00	278	267.05
JUMLAH	334,925	409,605.03	1,111	1,224.75

Sumber: Laporan Tahunan RISDA Negeri Melaka. 1990. hlm. 41.

Berdasarkan jadual 4.6, pada tahun 1986, sebanyak \$40,800 telah diperuntukan untuk membekalkan subsidi kontan dan sebanyak \$90,636.55 dibelanjakan di atas tanah seluas 299.81 hektar yang melibatkan seramai 200 peserta. Bilangan peserta yang terlibat meningkat kepada 291 orang pada tahun 1987 dengan keluasan tanah sebanyak 335.48 hektar. Pada tahun 1990, memperlihatkan peningkatan peruntukan kepada \$114,560

dengan perbelanjaan sebanyak \$114,523.00. Jumlah keseluruhan peserta bagi tahun 1986 hingga 1990 adalah seramai 1,111 orang dengan keluasan tanah sebanyak 1,224.75 hektar.

Pencapaian peranan yang dimainkan oleh RISDA Negeri Melaka dalam pemberian subsidi kacang penutup bumi pula dapat dilihat seperti dalam jadual 4.7:

Jadual 4.7

Subsidi Kacang Penutup Bumi Di Bawah RML Pada Tahun 1986 sehingga 1990

Tahun	Peruntukan (\$)	Perbelanjaan (\$)	Bilangan Peserta	Luas (Hektar)
1986	24,700	9,359.90	65	105.13
1987	19,000	14,894.00	49	228.10
1988	18,540	18,338.90	170	256.40
1989	15,610	15,593.45	441	447.26
1990	25,620	25,602.35	356	390.39
JUMLAH	103,470	83,788.60	1,081	1,427.28

Sumber: Laporan Tahunan RISDA Negeri Melaka. 1990. hlm. 41.

Berdasarkan jadual 4.7, pada tahun 1986, sebanyak \$9,359.90 telah dibelanjakan untuk membekalkan subsidi kacang penutup bumi di atas tanah seluas 105.13 hektar yang melibatkan seramai 65 orang peserta. Pada tahun 1987 pula, sebanyak \$14,894.00 telah dibelanjakan di atas tanah seluas 228.10 hektar tanah dan jumlah ini meningkat menjadi 256.40 hektar tanah pada tahun 1988 dengan jumlah perbelanjaan sebanyak \$18,338.90. Pada tahun 1989 dan 1990, jumlah perbelanjaan masing – masing ialah \$15,593.45 dan \$25,602.35 yang melibatkan bilangan peserta seramai 441 orang dan 356 orang di atas tanah seluas 447.26 hektar dan 390.39 hektar. Secara keseluruhannya, sebanyak \$103,470 peruntukan telah diberikan untuk subsidi kacang penutup bumi tetapi jumlah perbelanjaan

yang digunakan hanyalah \$83,788.60 sahaja dengan jumlah keseluruhan peserta seramai 1,081 orang dan seluas 1,427.28 hektar tanah.¹³⁴

Kesan daripada perkembangan ekonomi pertanian, prasarana telah dibina dengan membelanjakan peruntukan yang besar. Pencapaian dalam pembinaan prasarana pula dapat dilihat seperti dalam jadual 4.8:

Jadual 4.8
Prasarana Di Bawah RML (1986-1990)

Tahun	Peruntukan (\$)	Perbelanjaan (\$)
1986	320,000	180,040.51
1987	51,000	50,919.86
1988	69,910	99,846.82
1989	199,820	217,960.37
1990	719,140	718,970.43
JUMLAH	1,359,870	1,267,737.99


Sumber: Laporan Tahunan RISDA Negeri Melaka. 1990. hlm. 43.

Jadual 4.8 menunjukkan jumlah peruntukan dan perbelanjaan bagi pembinaan prasarana di bawah RML daripada tahun 1986 sehingga 1990. Antara prasarana yang dimajukan ialah jalan pertanian, jambatan, parit dan pembentong. Pada tahun 1986, sebanyak \$320,000 telah diperuntukan untuk tujuan tersebut dan sebanyak 180,040.51 telah dibelanjakan. Bagi tahun 1987 pula, hanya \$51,000 sahaja diperuntukan dan jumlah perbelanjaan pula sebanyak \$50,919.86. Bagi tahun 1988, 1989 dan 1990, jumlah

¹³⁴ *Laporan Tahunan Risda Negeri Melaka*.1990. hlm. 41.

perbelanjaan adalah \$99,846.82, \$217,960.37 dan \$718,970.43. Secara keseluruhannya, peratusan perbelanjaan bagi pembinaan prasaran ialah 93.22%.¹³⁵

RISDA negeri Melaka telah melaksanakan program mini estet. Setakat tahun 1990, seluas 1,467.06 hektar tanah telah dibangunkan yang melibatkan seramai 1,148 orang peserta. Carta 4.3 di bawah menunjukkan maklumat ini mengikut daerah.




Carta 4.3. Mini Estet Setakat Tahun 1990. Sumber: Laporan Tahunan RISDA Negeri Melaka. 1990. hlm. 50.

Daripada carta 4.3, didapati bahawa daerah Alor Gajah mempunyai keluasan tertinggi dalam pelaksanaan mini estet iaitu 876.9 hektar berbanding dengan daerah Melaka Tengah iaitu 193.67 hektar dan Jasin seluas 396.49 hektar. Oleh kerana daerah Alor Gajah mempunyai keluasan yang paling tinggi, maka daerah ini mempunyai bilangan peserta paling ramai iaitu 694 orang. Manakala daerah yang paling sedikit adalah pesertanya ialah Melaka Tengah. Bilangan rancangan yang tertinggi juga adalah daerah

¹³⁵ Laporan Tahunan Risda Negeri Melaka.1990. hlm. 43.

Alor Gajah. Manakala daerah Jasin dan Melaka Tengah masing-masing empat dan dua sahaja.¹³⁶

Pada tahun 1990, RISDA Negeri Melaka telah melaksanakan Tanam Semula Berkelompok (TSB). Program ini telah dibangunkan seluas 2,947.85 hektar yang melibatkan 2.154 orang peserta. Carta 4.4 di bawah menunjukkan kedudukan TSB mengikut daerah.




Carta 4.4. Tanam Semula Berkelompok Setakat Tahun 1990. Sumber: Laporan Tahunan RISDA Negeri Melaka. 1990. hlm. 51.

Berdasarkan carta 4.4, daerah Alor Gajah mempunyai jumlah peserta yang paling ramai terlibat dalam program TSB iaitu seramai 1290 berbanding dengan daerah Melaka Tengah dan Jasin. Hal ini kerana jumlah keluasan daerah Alor Gajah adalah lebih besar berbanding dengan kawasan lain. Jumlah keluasan tanah yang terlibat dengan program ini

¹³⁶ Laporan Tahunan Risda Negeri Melaka.1990. hlm. 50.

di daerah Alor Gajah ialah 1805.71 hektar berbanding dengan daerah Melaka Tengah dan Jasin yang masing-masing 411.2 dan 730.94.¹³⁷

Pejabat RISDA juga berperanan melaksanakan program Tanam Semula Serentak (TSS). Setakat tahun 1990, sebanyak 47 buah tanam semula serentak telah dibangunkan dengan keluasan 684.93 hektar yang melibatkan seramai 494 orang peserta. Carta 4.5 menunjukkan kedudukan TSS mengikut daerah:




Carta 4.5. Tanam Semula Serentak Setakat Tahun 1990 Sumber: Laporan Tahunan RISDA Negeri Melaka. 1990. hlm. 52

Carta 4.5 menunjukkan pencapaian program TSS setakat tahun 1999. Daripada jadual ini, dapat dilihat daerah yang paling luas menjalankan TSS ialah di daerah Melaka Tengah iaitu seluas 311.47 hektar tanah. Kemudian diikuti dengan daerah Jasin dan Alor Gajah iaitu masing-masing 205.3 hektar dan 157.16 hektar. Jumlah rancangan yang

¹³⁷ Laporan Tahunan Risda Negeri Melaka.1990. hlm. 51.

dilaksanakan ialah sebanyak 22 di daerah Melaka Tengah, 17 di daerah Jasin dan 8 di daerah Alor Gajah. Bilangan pekebun kecil yang terlibat pula ialah seramai 209 orang di daerah Melaka Tengah, 150 di daerah Jasin dan 125 hektar tanah di daerah Alor Gajah.¹³⁸

Pencapaian RISDA dalam SEPERDU (Sistem Pertanian Bersepadu) setakat tahun 1990 pula dapat dilihat dalam carta 4.6:-



Carta 4.6. Projek Rotan Manau Setakat Tahun 1990. Sumber: Laporan Tahunan RISDA Negeri Melaka. 1990. hlm. 54.

Daripada 4.6, didapati seluas 53,8810 hektar tanah telah ditanam dengan Rotan Manau dalam kebun getah yang diusahakan oleh pekebun getah sendiri. Rotan Manau ditanam sebagai tanaman jangka panjang yang dapat mematangkan hasil selepas 15 tahun iaitu pokok getah ditanam semula. Sehingga setakat tahun 1990, sebanyak 1.9221 hektar tanah telah melaksanakan projek Rotan Manau di Melaka Tengah. Manakala di daerah

¹³⁸ Laporan Tahunan Risda Negeri Melaka.1990. hlm. 52.

Jasin dan Alor Gajah pula masing–masing 12.8454 dan 39.1136. Jumlah peserta bagi ketiga-tiga daerah ini pula ialah 65 orang.¹³⁹

Perkembangan kegiatan ekonomi pertanian di Melaka adalah kesan daripada pelaksanaan DEB melalui peranan yang dimainkan oleh agensi seperti FELDA, RISDA dan FELCRA. Hal ini jelas dapat dilihat sebelum pelaksanaan DEB, semasa dan selepas tamatnya DEB. Sebelum DEB diperkenalkan, ekonomi pertanian bersifat tradisional. Hasil yang dikeluarkan hanya cukup untuk keperluan diri dan keluarga sahaja. Jelas dapat dilihat tiada kemajuan dalam kegiatan pertanian ketika itu. Namun begitu, kedatangan British telah memajukan sektor ekonomi melalui pengenalan sistem ekonomi kapitalis. Tetapi, kaum Melayu masih lagi mundur kerana mereka masih lagi menjalankan kegiatan pertanian secara tradisional. Ekonomi kapitalis hanya menguntungkan kaum lain di Tanah Melayu. Kesannya, wujudlah jurang perbezaan kaum yang sangat ketara di Tanah Melayu.

Pengenalan DEB selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan merupakan satu langkah yang sangat tepat bagi mengatasi masalah kemiskinan dan ketidakseimbangan kaum di Tanah Melayu khususnya di Melaka. Namun begitu, bukanlah langkah yang mudah untuk menyusun semula masyarakat. Justeru, DEB diperkenalkan bagi tujuan tersebut. Kegiatan ekonomi pertanian mengalami banyak perubahan semasa pelaksanaan DEB. Agensi yang wujud seperti FELDA, RISDA, FELCRA dan juga MARDI telah memainkan peranan yang penting untuk meningkatkan hasil pertanian sekaligus mengubah taraf hidup masyarakat pekebun kecil di Melaka.

¹³⁹ *Laporan Tahunan Risdan Negeri Melaka*.1990. hlm. 54.



FELDA memainkan peranan penting untuk membangunkan tanah secara terkawal, terancang dan berkelompok. Manakala RISDA pula berfungsi untuk meningkatkan hasil pengeluaran getah dan pendapatan pekebun kecil dengan menyediakan pelbagai kemudahan dan program. Antara aktiviti yang disediakan ialah program penanaman semula, penyelidikan, penggunaan teknologi, Program SEPERDU dan banyak lagi. MARDI pula memainkan peranan utama dalam meningkatkan produktiviti industri pertanian melalui penyelidikan dari segi sains, teknik dan sebaran maklumat serta khidmat nasihat. Gabungan ketiga – tiga agensi ini telah membawa impak yang besar dalam kemajuan ekonomi pertanian di Melaka.

Kesan daripada pelaksanaan DEB melalui peranan agensi-agensi seperti FELDA, RISDA dan FELCRA, hasil pengeluaran pertanian ini telah mengubah taraf hidup dan nilai sosial masyarakat khususnya di kawasan luar bandar. Dapat dilihat pendapatan pekebun kecil telah meningkat dan keluasan tanah untuk pertanian juga bertambah. Kesan utama yang dapat dilihat ialah kadar kemiskinan telah dapat dikurangkan. Selain itu, telah wujud pelbagai kemudahan sosial seperti sekolah, pusat kesihatan, kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik dan talian telefon termasuklah pembinaan jalan raya. Kesemua ini telah mengubah corak atau cara hidup masyarakat luar bandar. Jelaslah bahawa pelaksanaan DEB melalui peranan agensi –agensi seperti FELDA, RISDA dan FELCRA telah berjaya membawa perkembangan ekonomi pertanian di Melaka sekaligus meningkatkan taraf ekonomi dan sosial masyarakat luar bandar di Melaka.





Secara keseluruhannya, jelaslah bahawa perkembangan ekonomi pertanian di Melaka telah mengalami peningkatan yang positif sewaktu pelaksanaan DEB. Hal ini dapat dilihat melalui keberkesanan peranan yang dimainkan oleh agensi–agensi seperti FELDA, RISDA dan FELCRA.

Pelaksanaan DEB telah berjaya meningkatkan penglibatan orang Melayu dalam sektor lain yang sebelum ini rata-ratanya terlibat dalam sektor pertanian. Peratusan orang Melayu yang terlibat dalam sektor pembuatan adalah 33.1% daripada tahun sebelum pelaksanaan DEB iaitu 28.9%. Peratusan orang Melayu yang terlibat dalam sektor perniagaan juga meningkat daripada tahun sebelum pelaksanaan DEB iaitu daripada 23.5% kepada 31.6%. Sungguhpun begitu, masalah kemiskinan orang Melayu tetap masih wujud dalam sektor pertanian. Sekitar tahun 1970 dan 1975, peratusan kemiskinan orang Melayu dalam sektor pertanian di semenanjung Malaysia ialah masing-masing 68.3% dan 63% berbanding dengan peratusan kemiskinan dalam sektor selain pertanian iaitu hanya 49.3% dan 33.8%.

Agensi FELCRA pula turut membantu dalam meningkatkan hasil kelapa sawit dengan membuka seluas 19,000 ekar tanah. Di bawah Jabatan Parit dan Tali Air pula sebanyak 324,000 ekar tanah padi telah berjaya disaliri di Semenanjung Malaysia. Agensi–agensi lain yang turut membantu dalam mencapai matlamat DEB ini termasuklah *Malaysian Rubbers Development Corporation (MARDEC)* dan *Rubber Development Centres (RDC)*.





Pelaksanaan DEB diteruskan lagi melalui pengenalan Rancangan Malaysia Ketiga (RMK3) pada tahun 1976 hingga 1980. Strategi yang digunakan untuk mengurangkan kadar kemiskinan orang Melayu dalam sektor pertanian ialah melalui peranan agensi FELDA, RISDA dan FELCRA seperti menambah lagi keluasan pembukaan tanah baru bagi tujuan penempatan dan penanaman, menyediakan bantuan tanam semula, pemberian subsidi, latihan dan teknologi. Kesannya, kadar kemiskinan telah berjaya diturunkan daripada 49.3% kepada 29.2% pada tahun 1980.

Walaupun kerajaan berhasrat untuk mengurangkan kebergantungan kepada penanaman getah, namun perusahaan ini masih menjadi komoditi yang utama dalam RMK3. FELDA telah memainkan peranannya melalui projek tanam semula dan tanaman baru dengan menggunakan benih yang lebih baik. Seluas 115,870 hektar tanah telah ditanam baru oleh pekebun kecil. Penanaman kelapa sawit oleh FELCRA juga menunjukkan perkembangan yang positif kesan daripada peningkatan harga dalam pasaran dunia. Tanaman kelapa sawit bertambah daripada 308,800 hektar pada tahun 1970 kepada 890,000 hektar pada tahun 1980 dengan peningkatan peratusan daripada 9.6% kepada 25%. Peningkatan ini telah meletakkan kedudukan Malaysia sebagai pengeluar dan pengesport kelapa sawit terbesar di dunia.

Tanaman padi juga bertambah melalui peranan yang dimainkan oleh MARDI. MARDI telah berjaya mencipta benih padi yang boleh mengeluarkan hasil dua kali setahun. Keluasan tanaman padi juga turut ditingkatkan dalam RMK3 ini. Pada tahun 1970,





keluasan tanaman pada adalah seluas 462,900 hektar menjadi 477,500 hektar pada tahun 1980.

Untuk menyusun semula masyarakat, orang Melayu perlu dilibatkan dalam sektor lain selain daripada pertanian. DEB telah menyediakan peluang pekerjaan yang lebih luas lagi kepada orang Melayu khususnya dan kaum-kaum lain amnya untuk terlibat dalam sektor yang pelbagai seperti pembuatan, perindustrian, perkilangan dan sebagainya. Untuk tujuan tersebut, program-program latihan telah diperluaskan bagi meningkatkan kepakaran dalam sumber manusia sektor ekonomi moden.

Rancangan Malaysia Keempat (RMK4) bermula pada tahun 1981 hingga 1985.



RMK4 masih dilaksanakan dalam DEB. Dasar kepelbagaian tanaman masih diteruskan dalam tempoh ini. Penanaman kelapa sawit telah mengambil alih peranan getah yang sebelum ini menjadi tanaman utama dalam sektor pertanian. Perusahaan getah telah merosot kerana kejatuhan harganya dalam pasaran dan keluasan penanamannya yang semakin mengecil dalam kawasan perladangan untuk ditanam tanaman lain. Pengeluaran minyak kelapa sawit telah meningkat daripada 2.6 juta tan metrik pada tahun 1980 kepada 4.1 juta tan metrik pada tahun 1985. Strategi kerajaan mempelbagaikan tanaman ini telah berjaya meningkatkan pendapatan pekebun kecil yang rata-ratanya orang Melayu. Kadar kemiskinan keseluruhannya berjaya dikurangkan daripada 49.3% pada tahun 1970 kepada 18.4% pada tahun 1984. Ia meliputi peratusan kemiskinan pekebun kecil getah daripada 58.2% pada tahun 1976 kepada 43.4% pada tahun 1984 dan penanam padi daripada 80.3% pada tahun 1976 kepada 57.7% pada tahun 1984.





Selain FELDA dan FELCRA, peranan agensi RISDA dalam menurunkan peratusan kemiskinan dapat dilihat melalui peranannya memberikan bantuan sementara seperti bantuan kredit sara hidup kepada 77,000 pekebun kecil getah semasa mereka menunggu tanaman mencapai usia matang. Turut dibantu adalah lebih kurang 314,000 orang penanam padi melalui projek tali air.

Dari aspek penyusunan semula masyarakat pula, peratusan guna tenaga golongan bumiputera telah meningkat menjadi 2.6% berbanding kaum Cina dan India yang masing-masing 2.5% setahun. Namun begitu, penglibatan bumiputera hanya tertumpu dalam pekerjaan yang berpendapatan rendah yang rata-ratanya terdiri daripada guru dan jururawat berbanding dengan kaum Cina dan India yang terdiri daripada ahli perniagaan, doktor dan peguam. Pada tahun 1980, seramai 155,000 orang terlibat dalam kumpulan ikhtisas dan teknik. Jumlah ini meningkat menjadi 194,000 pada tahun 1985. Daripada jumlah itu, seramai 111,300 orang terdiri daripada guru dan jururawat.

Pelaksanaan DEB berakhir dengan pada tahun 1990 melalui pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelima (RMK5) yang bermula pada tahun 1986 hingga 1990. Peranan yang dimainkan oleh agensi seperti RISDA, FELDA, FELCRA dan MARDI masih lagi diteruskan lagi dalam RMK5. Tidak hairanlah jika sektor pertanian masih lagi kekal sebagai penyumbang utama eksport dalam ekonomi Negara. Kelapa sawit masih mengekalkan peranannya sebagai pengeluar dan pengeksport terbesar di Malaysia iaitu





dengan kadar peningkatan sebanyak 7.9% setahun.¹⁴⁰ Tanaman koko telah berjaya ditingkatkan dalam RMK5 ini dan merupakan pengeluar keempat terbesar di dunia dengan hasil pengeluaran 262,000 tan metrik pada tahun 1990.¹⁴¹ Berbeza pula dengan getah, padi, kelapa dan tembakau yang menunjukkan kemerosotan kesan daripada kejatuhan harga.

Jika dilihat di awal pelaksanaan DEB, jelas menunjukkan dominasi pertanian getah. Namun, diakhir pelaksanaannya, kelapa sawit dan koko telah diberi keutamaan. Sama ada getah, kelapa sawit mahupun koko, kesemuanya merupakan penyumbang utama dalam sektor pertanian. Peningkatan sektor pertanian ini telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan kepada orang Melayu dan sekaligus membuka laluan baru kepada orang Melayu untuk terus bersama-sama terlibat dalam lebih banyak lagi rancangan pembangunan yang bersifat global.



Kejayaan agensi Persekutuan mengurangkan tahap kemiskinan di kalangan para pekebun kecil yang mengusahakan getah dan di kalangan mereka yang tidak memiliki tanah boleh dikatakan positif. Penggantian tanaman dari getah kepada kelapa sawit di kawasan kendalian FELDA dan FELCRA memberi potensi yang lebih baik bagi mengatasi kemiskinan disamping melaksanakan pemodenan ekonomi masyarakat luar bandar. Namun masalah kekurangan tanah yang sesuai untuk pertanian getah dan kelapa sawit di Melaka sangat terhad kerana saiz negeri itu tidak besar dan sebahagian besar tanah telah dimiliki oleh ladang orang bukan Melayu.

¹⁴⁰ Badriyah Haji Salleh. 2007. *Jejak-jejak Pembangunan 1957-2007*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, hlm.182

¹⁴¹ *Ibid*, hal.183





Faktor kekurangan tanah ini menyebabkan kawasan tanah rancangan FELDA misalnya tidak sangat terpisah dari perkampungan tradisional. Kedudukan yang demikian itu tidak memberi kelainan yang ketara antara kedua kawasan sehingga budaya kehidupan baru yang lebih dinamik lambat dapat diwujudkan di tanah rancangan. Keadaan ini disebabkan juga oleh pengambilan para peserta FELDA khususnya dari penduduk Melayu Melaka yang berdekatan kawasan tanah rancangan sesuatu wilayah. Sehubungan itu bagi orang Melayu yang berlatarbelakang kesukuan dalam Adat Perpatih, jalinan tradisional kemasyarakatan itu mengujudkan unsur pengaruh mempengaruhi corak kehidupan di antara tanah rancangan dan perkampungan tradisional.

Sebilangan pula dari peserta tanah rancangan FELDA terdiri daripada mereka yang dahulunya lebih melibatkan diri dalam pertanian padi dan aktiviti ekonomi sebagai nelayan. Faktor penyesuaian bidang ekonomi tidaklah menjadi masalah, tetapi memerlukan masa juga untuk mereka menjadi petani getah atau kelapa sawit. Pembaikan kepada kehidupan dan ekonomi mereka ini dapat dilaksanakan menerusi tanah rancangan, tetapi kehilangan mereka seperti juga kehilangan sebilangan orang kampung membawa kesan pula kepada aktiviti penanaman padi, menangkap ikan dan kekuatan sumber tenaga di kampung.

Orang Melayu Melaka yang dahulunya sebelum pertanian getah berkembang di kalangan mereka, ramai yang mengerjakan sawah padi. Kehilangan tenaga kerja di sawah kerana sebilangan tenaga kerja itu memasuki tanah rancangan, melemahkan perusahaan tanaman padi. Agensi yang menjurus pengurusan kepada sawah padi tidak diwujudkan di



Melaka seperti yang di buat Kedah dan Kelantan. Perhatian terhadap sawah padi dikendalikan oleh agensi yang tidak khusus tanggungjawabnya kepada pertanian padi, misalnya Rida atau kemudiannya MARA, MARDI dan FAMA. Pembangunan pertanian padi lebih dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian dan juga agensi peringkat negeri yang lain. Peranan pembangunan *in-situ* IADP, Jabatan Parit dan Tali Air lebih bersifat umum. Keadaan itu diiringi pula oleh perkembangan penempatan penduduk di kawasan bandar dan pinggir bandar masalah di peringkat kampung juga telah menghilangkan tanah sawah yang ditinggalkan atau terbiar atau yang telah dijual untuk tujuan penempatan. Masalah pemilikan tanah sawah yang kecil juga menjadikan tanah sawah mudah ditinggalkan atau dijual kerana mengerjakannya tidak lagi ekonomik.


Menjelang tahun 1970, sebelum DEB dilancarkan bilangan penduduk Melayu di Melaka sekitar 404 100 orang yang merupakan 55 hingga 56 peratus dari keseluruhan penduduk. Jumlah yang besar itu menyebabkan persaingan hidup mereka sangat sukar dengan tidak banyak peluang pekerjaan dan aktiviti ekonomi bukan pertanian yang boleh mereka. Satu penampakan besar yang wujud ketika itu bagi peluang pekerjaan atau perusahaan adalah kewujudan Kumpulan Briged Komenwel ke-24 di Kem Terendak. Kewujudan Kem ini turut memberi sumber pendapatan yang lumayan, iaitu sekitar 30 juta ringgit setahun kepada kerajaan Negeri Melaka. Pada hujung tahun 1969, apabila Kem ini ditutup, maka lebih dari 2 000 orang kehilangan punca pendapatan¹⁴². Keadaan ini telah mendesak kerajaan melalui Perbadanan Kemajuan Negeri yang ditubuhkan dengna

¹⁴² Ishak Shaari dan Tan Kin Woon. 1984. *Kawasan Perdagangan Bebas Di Melaka: Satu Tinjauan Ringkas*. *Akademika*, no. 24. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

terlancarnya DEB membuka kawasan industri dan pada mulanya kawasan perindustrian diwujudkan di Batu Berendam dan Tanjong Keling. Usaha industri ini mendapat sambutan terutamanya pemodal dari Jepun dan Amerika kerana kawasan ini diberi taraf *free trade zone*. Seterusnya beberapa kawasan industri lain dibina di Alor Gajah, Tangga Batu, Merlimau, Bukit Rambai, Pegoh, Teluk Mas, Alai dan Ayer Keroh. Pihak swasta juga turut membentuk kawasan perindustrian, antaranya di Masjid Tanah, Cheng, Rembia dan Krubong.

Pembentukan kawasan perindustrian yang mendapat sambutan para pengusaha dan pekilang memberi peluang pekerjaan kepada penduduk Melaka termasuklah orang Melayu. Pada awal kegiatan industri di Melaka, ramai daripada pekerja adalah golongan yang taraf ekonomi mereka rendah. Perkembangan perindustrian ini membantu mengubah kedudukan kemiskinan negeri yang terletak di tingkat bawah berbanding dengan negeri lain di pantai barat Semenanjung. Dari segi guna tenaga, kebanyakan pekerjaan industri tidak memerlukan kelulusan yang tinggi kerana kebanyakan kilang terdiri daripada kilang menenun, kilang memproses makanan dan seumpamanya. Keadaan ini mengalakkan ramai pula penduduk kampung yang berpindah dari luar bandar ke bandar untuk bekerja di kilang. Oleh itu perbuatan berpindah merupakan arus yang terus berlaku di Melaka dari sejak 1950an hinggalah ke waktu DEB dilancarkan. Sebahagian berpindah keluar dari Melaka, sebahagian berpindah ke tanah rancangan dan sebahagian lagi berpindah ke kawasan bandar dan perkilangan¹⁴³.

¹⁴³ Jamilab Ariffin. 1980. Industrial Development in Peninsular Malaysia and Rural-Urban Migration of Women Workers: Impact and Implication. In *Jurnal Ekonomi Malaysia*, No. 1, Bangi, June.



Peta 4.1. Peta Menunjukkan Taburan Penggunaan Tanah Di Melaka Pada Awal 1980an.
Sumber: *Melaka: Administrative Districts and Land Use*, 1984.

Perpindahan ini dari satu segi, mengurangkan kepadatan penduduk Melayu kerana Melaka adalah negeri ketiga padat penduduk di Malaysia dibelakang wilayah Persekutuan dan Pulau Pinang iaitu pada angka 274 orang setiap kilometer persegi pada kiraan pertengahan tahun 1980an. Sebaliknya perpindahan keluar itu merugikan sumber tenaga kerja dan boleh menjejaskan projek yang dilaksanakan, termasuk projek yang dibangunkan oleh FELDA, FELCRA dan RISDA.

Kesedaran terhadap masalah penghijrahan keluar terutamanya maka kerajaan negeri melihat kepada warisan sejarah Melaka yang unik yang boleh dibangunkan sebagai industri pelancongan. Sekiranya kegiatan perindustrian kilang digerakkan pada waktu Abdul Ghani Ali menjadi Ketua Menteri, industri pelancongan pula digerakkan oleh Abdul



Rahim Tambhy Chik ketika memegang jawatan Ketua Menteri Melaka dari 1982 hingga 1997.

Kejayaan kerajaan negeri membentuk perindustrian kilang dan kemudiannya industri pelancongan menyebabkan fokus kerajaan negeri adalah kepada memantapkan pengurusan pembangunan bandar dan kerajaan tempatan di peringkat daerah. Fokus ini menyebabkan pengenduran tujuan bagi menangani kemunduran luar bandar. Perubahan itu menyebabkan pembangunan kawasan luar bandar lebih menjadi tanggungjawab agensi Persekutuan. Oleh kerana agensi ini merupakan agensi Persekutuan maka perancangannya lebih bersifat menyeluruh dengan konsep pembangunan yang cenderung kepada pensyarikatan atau korporat. Natijahnya kawasan pengurusan agensi ini di lapangan terpaksa bergerak demi kepentingan agensi yang menuju ke arah itu.

Perubahan dasar pembangunan ekonomi di peringkat Persekutuan dan negeri bermula dari pertengahan tempoh pelaksanaan DEB tidaklah memberi sesuatu kesan yang besar pada tempoh itu kepada masyarakat FELDA, FELCRA dan RISDA. Kesan perubahan itu mulai terasa selepas tamat pelaksanaan DEB dan bermulanya Dasar Pembangunan Negara (DPN) bagi tempoh 1990-2000





4.2 Kesan Pelaksanaan DEB di FELDA Hutan Percha

FELDA Hutan Percha ini seperti FELDA lain di Melaka dinamakan sebagai FELDA Tun Ghafar Hutan Percha, Alor Gajah Melaka mula diterokai pada awal tahun 1961. Mengikut sejarah awalnya, nama FELDA Tun Ghafar Hutan Percha dipilih berdasarkan nama sebatang pokok yang dikenali sebagai jinjang atau pokok Percha yang mana pokok ini merupakan pokok yang tertinggi tumbuh dalam kawasan hutan berhampiran dengan perkampungan ini. Dalam kawasan ini, terdapat banyak pokok-pokok Percha. Getah daripada pokok ini boleh dibuat pemangkin racun untuk sumpitan orang asli selain daripada dibuat gam untuk membina perahu.



Nama Tun Ghafar pula dipilih bagi mengenang jasa, peranan dan sumbangan yang telah dimainkan oleh Tun Ghafar dalam pembangunan ekonomi masyarakat luar Bandar di Melaka. Nama sebenar Tun Ghafar ialah Abdul Rapal yang kemudiannya ditukar kepada Abdul Ghafar. Beliau dilahirkan pada 18 Februari 1925 di Tebat Keling Kampung Bukit Tembusu, Kuala Pilah Negeri Sembilan. Bapanya bernama Baba bin Salleh berasal daripada Sungai Udang dan ibunya bernama Saodah binti Salleh berasal dari Bemban, Melaka. Tun Abdul Ghafar Baba merupakan anak keenam daripada Sembilan orang adik beradik. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kuala Pilah, Negeri Sembilan dan kemudiannya menyambung pelajaran di Sekolah Melayu Tangga Batu, Sungai Udang Melaka. Beliau dilahirkan dalam keluarga yang miskin. Di sekitar tahun



kelahirannya, masyarakat Melayu pada umumnya berada dalam keadaan daif dan tidak menentu selain daripada tidak berpelajaran.¹⁴⁴

Di Melaka, beliau telah melaksanakan projek Rancangan Menanam Semula Getah yang melibatkan 87,144 ekar kebun getah. Kemudian, beliau telah memperkenalkan Rancangan Skim Blok (RSB) yang melibatkan pembukaan 22,000 ekar kebun getah baru. Kawasan yang terlibat ialah Bukit Api sebanyak 1,600 ekar, Bukit Katil sebanyak 503 ekar, Lipat Kajang Merlimau sebanyak 547 ekar dan Kampung Gubah Merlimau sebanyak 781 ekar.¹⁴⁵ Bagi tujuan mewujudkan pengurusan kebun getah yang lebih sistematik, Skim Kelompok Pekebun Getah telah dilancarkan yang melibatkan 300 pekebun kecil.¹⁴⁶ Tun Ghafar telah mengambil langkah menambah nilai industri getah di Melaka dengan membina sebuah kilang memproses susu getah yang diuruskan oleh RIDA.

Semasa memegang jawatan Ketua Menteri Melaka selama dua penggal (1959-1967), Tun Ghafar telah melaksanakan pelbagai program pembangunan yang memberi faedah secara langsung kepada rakyat miskin di Melaka selaras dengan matlamat Kerajaan Negeri Melaka iaitu mengurangkan jumlah golongan miskin melalui pembukaan kampung baru, pembinaan rumah kos rendah, perkampungan nelayan, rancangan tanah pinggir dan sebagainya. Mereka yang miskin dan tidak mempunyai tanah dipindahkan ke Rancangan Tanah Pinggir (RTP). Seluas 240 ekar tanah telah dibuka yang mampu menempatkan 79

¹⁴⁴ Dr. Alias Mohamed. 2002. *Tun Abdul Ghafar Baba Dalam Kenangan*. Kuala Lumpur: Gateway Publishing House Sdn. Bhd, hlm.5

¹⁴⁵ *Ibid.*

¹⁴⁶ *Ibid.*

keluarga miskin. Penduduk Bandar yang miskin dan tinggal di kawasan setinggan dibantu dengan pembinaan skim perumahan kos rendah. Melalui skim sewa beli, mereka yang ditempatkan di Taman Perumahan Kos Rendah peringgit ini hanya membayar \$30 sebulan dan boleh dianggap sebagai projek pertama rumah kos rendah dan projek ini telah menjadi pelopor atau model projek perumahan rakyat kos rendah di seluruh negara. Jelaslah betapa besarnya sumbangan Tun Ghafar dalam pembangunan ekonomi masyarakat luar bandar dan tidak hairanlah jika FELDA memilih nama beliau untuk dijadikan sebagai nama utama dalam setiap rancangan FELDA yang ada di Melaka. FELDA Tun Ghafar Hutan Percha terletak 35 KM dari Timur ke Bandar Raya Bersejarah Negeri Melaka. Dua pekan yang berhampiran dengan FELDA ini ialah Pekan Tampin yang terletak 12 KM dan Pekan Alor Gajah yang terletak 15 KM daripada FELDA tersebut. Keseluruhan kawasan FELDA Tun Ghafar Hutan Percha ditanam dengan getah. Hingga ke hari ini, getah masih lagi menjadi tanaman utama walaupun telah diusahakan oleh generasi kedua kerana kebanyakan generasi pertama iaitu ibu dan bapa mereka yang merupakan peneroka asal telah meninggal dunia.



Gambar 4.1. papan tanda Selamat Datang. Sumber: Pejabat FELDA Tun Ghafar Hutan Percha, Melaka

4.3 Perkembangan Ekonomi FELDA Tun Ghafar Hutan Percha Melaka

Pada tahun 1962, bermulalah petempatan peneroka yang diurus tadbir oleh FELDA Tun Ghafar Hutan Percha. Seramai 285 orang peneroka telah ditempatkan dalam kawasan tersebut yang terdiri daripada 213 keluarga Melayu, 66 keluarga Cina dan enam keluarga India. Perincian bilangan peneroka mengikut peringkat dapat dilihat seperti dalam jadual 4.9:-

Jadual 4.9

Bilangan Peneroka Mengikut Kaum dan Peringkat Di FELDA Tun Ghafar Hutan Percha

Peneroka / Kaum	Peringkat			Bilangan
	I	II	III	
Melayu	71	113	29	213
Cina	23	29	14	66
India	5	1	-	6
JUMLAH	99	143	43	285

Sumber: Pejabat FELDA Tun Ghafar Hutan Percha, Melaka

Daripada jadual 4.9, seramai 99 orang peneroka telah terlibat dalam rancangan FELDA yang terdiri daripada 71 peneroka Melayu, 23 peneroka Cina dan 5 peneroka India. Pada peringkat kedua pula jumlah ini bertambah kepada 143 orang yang terdiri daripada 113 kaum Melayu, 29 kaum cina dan seorang kaum India. Pada peringkat ketiga pula, hanya 43 orang sahaja peneroka yang terlibat iaitu 29 daripada kaum Melayu dan 14 kaum Cina. Peratusan peneroka Melayu ialah 74.7%, kaum Cina sebanyak 23.1% dan kaum India sebanyak 2.1%. Daripada peratusan ini jelas menunjukkan kaum Melayu merupakan

golongan terbesar yang menjadi peneroka kerana kebanyakan mereka tidak mempunyai tanah untuk menjalankan kegiatan pertanian. Pembukaan tanah dan pemberian hak milik oleh FELDA merupakan satu langkah yang baik untuk membantu membangunkan semula dan meningkatkan pendapatan pekebun kecil dalam kalangan kaum Melayu di Melaka khususnya. Kebanyakan peneroka telahpun selesai membayar kembali hutang dan mendapat surat hakmilik tanah untuk petempatan. Jadual 4.10 menunjukkan tahun peneroka FELDA Tun Ghafar Hutan Percha mendapat surat hakmilik dan selesai bayar hutang.

Jadual 4.10

Tahun Pemberian Surat HakMilik dan Selesai Bayar Balik Hutang Peneroka FELDA Tun Ghafar Hutan Percha

Peringkat	Tahun	
	Selesai Bayar Balik	Surat HakMilik
I	1986	1988
II	1987	1989
III	1987	1989
IV	1991	-

Sumber: Pejabat FELDA Tun Ghafar Hutan Percha, Melaka

Berdasarkan jadual 4.10, didapati kesemua peneroka telah berjaya menyelesaikan bayaran semula dan mendapat surat hakmilik dalam tempoh 2 tahun. Setiap peneroka akan menanggung kos sebelum mendapat hasil daripada penjualan getah. Hal ini kerana pokok getah hanya boleh ditoreh semasa berusia 7 hingga 9 tahun. Sebelum tempoh tersebut, peneroka akan mendapat bantuan sara hidup yang diberikan oleh FELDA. Bantuan sara hidup inilah yang menjadi kos yang perlu dibayar balik oleh peneroka selain daripada kos

penebangan hutan dan pembersihan tanah serta lain – lain lagi. Setiap peneroka akan diberikan sebanyak lapan ekar tanah. Setiap ekar mewakili RM100.00 bantuan sara hidup. Dianggarkan setiap peneroka yang berpendapatan bawah RM1500.00 akan mendapat bantuan sara hidup setiap bulan sebanyak RM800.00 sehinggalah pokok getah tersebut dapat mengeluarkan hasil. Setelah habis bayaran hutang dalam jangkaan 20 hingga 25 tahun, surat hakmilik tanah akan diberikan kepada peneroka. Program tanaman getah ini juga bukan sahaja memberikan peluang kepada mendapat tanah, malah rancangan ini juga telah meningkatkan pendapatan peneroka. Namun begitu, pendapatan peneroka ini sangat bergantung kepada keadaan ekonomi dunia yang melibatkan harga getah dalam pasaran dunia. Harga getah pada ketika kajian ini dibuat adalah RM4.20 sekilogram. Anggaran seekor tanah adalah ditanam lebih kurang 200 batang pokok dan semangkuk getah bagi setiap pokok pula adalah seberat lebih kurang 300 gram. Jadi, purata pendapatan peneroka adalah RM3000 ke atas setiap bulan. Jadual 4.11 menunjukkan taraf pendapatan peneroka:-

Jadual 4.11

Taraf Pendapatan Peneroka FELDA Tun Ghafar Hutan Percha

Taraf Pendapatan	Bilangan
RM930.00 hingga RM1009.00	35
RM1010.00 dan ke atas	250
JUMLAH	285

Sumber: Pejabat FELDA Tun Ghafar Hutan Percha, Melaka

Jadual 4.11 jelas menunjukkan jumlah pendapatan peneroka melebihi RM930.00. Hal ini bermakna tiada peneroka yang berpendapatan rendah daripada jumlah tersebut. Malah, hampir 87.7% peneroka berpendapatan RM1010.00 ke atas. Hal ini disebabkan

oleh kenaikan harga getah dalam pasaran dunia. Tambahan pula, FELDA telah memainkan peranan yang penting dan utama dalam pelaksanaan program bermula dengan proses penebangan dan penanaman sehinggalah tanam semula getah. Ini termasuklah pelbagai bantuan yang disediakan seperti baja, latihan, bantuan sara hidup, infrastruktur seperti jalan pertanian dan sebagainya. Pada tahun 1960/1961, sebanyak 417.37 hektar tanah telah dibuka pada peringkat pertama. Pada peringkat kedua pula antara tahun 1961/1962 pula, luas kawasan keliling telah dibuka lagi sebanyak 488.49 hektar. Seterusnya sebanyak 143.91 hektar tanah diterokai pula pada peringkat ketiga iaitu sekitar tahun 1962/1963 dan pada tahun 1972/1973, seluas 212.61 hektar tanah telah dibuka pada peringkat keempat sekaligus menjadikan sebanyak 1261.98 hektar bagi keluasan sekeliling tanah telah diterokai pada tahun awal pembangunan FELDA Tun Ghafar Hutan Percha. Perincian ini

Jadual 4.12

Luas Kawasan Keliling FELDA Tun Ghafar Hutan Percha Bagi Tahun Pembangunan Awal Mengikut Peringkat

Tahun / Peringkat	Jumlah Keluasan Keliling (Hektar)	Jumlah Keluasan Tanaman (Hektar)
1960/1961 (I)	417.37	335.18
1961/1962 (II)	488.49	485.55
1962/1963 (III)	143.91	142.04
1972/1973 (IV)	212.61	195.62
JUMLAH	1261.98	1158.39

Sumber: Maklumat Asas Rancangan FELDA Hutan Percha

Berdasarkan jadual 4.12, daripada jumlah 417.37 hektar pada tahun 1960/1961, sebanyak 335.18 hektar tanah telah diusahakan dengan tanaman getah bagi peringkat

pertama dan sebanyak 485.55 hektar daripada 488.49 hektar pada peringkat kedua. Peringkat ketiga dan keempat pula masing-masing 142.04 hektar dan 195.62 hektar tanah bagi tujuan penanaman getah. Baki tanah yang tidak diusahakan untuk penanaman getah bagi peringkat pertama hingga keempat ialah masing-masing 82.19 hektar, 2.94 hektar, 1.87 hektar dan 16.99 hektar. Biasanya tanah ini akan digunakan untuk aktiviti sampingan seperti penternakan dan penanaman kontan. Projek penanaman getah pertama bermula pada tahun 1961 pada peringkat pertama dan diikuti peringkat kedua dan ketiga pada tahun 1963. Sekitar Disember tahun 1974, tanaman getah peringkat keempat telah dilaksanakan. Peringkat pertama penanaman getah mula berhasil pada bulan Julai 1968 dan bulan Jun 1969 pada peringkat kedua dan ketiga. Peringkat keempat pula memberikan hasil tanaman pada bulan Disember 1981. Dengan kata lain, pokok getah mengambil masa lebih kurang enam hingga tujuh tahun untuk mengeluarkan susu getah. Selepas itu, pokok getah tersebut akan mengeluarkan susu getah sehinggalah tidak melebihi usia pokok 25 tahun. Selepas tempoh masa 20 hingga 25 tahun, pokok getah tersebut akan ditebang dan proses penanaman semula akan dijalankan. Jadual 4.13 menunjukkan tarikh dan jumlah keluasan bagi tanam semula getah.

Jadual 4.13

Keluasan Tanam Semula Getah Bagi FELDA Tun Ghafar Hutan Percha.

Tahun / Peringkat	Jumlah (Hektar)
Mei 1988 (I)	328.42
September 1990 (II)	482.25
Oktober 1991 (III)	142.04
JUMLAH	952.87

Sumber: Pejabat FELDA Tun Ghafar Hutan Percha, Melaka

Berdasarkan jadual 4.13, proses penanaman semula peringkat pertama bermula pada bulan Mei 1988 yang melibatkan sebanyak 328.42 hektar tanah. Kemudian, peringkat kedua pula bermula pada bulan September 1990 yang melibatkan sebanyak 482.25 hektar dan 142.04 hektar pada peringkat ketiga iaitu sekitar bulan Oktober 1991. Proses penanaman semula boleh juga diusahakan oleh persendirian tetapi ianya hanya melibatkan 6.76 hektar tanah sahaja iaitu seramai dua orang pada peringkat pertama dan seorang pada peringkat kedua dengan keluasan 3.15 hektar. Peneroka yang terlibat ialah Encik Ishak bin Majid, Mohd Amin bin Baba dan Lee Ah Liap. Secara keseluruhannya, keluasan tanah untuk program tanam semula oleh FELDA bagi semua peringkat ialah 952.87 hektar dan yang diuruskan sendiri ialah 9.91 hektar. Kesemua tanam semula ini telah siap ditanam pada bulan Mei tahun 1989 untuk peringkat pertama, Mac tahun 1991 pada peringkat kedua dan Januari tahun 1992 pada peringkat ketiga. Hasilnya pula dapat dilihat seperti dalam jadual 4.14:-

Jadual 4.14

Hasil Pengeluaran Tanam Semula Mengikut Tahun dan Peringkat di FELDA Tun Ghafar Hutan Percha.

Peringkat	Bulan/Tahun
I	Jun 1995
II	1997
III	1998

Sumber: Pejabat FELDA Tun Ghafar Hutan Percha, Melaka

Daripada jadual 4.14 jelas menunjukkan bahawa tanam semula pertama mengikut peringkat telahpun memberikan hasil pada bulan Jun tahun 1995 dan berakhir pada peringkat ketiga iaitu pada tahun 1998. Pokok-pokok getah ini akan ditebang semula untuk

membolehkan program penanaman semula getah kedua dibuat yang dijangka akan mula dilaksanakan pada tahun 2013 pada peringkat pertama yang melibatkan seramai 99 orang peneroka iaitu 71 peneroka Melayu, 23 peneroka Cina dan 5 peneroka India.



Gambar 4.2. Tanaman Semula Pokok Getah. Sumber: Pejabat FELDA Tun Ghafar Hutan Percha, Melaka

RISDA membantu FELDA dalam menguruskan perkara yang berkaitan dengan getah. Contohnya, sebelum tanam semula dimulakan, RISDA akan membantu menyediakan dana untuk program tersebut. Pihak RISDA akan menghantar borang-borang permohonan peneroka kepada Pejabat RISDA di Jasin untuk dihantar ke Pejabat RISDA Negeri Melaka. Dengan kata lain, proses permohonan dan kelulusan pogram tanam semula akan melalui perantaraan RISDA di peringkat stesen dahulu sebelum diuruskan oleh RISDA Negeri. Kerjasama antara FELDA dan RISDA ini penting kerana FELDA tidak mempunyai pengetahuan yang menyeluruh tentang tanaman getah. Justeru, kerjasama antara kedua – dua agensi ini amat perlu untuk melaksanakan proses penanaman semula getah bagi peneroka. Peranan RISDA dalam membantu peneroka selain daripada menyemak dan menguruskan kelulusan borang permohonan dan dana, RISDA juga

menyediakan tambahan dua ekar tanah bagi peneroka untuk diusahakan getah yang mana segala urusan akan dibuat oleh RISDA sahaja. Hal ini bermaksud, lapan ekar tanah yang dijelaskan sebelum ini akan diuruskan oleh FELDA manakala dua ekar tanah lagi akan diuruskan oleh RISDA. Pertambahan dua ekar tanah ini adalah bertujuan untuk membantu peneroka menambah pendapatan peneroka sementara menunggu tanam yang seterusnya dimulakan. Hal ini jelas menunjukkan usaha kedua-dua agensi ini dalam membantu peneroka yang tinggal di kawasan luar bandar.

4.4 Kegiatan Ekonomi Sampingan FELDA Tun Ghafar Hutun Percha

Sementara menunggu pokok getah mencapai usia 7 hingga 9 tahun untuk mengeluarkan susu getah, penduduk di FELDA Tun Ghafar Hutun Percha telah melaksanakan kegiatan ekonomi sampingan yang dikenali sebagai Program Meningkatkan Pendapatan Peneroka atau keusahawanan. Program ini diperkukuhkan lagi dengan penubuhan jabatan Pembangunan Usahawan pada 1 April 2005. Pelaksanaan program ini difokuskan kepada lima industri utama iaitu industri makanan, industri asas tani dan program khas, industri perniagaan dan lain-lain IKS serta industri kraf tangan dan jahitan.

Di FELDA Tun Ghafar Hutun Percha, peneroka turut terlibat dalam keusahawanan. Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah tanaman kontan seperti buahan-buahan, ternakan, akuakultur, perniagaan, perusahaan dan perkhidmatan. Perusahaan ini boleh dibuat di atas tanah milik FELDA secara percuma tetapi hanya bersifat sementara. Hakmilik tanah akan terus kekal kepada FELDA dan FELDA berhak untuk mengarahkan perusahaan tersebut

dihentikan sekiranya tanah tersebut hendak digunakan bagi tujuan pembangunan dan sebagainya oleh FELDA. Berikut adalah senarai projek usahawan yang dijalankan di FELDA Tun Ghafar Hutan Percha.

Jadual 4.15

Senarai Projek Usahawan di FELDA Tun Ghafar Hutan Percha.

Bil	Nama	Projek/Kategori/Jenis	Sumber Modal	Modal (RM)
1	Harun bin Surin	Tanaman/ Buahhan/ Limau Kasturi Ternakan/Lembu/Bebas Lepas	Persendirian Persendirian	3,000.00 10,000.00
2	Heng Ah Kiang	Tanaman/ Buahhan/ Buah Naga Ternakan/Biri-biri/Bebas Lepas	Persendirian Persendirian	10,000.00 10,000.00
3	Md. Derus bin Latib	Ternakan/Lembu & Biri-biri/Bebas Lepas	Siuf Persendirian	10,000.00 10,000.00
4	Jaafar bin Kamal	Ternakan/Lembu&Biri- biri/Bebas Lepas	Siuf Persendirian	10,000.00 10,000.00
5	Lim Ba Chik	Ternakan/Ayam/Daging	Siuf	50,000.00
6	Ayob bin Maulud	Ternakan/Ayam/Daging	Siuf	15,000.00
7	Tauzah bin Othman	Ternakan/Ayam/Daging Perniagaan/Kedai Makan	Persendirian Persendirian	40,000.00 3,000.00
8	Md. Zin bin Mahmood	Ternakan/Kambing/Fidlot Perkhidmatan/Pengangkutan Awm	Persendirian Persendirian	5,000.00 50,000.00
9	Yaacob Mahmud	Ternakan/Lembu/Bebas Lepas	Persendirian	10,000.00
10	Zainun bin Nasib	Ternakan/Lembu/Bebas Lepas	Persendirian	15,000.00
11	Jaharah binti Muhammad	Perniagaan/Pasar Malam	Persendirian	8,000.00

Sumber: Pejabat FELDA Tun Ghafar Hutan Percha, Melaka

Jadual 4.15 menunjukkan program keusahawanan yang dijalankan secara komersil sama ada melalui modal persendirian ataupun 'Siuf'. 'Siuf' adalah intensif pinjaman untuk peneroka. Namun begitu, terdapat juga perusahaan yang dijalankan hanya untuk memenuhi



keperluan sendiri ataupun sekadar mengisi masa lapang. Hal ini menunjukkan masih terdapat segelintir peneroka yang tidak berminat untuk memasarkan hasil mereka di peringkat yang lebih tinggi lagi kerana mereka beranggapan bahawa proses untuk mendapatkan pinjaman adalah rumit. Lebih ramai peneroka yang menggunakan modal persendirian berbanding dengan siuf. Peneroka sepatutnya berfikiran lebih luas dalam hal ini bagi memastikan kegiatan sampingan yang mereka lakukan dapat memberikan hasil yang lebih lumayan lagi. Tetapi sebaliknya mereka lebih suka bersikap tradisional dan hanya akan menjual hasil ternakan jika terdapat pembeli tanpa membuat pemasaran yang lebih baik lagi.



05-4506832



ptbupsi

Gambar 4.3. Tanaman Kontan (Pokok Betik). Sumber: Pejabat FELDA Tun Ghafar Hutan Percha, Melaka





Gambar 4.4. Tanaman Kontan (Pokok Pisang). Sumber: Pejabat FELDA Tun Ghafar Hutan Percha, Melaka

Bagi meningkatkan lagi keupayaan dan kecekapan pegawai FELDA dan peneroka, pelbagai latihan telah dilaksanakan seperti *Good Agriculture Practices* (GAP), Seminar ICT, Re-Engineering, Perakaunan Ladang, Kursus Pencontohan Baja, Pengurusan Harta Pusaka dan Faraid, Kursus Permohonan Baja, Kursus Pengenalpastian Klon Getah, Landskap, Seminar Pengurus FELDA dan sebagainya.



Gambar 4.5. Ternakan Kambing di FELDA Hutan Percha. Sumber: Pejabat FELDA Tun Ghafar Hutan Percha, Melaka



4.5 Perkembangan Sosial FELDA Tun Ghafar Hutan Percha

Infrastruktur yang dibina dalam sesebuah petempatan melambangkan taraf hidup sosial sesebuah masyarakat dan ia merupakan salah satu daripada ukuran pembangunan. Contohnya, sekolah, balai raya, jalan raya, balai polis, rumah ibadat, padang sukan, kemudahan elektrik, bekalan air, pondok telefon dan sebagainya. Kesemua ini penting untuk menyokong perkembangan ekonomi sesebuah kawasan.

4.5.1 Alat Perhubungan



Alat perhubungan merupakan aspek yang sangat penting kerana ia menghubungkan antara satu kawasan dengan kawasan yang lain sama ada melalui perhubungan telekomunikasi mahupun perhubungan jalan. FELDA Tun Ghafar Hutan Percha dihubungkan dengan pekan – pekan yang berdekatan dan bandar melalui jaringan jalan raya. Jarak antara FELDA ini dengan Bandar Melaka ialah 38 KM. Manakala jarak dengan Tampin dan Alor Gajah pula ialah 20 KM dan 15 KM. Terdapat pengangkutan awam seperti bas dan perhentian bas yang disediakan. Bagi tujuan memudahkan pengangkutan hasil getah, jalan pertanian telah dibina untuk menghubungkan laluan kawasan petempatan ke ladang getah seterusnya luar kawasan FELDA. Berikut ialah jadual yang menunjukkan jalan pertanian yang dibina mengikut peringkat:-



Jadual 4.16

Jalan Pertanian Mengikut Peringkat di FELDA Tun Ghafar Hutan Percha.

Peringkat	Meter
I	23724
II	44444
III	7647
IV	12435
JUMLAH	88250

Sumber: Pejabat FELDA Tun Ghafar Hutan Percha, Melaka

Jadual 4.16 menunjukkan sebanyak 88 250 meter jalan pertanian telah dibina untuk tujuan pertanian. Peringkat pertama melibatkan 23724 meter, peringkat kedua pula 44444 meter dan peringkat ketiga serta keempat pula 7647 meter dan 12435 meter. Pembinaan jalan pertanian ini menunjukkan telah wujud sistem perhubungan yang baik dalam aspek pembangunan sosial sekaligus dapat membantu meningkatkan hasil peneroka. Dengan adanya jalan pertanian ini, kegiatan ekonomi dapat berjalan dengan lancar dan mempercepatkan proses pengumpulan getah sebelum dihantar kepada pembekal.

4.5.2 Pendidikan

Pendidikan merupakan elemen yang penting dalam membangunkan modal insan. Dari aspek pendidikan pula, terdapat dua buah sekolah iaitu sekolah rendah kebangsaan dan Sekolah Rendah Agama Rakyat (JAIM). Bilangan pelajarinya adalah seperti dalam jadual 4.17:-

Jadual 4.17

Bilangan Sekolah dan Pelajar di FELDA Tun Ghafar Hutan Percha.

Jenis Sekolah	Bilangan Sekolah	Bilangan Murid
Sek. Rendah Kebangsaan	1	193
Sek. Men. Kebangsaan	-	-
Sek. Ren. Jenis Keb. (C)	-	-
Sek. Ren. Jenis Keb. (T)	-	-
Sekolah Vokasional	-	-
Sek. Men. Agama Rakyat (JAIM)	1	163
Sek. Men. Agama Negeri	-	-
Sek. Ren. Agama Swasta	-	-
JUMLAH	2	356

Sumber: Pejabat FELDA Tun Ghafar Hutan Percha, Melaka

Berdasarkan jadual 4.17, dapat dilihat bilangan pelajar sekolah rendah adalah

seramai 193 orang dan yang mengikuti sekolah rendah agama pula seramai 163 orang.

Anak-anak peneroka yang telah tamat darjah enam akan bersekolah di kawasan luar

FELDA seperti di sekitar laluan ke Pekan Tampin dan Alor Gajah. Selain sekolah rendah,

terdapat juga sebuah tabika KEMAS yang menempatkan seramai 32 orang murid dan Pra

Sekolah seramai 16 orang murid. Sungguhpun dalam kawasan FELDA tidak terdapat

sekolah menengah, namun anak-anak peneroka masih lagi dapat melanjutkan pelajaran di

sekolah menengah di sekitar kawasan Negeri Melaka yang berhampiran dengan

penempatan. Kemudian, mereka yang berjaya akan melanjutkan pelajaran diperingkat

yang lebih tinggi lagi. Ini menunjukkan tiada lagi anak-anak peneroka yang tercicir dalam

arus pendidikan. FELDA turut membantu menyediakan pelbagai kemudahan dalam

meningkatkan ilmu pengetahuan anak-anak peneroka. Contohnya, pinjaman untuk masuk



ke universiti yang terpilih seperti UPM, UM, UiTM, Politeknik termasuklah IPTS dan universiti luar negara. Bagi anak peneroka yang berjaya masuk ke universiti juga, mereka akan diberikan Skim Intensif Bantuan Anak Peneroka secara percuma sebanyak RM500.00 untuk peringkat diploma, RM1000.00 bagi peringkat ijazah dan RM1500.00 bagi universiti luar negara. Skim Tuisyen FELDA juga turut dibuat secara percuma bagi pelajar yang mengambil UPSR. Antara lain kemudahan yang diberikan ialah pinjaman pembelian komputer dan latihan kemahiran peringkat Sijil Tahap 1 seperti kejururawatan dan komputer.



Gambar 4.6. Sekolah Rendah Agama JAIM. Sumber: Pejabat FELDA Tun Ghafar Hutan Percha, Melaka





Gambar 4.7. Taman Bimbingan Kanak-kanak. Sumber: Pejabat FELDA Tun Ghafar Hutan Percha, Melaka

Aspek kesihatan juga tidak kurang pentingnya kerana ia juga merupakan alat untuk mengukur kemajuan sesuatu masyarakat. Di FELDA Tun Ghafar Hutan Percha, terdapat sebuah sahaja Pusat Kesihatan yang memainkan peranan penting untuk membolehkan peneroka dan isi rumah mendapatkan rawatan.

4.5.4 Perumahan

Dari segi perumahan pula, terdapat banyak perubahan dari segi bentuk rumah asal. Namun begitu, masih lagi terdapat beberapa rumah yang mengekalkan rumah asal mereka

sungguhpun terdapat penambahan di bahagian belakang rumah. Jadual 4.18 menunjukkan jenis rumah yang terdapat dalam kawasan FELDA ini.

Jadual 4.18

Jenis Rumah di FELDA Tun Ghafar Hutan Percha.

Jenis Rumah	Bilangan
Awam Kerajaan	21
Projek Perumahan Rakyat (PPRT)	-
Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat	-
Kos Rendah/Kos Perumahan Rakyat	-
Kos Rendah Swasta	-
Pangsa	-
Banglo	12
Tradisional	-
Kayu/Separa Batu	273
Teres Setingkat	-
Teres Dua Tingkat Atau Lebih	-
Apartment/Pangsapuri/Kondominium	-
JUMLAH	293

Sumber: Pejabat FELDA Tun Ghafar Hutan Percha, Melaka

Berdasarkan jadual 4.18, terdapat 21 buah rumah awam kerajaan yang disediakan untuk kakitangan kerajaan seperti pegawai FELDA dan guru sekolah. Tiada projek perumahan rakyat dalam kawasan FELDA ini. Sungguhpun tiada rumah yang berbentuk kondominium, namun ada rumah berbentuk banglo sebanyak 12 buah. Hal ini sudah jelas menunjukkan taraf ekonomi dan sosial yng tinggi di kalangan peneroka kerana mampu membina rumah banglo. Selebihnya adalah rumah jenis separa batu dan kayu yang mana kebanyakan peneroka menambah rumah secara beransur–ansur sama ada melalui pinjaman pembesaran rumah peneroka atau persendirian. FELDA membantu menyediakan pinjaman pembesaran perumahan sebanyak RM40,000.00 kepada mereka yang layak.



Gambar 4.8. Rumah Asal FELDA. Sumber: Pejabat FELDA Tun Ghafar Hutan Percha, Melaka



Gambar 4.9. Rumah Penduduk FELDA Yang Telah Diubahsuai. Sumber: Pejabat FELDA Tun Ghafar Hutan Percha, Melaka

4.5.5 Kemudahan Asas

Pelbagai kemudahan asas juga turut disediakan. Jadual 4.19 pula menunjukkan kemudahan asas iaitu bekalan air dan elektrik serta komunikasi yang telah disediakan.

Jadual 4.19

Kemudahan Asas di FELDA Tun Ghafar Hutan Percha

Bekalan Elektrik	Bilangan (%)
Liputan Bekalan Elektrik (TNB)	100
Bekalan Air	
Liputan Bekalan Air (PAM)	100
Perhubungan Telekomunikasi	
Talian Telefon (TELEKOM)	100

Sumber: Pejabat FELDA Tun Ghafar Hutan Percha, Melaka

Daripada jadual 4.19 jelas menunjukkan tiada lagi isi rumah yang tidak mendapat bekalan elektrik, air dan telefon. Ini bermaksud, mereka tidak lagi menggunakan generator untuk menerangi rumah dan perigi untuk menjalankan urusan seharian.

Isi rumah di FELDA Tun Ghafar Hutan FELDA terdiri daripada pelbagai peringkat umur. Jadi, pusat rekreasi juga turut disediakan untuk golongan belia dan kanak – kanak menjalankan kegiatan riadah bagi meningkatkan lagi kegiatan kemasyarakatan di kalangan anak-anak peneroka. Jadual 4.20 menunjukkan kemudahan rekreasi yang ada dalam FELDA ini.

Jadual 4.20

Kemudahan Rekreasi di FELDA Tun Ghafar Hutan Percha.

Kemudahan	Bilangan
Padang Awam	1
Padang Bola	1
Gelanggang Sepak Takraw, Badminton dan lain-lain	1
Taman Permainan Kanak-kanak	-
Taman Rekreasi	1
JUMLAH	4

Sumber: Pejabat FELDA Tun Ghafar Hutan Percha, Melaka

Berdasarkan jadual 4.20, kemudahan yang disediakan adalah padang awam, padang bola, gelanggang sukan, taman rekreasi dan taman permainan.

Kemudahan awam pula penting untuk memudahkan segala urusan dengan pihak luar. Jadual 4.21 menunjukkan kemudahan awam yang disediakan untuk FELDA ini.

Jadual 4.21

Kemudahan Awam di FELDA Tun Ghafar Hutan Percha.

Kemudahan	Bilangan
Perpustakaan Awam (DESA)	1
Pusat Komputer Komuniti	1
Telefon Awam	3
Lampu Jalan	157
Dewan Serbaguna/Orang Ramai	1
Balairaya	1
Balai JKKK	1
Balai Polis	1
JUMLAH	166

Sumber: Pejabat FELDA Tun Ghafar Hutan Percha, Melaka

Berdasarkan jadual 4.21, antara kemudahan awam yang disediakan adalah perpustakaan, telefon, lampu jalan, balai raya, dewan sebagainya, balai raya, balai JKKK dan balai polis. Jumlah keseluruhan kemudahan ini adalah sebanyak 166.



Gambar 4.10. Kemudahan Asas (Padang Permainan). Sumber: Pejabat FELDA Tun Ghafar Hutan Percha, Melaka



Gambar 4.11. Kemudahan Asas (Perpustakaan). Sumber: Pejabat FELDA Tun Ghafar Hutan Percha, Melaka



Gambar 4.12. Kemudahan Asas (Dewan Orang Ramai). Sumber: Pejabat FELDA Tun Ghafar Hutan Percha, Melaka



Gambar 4.13. Balai Polis Hutan Percha. Sumber: Pejabat FELDA Tun Ghafar Hutan Percha, Melaka

Kemudahan lampu jalan penting untuk memudahkan laluan penduduk pada waktu malam di samping untuk menjaga keselamatan penduduk untuk mengelakkan sebarang kemalangan. Balai raya pula digunakan untuk mengadakan aktiviti kemasyarakatan golongan dewasa dan tua seperti mesyuarat, berbincangan dan sebagainya. Dari aspek keselamatan harta benda dan diri pula, sebuah balai polis telah diwujudkan. Rela juga turut membantu menjaga keselamatan penduduk selain daripada mengawal lalu lintas sewaktu majlis tertentu seperti perkahwinan dan sukaneka. Rondaan setiap malam juga dibuat melalui ahli rukun tetangga atau lebih dikenali Skim Rondaan Sukarelawan (SRS).

4.5.6 Kerohanian

Aspek kerohanian dan keagamaan pula, terdapat rumah ibadat dan tanah perkuburan untuk semua kaum. Jadual 4.22 menunjukkan jenis rumah ibadat dan keluasan tanah perkuburan.

Jadual 4.22

Tempat Ibadat di FELDA Tun Ghafar Hutan Percha

Jenis Rumah Ibadat	Bilangan
Masjid	1
Surau	1
Tokong Cina	1
Kuil Hindu	1
Gereja	1
JUMLAH	5

Sumber: Pejabat FELDA Tun Ghafar Hutan Percha, Melaka

Berdasarkan jadual 4.22, jenis rumah ibadat yang disediakan adalah masjid, surau, tokong, kuil dan gereja.



Gambar 4.14. Kemudahan Asas (Masjid). Sumber: Pejabat FELDA Tun Ghafar Hutan Percha, Melaka

Jadual 4.23

Keluasan Tanah Perkuburan di FELDA Tun Ghafar Hutan Percha.

Tanah Perkuburan	Keluasan Tanah (Hektar)
Melayu	0.50
Cina	0.25
India	0.25
JUMLAH	1.0

Sumber: Pejabat FELDA Tun Ghafar Hutan Percha, Melaka

Berdasarkan jadual 4.23, luas tanah perkuburan bergantung kepada jumlah sesuatu kaum. Majoriti penduduk adalah berbangsa Melayu. Jadi, keluasan tanah untuk kaum Melayu lebih daripada kaum yang lain. Van Jenazah untuk orang Melayu juga turut disediakan.

Sistem blok telah diperkenalkan iaitu setiap peneroka akan ditempatkan dalam blok yang berbeza-beza. Setiap blok mempunyai seorang ketua iaitu ahli Gerakan Persatuan Wanita (GPW) yang akan menjaga lebih kurang 20 hingga 25 ahli. Setiap ahli ini akan diagihkan oleh pihak FELDA. Sistem blok ini bukan untuk mewujudkan perbezaan antara peneroka sebaliknya bertujuan untuk memudahkan segala urusan dan mempercepatkan proses penyampaian maklumat. Hubungan antara ahli dalam blok masih lagi dapat diwujudkan melalui kegiatan gotong royong semasa majlis perkahwinan dan kematian, pertandingan sukan dan keceriaan, bacaan yasin antara blok dan sebagainya. Selain daripada GPW, terdapat juga persatuan lain seperti UMNO, MCA, MIC, Majlis Belia FELDA Malaysia, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Dapur Sihat, Lembaga Masjid, Biro Ladang, JKKK dan KEMAS.



Gambar 4.15. Sistem Blok dalam Penempatan FELDA. Sumber: Pejabat FELDA Tun Ghafar Hutan Percha, Melaka

4.6 Masalah Yang Dihadapi Oleh FELDA Tun Ghafar Hutan Percha

Bukanlah suatu yang mudah untuk menguruskan perkara yang berkaitan dengan tanah. Hal ini kerana ia melibatkan hukum Islam dan hubungan kekeluargaan. Masalah yang berkaitan dengan tanah akan mula timbul sekiranya peneroka atau penama iaitu pentadbir meninggal dunia. Kawasan tanah yang dimajukan adalah tertakluk kepada Akta Tanah iaitu secara berkelompok. Akta ini memperuntukkan bahawa tanah yang diberikan kepada peneroka tidak boleh dipecah-pecahkan seperti tanah milik persendirian. Hanya satu nama sahaja yang ditulis sebagai penama dalam surat perjanjian antara FELDA dan peneroka rancangan FELDA. Setiap peneroka akan mendapat lapan ekar tanah untuk diusahakan sebagai kawasan pertanian dan suku ekar tanah atau bersamaan dengan 10875 kaki persegi tanah untuk penempatan. Sekiranya pentadbir atau penama meninggal dunia tetapi telahpun mewasiatkan penama lain seperti anaknya sebagai pengganti, maka tidak akan menjadi

masalah kerana tanah tersebut akan menjadi hakmilik kekal penama yang telah diwasiatkan tadi dan tanah tersebut tidak boleh ditukar milik sehinggalah mendapat persetujuan dan keizinan penama atau pentadbir tersebut. Masalah mula timbul sekiranya peneroka tidak menamakan penggantinya selepas meninggal dunia. Tanah tersebut akan menjadi perebutan antara anak – anak peneroka sehingga boleh menimbulkan pergaduhan. Dalam hal ini, FELDA mencadangkan agar perbincangan antara adik beradik dan ibu dibuat sehinggalah persepakatan tercapai untuk memilih satu penama sahaja dalam kalangan mereka. Penama tersebut hendaklah berlaku adil dan mengagihkan hasil yang terima dengan adik beradik yang lain. Namun begitu, terdapat juga penama yang dipilih tidak memegang amanah. Dalam hal ini, adik-beradik yang lain boleh menukar semula nama baru jika didapati wujudnya ketidakadilan yang dibuat oleh penama sebelum ini. Selain daripada melibatkan adik beradik, masalah juga boleh timbul jika peneroka berkahwin lebih daripada satu. Sudah pasti isu untuk meletakkan nama sebagai pentadbir menjadi lebih sukar kerana melibatkan lebih banyak pihak. Penyelesaian yang terbaik adalah melalui perbincangan dan kepercayaan antara satu sama lain.

Masalah yang seterusnya ialah melibatkan tanah rezab FELDA. FELDA membenarkan peneroka untuk mengusahakan tanah rezab bagi tujuan kegiatan sampingan ataupun keusahawanan. Contohnya, mengusahakan tanaman kontan seperti pisang dan penternakan seperti membina kandang kambing dan lembu termasuklah akuakultur di atas tanah milik FELDA. Namun begitu, wujud masalah apabila FELDA ingin menggunakan tanah tersebut untuk tujuan pembangunan dan sebagainya. Telahpun dimaklumkan kepada peneroka tentang penggunaan tanah rezab ini iaitu FELDA berhak untuk meminta

peneroka menghentikan dengan serta merta segala kegiatan yang dijalankan di atas tanah tersebut pada bila-bila masa sekiranya tanah tersebut hendak digunakan oleh FELDA untuk tujuan tertentu. Namun, masih terdapat segelintir peneroka yang enggan menghentikan kegiatan mereka. Malah mendakwa tanah tersebut adalah hak milik mereka. Dalam hal ini, FELDA terpaksa menjelaskan semula konsep penggunaan tanah rezab kepada mereka yang enggan dan masih tidak faham yang kebanyakannya terdiri daripada anak-anak peneroka ataupun generasi kedua.

Satu lagi masalah yang timbul ialah berkaitan dengan pemahaman peneroka tentang keusahawanan ataupun program meningkatkan pendapatan melalui kegiatan ekonomi sampingan. Kebanyakan peneroka di FELDA ini menggunakan modal persendirian untuk menjalankan kegiatan sampingan seperti menanam buah-buahan, penternakan lembu dan kambing, perniagaan seperti kedai runcit dan lain-lain. Sungguhpun ada kemudahan pinjaman yang disediakan, namun peneroka lebih suka menjalankan kegiatan secara persendirian dan individu. Hal ini kerana mereka beranggapan bahawa proses peminjaman adalah rumit dan memerlukan banyak prosedur sebelum diluluskan. Tambahan pula, mereka perlu menghantar laporan kepada FELDA bagi memaklumkan perkembangan dan hasil yang diperolehi. Bagi peneroka, kegiatan yang dijalankan secara persendirian ini adalah lebih mudah dan senang diuruskan dan tidak terikat dengan peraturan pemasaran, penjualan dan sebagainya. Hasil pendapatan sampingan ini bergantung kepada keadaan tertentu. Contohnya, jika ada pembeli yang ingin membeli kambing, maka peneroka akan menjualnya. Jika tiada pembeli, maka kambing tersebut akan terus dipelihara. Dengan kata lain, peneroka tidak berminat untuk memasarkan hasil di peringkat yang lebih komersil



lagi. Mereka lebih bersifat mengikut kemahuan sendiri sahaja. Walaupun galakan telah diberikan oleh pihak FELDA, ia masih gagal mengubah persepsi setengah peneroka untuk terus menjalankan kegiatan secara dalaman sahaja iaitu hasil hanya dijual dalam kawasan penempatan seperti di kedai – kedai runcit dan pasar malam. Dalam hal ini, FELDA akan terus memberi motivasi dan galakan kepada peneroka tentang kelebihan program keusahawanan ini dalam usaha meningkatkan lagi pendapatan peneroka.

4.7 Kesimpulan

FELDA Tun Ghafar Hutan Percha merupakan salah satu FELDA yang terdapat di Negeri Melaka. Perbezaan antara FELDA ini dengan FELDA–FELDA yang lain ialah dari segi tanaman. FELDA ini tidak mengusahakan tanaman kelapa sawit kerana keadaan tanahnya yang tidak sesuai. Namun begitu, FELDA ini dapat dilihat berkembang seiring dengan FELDA–FELDA yang lain malah berada di bawah garisan kemiskinan. FELDA telah berjaya membawa keluar peneroka dalam rancangan ini daripada belenggu kemiskinan dan taraf hidup rendah. Pendapatan peneroka telah berjaya ditingkatkan sehingga melebihi RM930.00 sebulan. Tambahan pula, pelbagai kemudahan asas dan awam telah disediakan untuk meningkatkan taraf sosial masyarakat yang tinggal dalam FELDA Tun Ghafar Hutan Percha. Contohnya, kanak–kanak berpeluang untuk mendapat pelajaran di peringkat pra lagi sehinggalah ke peringkat lebih tinggi. Walaupun terdapat segelintir peneroka yang tidak berpuas hati tentang isu tanah rezab dan tidak mengambil peluang untuk menambah pendapatan melalui keusahawanan, namun peranan FELDA dalam mengurangkan kadar





kemiskinan dan meningkatkan sosioekonomi masyarakat luar bandar di Melaka dalam rancangan FELDA Tun Ghafar Hutan Percha tidak dapat dinafikan lagi. Kesimpulannya, kemajuan yang ada di FELDA Tun Ghafar Hutan Percha adalah disebabkan oleh peranan yang dimainkan oleh agensi FELDA di Melaka.





BAB 5

KESIMPULAN



5.1 Penutup

Hasil kajian mendapati bahawa berlaku penghijrahan penduduk dari luar Bandar ke tanah rancangan yang dikendalikan oleh FELDA. Masyarakat Melayu luar bandar di Negeri Melaka terbahagi kepada dua arus utama pembentukannya. Pertama, masyarakat yang dari mula lagi menjalani kehidupan di luar bandar Melaka., iaitu di daerah Alor Gajah atau khususnya di wilayah Nanning dan di daerah Jasin, terutamanya di bahagian Jasin Pantai. Di wilayah Nanning dan kawasan pedalaman yang menganjur sehingga ke sempadan Jasin Darat penduduknya terdiri dari mereka yang berpegang kepada Adat Perpatih. Manakala penduduk di Jasin Pantai adalah orang Melayu Melaka yang berpegang kepada Adat Temenggong. Kedua, adalah orang Melayu yang merupakan penghijrah. Penghijrah utama



yang memenuhi kawasan luar bandar adalah mereka yang dahulunya mendiami kawasan bandar dan pinggir bandar Melaka. Kesempitan hidup membuat mereka berpindah ke luar bandar. Penghijrah ke kawasan luar bandar yang lain terdiri daripada orang Melayu dari luar Melaka. Orang Jawa dan Bugis yang mendatangi kawasan Jasin Pantai. Orang Bugis juga datang mendiami kawasan sebelah pantai Alor Gajah. Arus pergerakan penduduk Melayu Melaka mendiami kawasan luar bandar berlaku sejak awal ke-20 dengan perkembangan tanaman getah dan adanya peluang membuka tanah di pendalaman. Kemudiannya perpindahan orang Melayu berlaku lagi selepas 1970, tetapi dalam bentuk pergerakan yang lain. Satu pergerakan itu adalah perpindahan ke tanah rancangan kerana dengan menyertai tanah rancangan FELDA khususnya maka berpeluang memiliki tanah seluas sepuluh ekar. Pergerakan yang agak terhad adalah akibat pelaksanaan projek yang dikendalikan oleh FELCRA dan RISDA. Namun pada dekad 70an itu berlaku pula penghijrahan di kalangan generasi muda terutamanya dari luar bandar ke wilayah bandar untuk mendapatkan pekerjaan di bandar atau dalam pekerjaan di kilang-kilang di kawasan perindustrian yang baru dibuka pada tempoh itu. Jelas kesemua pergerakan itu dicetuskan oleh faktor ekonomi atau penyaraan hidup. Namun setiap pergerakan itu ada perkaitannya dengan soal tanah baikpun kepada penduduk ataupun kepada pihak kerajaan.

Hasil kajian juga mendapati bahawa taraf kehidupan masyarakat luar bandar di Melaka bertambah lebih baik setelah berhijrah dan menyertai tanah rancangan FELDA. Hal ini kerana terdapat perbezaan yang ketara dalam corak kehidupan orang Melayu luar bandar sebelum menyertai rancangan tanah FELDA. Sebelum ini, taraf hidup orang Melayu yang tinggal di kampung-kampung amat rendah kerana kehidupan mereka



bercorak sara diri. Hasil yang diperolehi melalui kegiatan pertanian hanya cukup untuk menampung kehidupan keluarga sahaja. Pertanian yang diusahakan adalah bersifat sara diri dan tidak mempunyai daya pasaran dan persaingan serta nilai mata wang untuk dikomersilkan. Kaedah yang digunakan pula tidak berdaya maju dan berteknologi tinggi. Tiada kemudahan bantuan pembiayaan dan subsidi baja. Hasil yang terhad ini telah menjadikan taraf hidup orang Melayu rendah. Keadaan ini berbeza selepas FELDA membuka tanah-tanah baru dan penempatan untuk orang Melayu luar bandar. Pembukaan tanah ini telah memberi peluang kepada petani-petani miskin mengusahakan tanaman lebih banyak. Hasil pertanian pula boleh dipasarkan selain menampung kehidupan keluarga. Tanaman seperti getah dan kelapa sawit memberikan hasil yang sangat lumayan. Dalam tempoh mendapatkan hasil pula, tanah-tanah tersebut juga boleh digunakan untuk tanaman kontan seperti tebu, koko, pisang dan sebagainya. Secara tidak langsung, pembukaan tanah baru telah berjaya meningkatkan taraf hidup petani-petani miskin kawasan luar bandar.

Selain itu, hasil kajian juga mendapati, anggaran pendapatan bulanan orang Melayu yang menyertai rancangan tanah FELDA menjangkau RM300.00 sebulan. Malah, ada peneroka yang telah memiliki sepenuhnya tanah rancangan FELDA iaitu tidak perlu lagi membayar sewa kepada pihak FELDA. Pendapatan bersih antara RM2000.00 ke RM3000.00 jelas membuktikan bahawa adanya perubahan yang sangat ketara berbanding dengan pendapatan sebelum adanya tanah rancangan FELDA. Peningkatan taraf hidup dari aspek pendapatan ini juga ditunjangi oleh dua lagi agensi kerajaan yang turut menyumbang pelbagai bantuan dan perkhidmatan. RISDA dan FELCRA juga dilihat sangat membantu peneroka dalam meningkatkan hasil pertanian. Pemberian subsidi baja, pembiayaan





pinjaman, kemudahan teknologi moden, peningkatan pengetahuan tentang pertanian serta lain-lain telah membuka peluang yang lebih luas lagi untuk mengembangkan pasaran hasil pertanian penduduk rancangan FELDA. FELDA, RISDA dan FELCRA telah membuka peluang yang luas untuk membantu orang melayu luar bandar.

Peningkatan taraf hidup ini juga dilihat telah menyebabkan pelbagai kemudahan asas telah diwujudkan. Setiap rancangan FELDA dilengkapi dengan kemudahan seperti bekalan api, bekalan air dan bekalan elektrik. Kemudahan pendidikan seperti sekolah, dewan besar, masjid, padang dan lain-lain juga turut disediakan kesan daripada kemajuan tanah rancangan FELDA. Pelbagai program kemasyarakatan juga boleh dilihat kesan daripada perubahan yang positif ini. Kegiatan gotong-royong, majlis kenduri, kegiatan keagamaan dilihat menjadi faktor keharmonian dalam penempatan penduduk di FELDA. Ini jelas menunjukkan taraf hidup orang Melayu di luar bandar semakin meningkat kesan daripada peningkatan hasil pertanian.

Peningkatan hasil pengeluaran kesan daripada pelaksanaan projek oleh agensi itu yang menerapkan matlamat DEB telah berjaya mengubah taraf hidup dan nilai sosial masyarakat khususnya bagi generasi pertama peserta. Dapat dilihat pendapatan pekebun kecil telah meningkat dan keluasan tanah untuk pertanian juga bertambah. Kesan utama yang dapat dilihat ialah kadar kemiskinan telah dapat dikurangkan. Selain itu, telah wujud pelbagai kemudahan sosial seperti sekolah, pusat kesihatan, kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik dan talian telefon termasuklah pembinaan jalan raya. Kesemua ini telah mengubah corak atau cara hidup masyarakat luar bandar. Jelaslah bahawa





pelaksanaan DEB melalui peranan agensi –agensi seperti FELDA, RISDA dan FELCRA telah berjaya membawa perkembangan ekonomi pertanian di Melaka sekaligus meningkatkan taraf ekonomi dan sosial masyarakat luar bandar di Melaka. Kajian tentang perkembangan ekonomi pertanian semasa pelaksanaan DEB melalui peranan agensi – agensi seperti FELDA, RISDA dan FELCRA di Melaka adalah satu kajian yang menarik. Hal ini kerana kajian seumpama ini dapat memberi kesedaran kepada semua betapa pentingnya peranan DEB dalam aspek pertanian. Penubuhan agensi – agensi seperti FELDA, RISDA dan FELCRA pula umpama tulang belakang dalam mencapai matlamat DEB untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Pada masa akan datang, pengkaji berminat untuk mengkaji kajian yang berkaitan dengan DEB seperti perkembangan pendidikan semasa pelaksanaan DEB di Melaka. Hal ini kerana, DEB bukan sahaja dilaksanakan dalam aspek ekonomi tetapi merangkumi aspek politik dan sosial. Secara keseluruhannya, jelaslah bahawa perkembangan ekonomi pertanian di Melaka telah mengalami peningkatan yang positif sewaktu pelaksanaan DEB. Hal ini dapat dilihat melalui keberkesanan peranan yang dimainkan oleh agensi – agensi seperti FELDA, RISDA dan FELCRA





RUJUKAN

Laporan Tahunan

Aspek-aspek penting Rancangan Malaysia Kedua.

Bab-bab Mengenai Dasar Ekonomi Baru dari Dokumen-dokumen Rancangan Pembangunan Lima Tahun. Unit Perancang Ekonomi. Jabatan Perdana Menteri Malaysia.

Banci Penduduk 1980.

Data Asas Melaka Negeri Melaka Bandaraya Bersejarah. 2009. Pejabat Tanah dan galian Melaka.

Felda Pembangunan Tanah Negeri Melaka.1995.

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketika 1976 – 1980.

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketika 1971 – 1975.



Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketika 1986–1990.

KDNK EPU, Jabatan Perangkaan Malaysia, Laporan Ekonomi 2008/2009, Akaun Negara KDNK Suku ke 4.

Kejayaan & Prospek, Kajian Semula Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975)

Laporan Tahunan 1990 Risda Negeri Melaka.

Malaysia, Population & Housing Census, Department of Statistics.1980. Kuala Lumpur.

Pendekatan Baru Dalam Usaha Perancangan & Pelaksanaan Program DEB.

Rancangan Malaysia Kelima.





Artikel

Bahan Syarahan DEB, Arkib Negara Malaysia.

Mohd Daud bin Abdul Rahman.1975. Ucapan-ucapan Tun Haji Abdul Razak 1960. Arkib Negara Malaysi.

Rekod Kolonial

David Rumsey Historical Map Collection. Presqu'ile de Malacca. Oceanique no. 12. Vandermaelen, Philippe, 1795-1869.

Government Gazette, Vol 1, Part 2, 1948

Map of The Malacca Territory.1867. Historical Map Collection, Department of Geography, University of Malaya.

Map of The Malacca Territory.1878.PRO London. Straits Settlements.No.15.



Map of The Malacca Territory 1886 and Tracing of the Malacca Territory 1874.National Archives of Malaysia, Petaling Jaya.

Jurnal/Ensiklopedia

Ensiklopedia Global Jilid 18.2001.

Minit Mesyuarat

Kertas Minit Mesyuarat.1991.



Rekod Kerajaan

Jabatan Kerja Raya Melaka.

Jabatan Pertanian Negeri Melaka.

Jabatan Kesihatan Negeri Melaka.

Jabatan Pelajaran Melaka.

Jabatan Perangkaan, Labour Force Survey 1986 & 1988.

Lembaga Perumahan Negeri Melaka.

MARDI 30 Tahun 1970-2000.

Syarikat Air Melaka Berhad.

Tenaga Nasional Berhad.

Telekom Malaysia.

Unit Perancang Ekonomi. Jabatan Ketua Menteri Melaka.

Buku

Abdul Rahman Ismail. 2007. *Malaysia Sejarah Kenegaraan dan Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Ahmad Mahdzan Ayob. 1994. *Pembangunan Pertanian Ekonomi, Dasar dan Bukti Empirik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Amarjit Kaur. 1985. *Brigde & Barrier Transport and Communications in Colonial Malaya 1870-1957*. Singapore: Oxford University Press.

Anggota Persatuan Penerbit Malaysia. 2008. *Malaysia Kita*. Selangor: Golden Books Center Sdn. Bhd.

